

**Bil. 55**

**Selasa  
10 November 1998**



**MALAYSIA**

**PENYATA RASMI PARLIMEN  
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEMBILAN  
PENGGAL KEEMPAT  
MESYUARAT KETIGA**

## K A N D U N G A N

**JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Ruangan 1 )**

**RANG UNDANG-UNDANG:**

- Rang Undang-undang Perbekalan 1999 (Ruangan 15 )

**USUL:**

- Anggaran Pembangunan 1999 (Ruangan 15 )

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tun Mohamed Zahir bin Haji Ismail, S.S.M., P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Dalam Negeri dan Menteri Kewangan I, Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.(Brunei), D.K.(Perlis), D.K.(Johor), D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P. (Sarawak), D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.M.N., P.I.S. (Kubang Pasu)

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik, D.G.S.M., S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis)

“ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., DPMS, PCM, AMN (Sungai Siput)

“ Menteri Perusahaan Utama, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, D.G.P.N, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas)

“ Menteri Tugas-tugas Khas, Tun Daim Zainuddin, S.S.M., S.P.M.S., D.H.M.S., S.S.A.P.)

“ Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Leo Moggie anak Irok, P.N.B.S. (Kanowit)

“ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., S.P.M.T., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)

“ Menteri Pertanian, Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)

“ Menteri Pendidikan, Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan)

“ Menteri Penerangan, Datuk Seri Mohamed bin Rahmat, D.G.S.M., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.D.K., S.S.S.A., S.P.M.T., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulai)

“ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Seri Sabbaruddin Chik, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh)

“ Menteri Sumber Manusia, Dato' Lim Ah Lek, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong)

“ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang)

“ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)

Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.S., D.P.M.P. (Gopeng)

“ Menteri Pertahanan, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)

“ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' Haji Annuar bin Haji Musa, S.I.M.P. (Peringat)

“ Menteri Luar Negeri, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas)

“ Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., S.M.J., P.S.I., B.S.I. (Pagoh)

“ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S, K.M.N (Gombak)

“ Menteri Kesihatan, Dato' Chua Jui Meng, S.I.M.P, S.M.J, P.I.S (Bakri)

“ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T (Sik)

“ Menteri Pembangunan Usahawan dan Menteri Kewangan II, Dato' Mustapa bin Mohamed, D.P.M.S. (Jeli)

“ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Megat Junid bin Megat Ayob, S.P.D.K., S.P.M.P., D.P.M.K., D.S.S.A, D.S.A.P., D.P.CM., A.M.P., A.M.K (Pasir Salak)

“ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Ampang Jaya)

“ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin, P.G.D.K (Kinabatangan)

“ Timbalan Menteri Kesihatan, Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman, D.I.M.P. (Paya Besar)

“ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato' Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)

“ Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Railey bin Haji Jaffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)

“ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)

“ Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.B.K., J.B.S. (Mukah)

“ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Penerangan, Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed, D.P.M.S. (Titiwangsa)
- “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Teng Gaik Kwan, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.B.S., A.B.S. (Miri)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik)
- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Kerk Choo Ting, D.P.M.P. (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Pertanian, Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor, S.P.M.T., D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Wong See Wah, D.S.N.S. (Rasah)
- “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)
- “ Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Dato' Chan Kong Choy, D.S.A.P., .D.P.M.S. (Selayang)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Ong Ka Ting D.P.M.P. (Pontian)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' K. Kumaran, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tapah)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Ibrahim bin Saad, D.M.S.M. (Tasek Gelugor)
- “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato' Abu Bakar bin Daud, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu)
- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam, D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' S. Subramaniam, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat)

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Goh Cheng Teik (Nibong Tebal)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Dato' Idris bin Jusoh, P.J.K. (Besut)
- “ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein, D.P.M.J. (Tenggara)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato' M. Mahalingam, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Mohd. Noh bin Rajab, D.S.N.S. (Tampin)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Datuk Douglas Uggah Embas, A.B.S., P.B.S. (Betong)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Tuan Yong Khoo Seng (Padawan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas, P.M.P., A.M.P. (Parit)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Othman bin Abdul, D.S.S.A., A.M.P., P.P.T. (Pendang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Dato' Chor Chee Heung, D.S.D.K. (Alor Setar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria (Jerantut)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato' Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Langkawi)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)

- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Dato' Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Tuan G. Palanivel, P.J.K. (Hulu Selangor)
- “ Datuk Abdol Mulok bin Haji Awang Damit (Labuan)
- “ Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin (Muar)
- “ Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Jasin)
- “ Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)
- “ Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
- “ Tuan Abdul Rahin bin Dato' Mohd. Said (Kuala Nerus)
- “ Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman, S.S.A., A.M.N., A.M.S., A.M.P., A.D.K. (Parit Buntar)
- “ Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan)
- “ Datuk Abu Seman bin Haji Yusof, D.M.S.M., J.P., B.K.T. (Alor Gajah)
- “ Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang, D.S.N.S., A.M.N. (Kuala Pilah)
- “ Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
- “ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok)
- “ Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman (Libaran)
- “ Tuan Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
- “ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
- “ Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, S.P.M.P., S.P.C.M., S.S.A.P., D.U.P.N., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N. (Permatang Pauh)
- “ Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman, D.S.D.K., S.M.S. (Baling)
- “ Tuan Asmat Nungka (Beluran)
- “ Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin, D.S.D.K., B.K.M., P.J.K. (Yan)
- “ Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, A.S.A. (Hulu Langat)

Yang Berhormat Tuan Billy Abit Joo (Hulu Rajang)

- “ Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob (Bachok)
- “ Tuan Chang Kon You (Ipoh Timor)
- “ Tuan Chang See Ten (Gelang Patah)
- “ Che Ibrahim bin Mustafa, P.J.K. (Sungai Petani)
- “ Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- “ Tuan Chiew Chiu Sing (Bintulu)
- “ Dato' Joseph Chong Chek Ah, D.S.P.N. (Batu)
- “ Puan Chua Soon Bui (Tawau)
- “ Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)
- “ Tuan Hamzah bin Ramli (Sri Gading)
- “ Dato' Haji Hanafi bin Ramli, D.S.D.K., S.M.S., K.M.N., A.M.K., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Jerlun)
- “ Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Tuan Haji Hashim bin Jasin (Arau)
- “ Tuan Henrynus Amin, A.D.K. (Kinabalu)
- “ Dato' Hew See Tong, D.P.M.P., J.P., P.M.P. (Kampar)
- “ Tuan Ho Cheong Sing, A.M.N. (Ipoh Barat)
- “ Dato' Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- “ Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood (Kuala Krai)
- “ Tuan Ibrahim bin Pateh Mohamad (Tanah Merah)
- “ Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak (Kota Bharu)
- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, P.P.B. (Baram)
- “ Dato' Jamaluddin bin Adnan (Kuala Selangor)
- “ Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis, D.I.M.P., S.A.P. (Rompin)
- “ Tuan James Jimbun Anak Pungga, P.B.S. (Kapit)

Yang Berhormat Tuan Jawah Anak Gerang (Lubok Antu)

- “ Tuan Jimmy Lim @ Jimmy Donald (Sri Aman)
- “ Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh (Selangau)
- “ Datuk Seri Joseph Pairin Kitingan, P.G.D.K., P.N.B.S., S.S.A.P., S.P.D.K. (Keningau)
- “ Dato’ Dr. Kamal bin Salleh, D.S.P.N., K.M.N., P.K.T., J.M.N. (Wangsa Maju)
- “ Tuan R. Karpal Singh (Jelutong)
- “ Dr. L. Krishnan, P.M.C., A.M.N. (Telok Kemang)
- “ Datuk Lau Ngan Siew, A.D.K. (Sandakan)
- “ Dr. Lee Chong Meng (Bukit Bintang)
- “ Dr. G. Leelavathi, A.M.N. (Kapar)
- “ Tuan Liew Ah Kim (Seputeh)
- “ Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka)
- “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
- “ Tuan Lim Kit Siang (Tanjong)
- “ Tuan Vincent Lim Kuo Phau (Petaling Jaya Utara)
- “ Puan Lim Lay Hoon, P.P.N., B.K.M. (Padang Serai)
- “ Tuan Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
- “ Datuk Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
- “ Dato’ Haji Mahbud bin Haji Hashim, D.S.S.A., A.S.A., P.J.K. (Sabak Bernam)
- “ Tuan Mansor bin Masikon (Batu Pahat)
- “ Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
- “ Tuan Md. Isa bin Sabu (Kangar)
- “ Tuan Michael Lisa Kaya, B.B.S. (Bukit Mas)
- “ Tuan M. Kulasegaran a/l V. Murugeson (Teluk Intan)
- “ Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Kubang Kerian)
- “ Tuan Haji Mohamed bin Haji Abdullah (Pasir Puteh)

Yang Berhormat Tuan Mohamed Khaled bin Nordin P.I.S. (Johor Bahru)

- “ Datuk Mohd. Salleh bin Tun Said, P.G.D.K. (Kota Belud)
- “ Dato’ Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Larut)
- “ Tuan Mokhtaruddin bin Wan Yusof (Dungun)
- “ Tuan Haji Mustafa bin Muda, A.M.N., A.M.T., P.P.N., P.J.K. J.P. (Hulu Terengganu)
- “ Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah (Pengkalan Chepa)
- “ Tuan Haji Noh bin Omar, P.J.K. (Tanjong Karang)
- “ Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi (Balik Pulau)
- “ Datuk Nurnikman bin Abdullah (Beaufort)
- “ Datuk Osu bin Haji Sukam, P.G.D.K. (Papar)
- “ Dr. Patau Rubis, P.B.S. (Mas Gading)
- “ Tuan Paul Nointien, A.D.K. (Penampang)
- “ Datuk Philip Yong Chew Lip, A.D.K. (Gaya)
- “ Dato’ Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai)
- “ Tuan Radin Malleh (Tenom)
- “ Dr. Ramli bin Taib (Kemaman)
- “ Mulia Tan Sri Tengku Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
- “ Tuan Richard Riot Anak Jaem (Serian)
- “ Tuan Robert Lau Hoi Chew (Sibu)
- “ Puan Rohani binti Haji Abd. Karim, P.P.B. (Santubong)
- “ Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad, P.I.S. (Parit Sulong)
- “ Dato’ Salamon bin Selamat, D.P.M.S., S.S.A., A.M.S., P.J.K. (Shah Alam)
- “ Dr. Sanusi bin Daeng Mariok (Rantau Panjang)
- “ Puan Seripah Noli binti Syed Hussin (Sepang)
- “ Cik Siti Zainab binti Abu Bakar, S.M.J. (Tebrau)

Yang Berhormat Datuk S'ng Chee Hua, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau)

- “ Datuk Song Swee Guan, P.G.D.K. (Bandar Kuching)
- “ Cik Sukinam Domo (Batang Sadong)
- “ Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed, D.J.M.K., J.P. (Machang)
- “ Dr. Tan Chong Keng (Bukit Mertajam)
- “ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
- “ Dr. Tan Yee Kew (Kelang)
- “ Tuan Tiong Thai King (Lanang)
- “ Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman, B.K.M. (Pokok Sena)
- “ Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.B.S. (Batang Lupar)
- “ Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat)
- “ Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- “ Dato' Yap Pian Hon, D.M.P.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
- “ Dr. Yap Yit Thong, A.M.P., A.M.N. (Lumut)
- “ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
- “ Tuan Yeong Chee Wah (Batu Gajah)
- “ Tuan Yunof Edward Marinking (Tuaran)
- “ Tuan Yunus bin Rahmat (Jelebu)
- “ Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, P.G.D.K., A.D.K. (Sipitang)
- “ Tuan Zainal Abidin bin Osman (Mersing)
- “ Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor, S.M.K. (Pasir Mas)
- “ Dato' Haji Zakaria bin Mohd. Said, D.S.D.K., S.M.K., K.M.N., P.J.K. (Kuala Kedah)

**DEWAN RAKYAT****PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

Setiausaha Dewan Rakyat	:	Datuk Mohd. Salleh bin Haji Hassan, P.S.D., J.S.D., K.M.N.
Ketua Penolong Setiausaha	:	Zamani bin Haji Sulaiman Haji Mustakin bin Selamat
Penolong Setiausaha	:	Nor Hayatee binti Abdullah Haji Mustafa bin Abdul Rahman Ruhana binti Abdullah

**CAWANGAN DOKUMENTASI**

Pegawai Penerbitan	:	Azhari bin Hamzah Monarita binti Mohd. Hassan
Pelapor Perbahasan Parlimen	:	Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N. Hajah Supiah binti Dewak Mohd Saleh bin Mohd. Yusop Mohamed bin Osman Hajah Norishah binti Mohd. Thani Shamsina binti Janor Nora'ini binti Hetam Ramlah binti Mohd. Yusuff Miskiah binti Hassan
Pembaca Pruf	:	Abu Bakar bin Hasan

**CAWANGAN BENTARA**

Bentara Mesyuarat:	:	Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali Mejar (B) Zakaria bin Salleh
--------------------	---	--

## MALAYSIA

## DEWAN RAKYAT

Selasa, 10 November 1998

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

## DOA

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN**  
**BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN****SISWAZAH MENGGANGGUR – LANGKAH MENGATASINYA**

1. **Dato' Salamon bin Selamat [Shah Alam]** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan berapa ramaikan bilangan siswazah institusi pengajian tinggi tempatan dan luar negeri yang masih menganggur dan apakah rancangan jangka pendek dan jangka panjang kerajaan untuk mengatasi masalah pengangguran di kalangan mereka.

**Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir]:** Tuan Yang di-Pertua, sehingga 31 Oktober 1998 jumlah pencari kerja aktif yang berkelulusan tertiary, dengan izin, iaitu diploma ke atas yang berdaftar dengan Jabatan Tenaga Rakyat di bawah Kementerian Sumber Manusia ialah berjumlah 4,222 orang. Pendaftar aktif bermakna pencari kerja yang berdaftar di Jabatan Tenaga Rakyat yang belum ditempatkan dan pendaftarannya masih sah laku iaitu tempoh tiga bulan mulai dari tarikh pendaftaran atau pendaftaran diperbaharui. Dalam pada itu bagi menangani masalah pengangguran di kalangan kumpulan tersebut laporan pelan pemulihan ekonomi negara oleh Majlis Tindakan Ekonomi Negara telah di antara lainnya memperakukan:

- (i) menyelaras pendaftar pengawal selia dan penempatan pekerjaan bagi siswazah menganggur oleh Kementerian Pendidikan;
- (ii) mengecualikan siswazah baru yang dilantik sebagai pekerja dan majikannya daripada mencarum kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja;
- (iii) memberi keutamaan kepada siswazah untuk menyertai projek pertanian, perniagaan kecil-kecilan dan skim 'apprentis' dalam syarikat besar dan syarikat multinasional. Pembiayaan modal dan latihan perlu diberikan kepada mereka;
- (iv) memberi kebenaran bagi siswazah yang ditaja untuk bekerja di luar negara selepas menamatkan kursus mereka; dan
- (v) menggalakkan siswazah menganggur dari universiti tempatan dan luar negara untuk mendapatkan pekerjaan di luar negara.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai tambahan kepada di atas sukalah saya menasihatkan para siswazah yang menganggur supaya buat sementara waktu tidak memilih kerja, kerana sebagaimana kita tahu kita mempunyai lebih 2 juta orang pekerja asing yang berada di dalam negara kita ini, jadi untuk mendapat kerja-kerja sementara ini bagi siswazah itu

tidaklah menjadi masalah sekurang-kurangnya untuk perbelanjaan wang saku mereka sehingga mereka ini mendapat pekerjaan yang tetap.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Soalan tambahan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya percaya kebanyakan daripada siswazah yang menganggur ini ialah bumiputera, Jadi, satu daripada masalah ini ialah kerana motivasi melibatkan diri dalam bidang perniagaan ataupun industri-industri yang diluar daripada pengajian mereka ini kurang dikenali oleh pihak bumiputera. Ini juga saya dapat tahu daripada sedikit penyelidikan yang saya buat baru-baru ini di bandar Kuching berhubung dengan perkara ini dan didapati kaum Cina umpamanya, boleh menyesuaikan diri dalam keadaan yang genting sebegini.

Jadi, apakah tindakan kementerian supaya membuatkan satu kursus motivasi kepada semua siswazah ini agar mereka ini diberi peluang dan ruang untuk menguruskan business atau terlibat dalam sesuatu business yang mungkin mendatangkan hasil dalam keadaan ekonomi kita pada masa sekarang.

**Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Yang di-Pertua, memang kerajaan telah pun mengeluarkan berbagai kenyataan dalam akhbar media massa dan sebagainya, supaya mereka buat sementara waktu ini tidak memilih kerja dan bekerjalah di mana boleh untuk menampung keperluan hidup mereka. Dan pada waktu yang sama sudah tentulah mereka dapat melihat pelbagai peluang untuk perniagaan dan sebagainya. Dan kerajaan telah pun menyatakan beberapa kali pelbagai tabung yang disediakan dan di mana ianya akan diberi keutamaan kepada siswazah ini untuk menyertai projek pertanian, perniagaan kecil-kecilan dan skim 'apprentis'. Saya rasa sungguhpun pengangguran itu memang terdapat dan memang menjadi satu masalah di kalangan siswazah kita ini tetapi saya rasa ianya tidaklah terlalu rumit kerana sungguhpun lebih kurang 60,000 orang telah keluar dari institut pengajian tinggi tetapi hanya 4,000 orang saja lebih kurang yang berdaftar dengan Jabatan Tenaga Rakyat. Bermakna yang lain-lain itu telah pun dapat menyesuaikan diri mereka dengan pelbagai peluang yang terdapat di negara kita sekarang.

**Tuan Ibrahim bin Pateh Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Dato' Timbalan Menteri menyatakan bagi peserta-peserta yang telah mendaftar untuk mendapatkan pekerjaan bagi tiap-tiap negeri.

**Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf, itu soalan yang spesifik, saya tidak ada butir-butir buat masa ini bagi setiap buah negeri dan saya akan hantar jawapannya dengan secara bertulis.

#### **DISIPLIN SEKOLAH – KEBERKESANAN GARIS PANDUAN**

2. **Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Batang Lupar]** minta Menteri Pendidikan menyatakan:-

- (a) adakah benar garis panduan disiplin kementerian kepada sekolah-sekolah nampaknya tidak berkesan. Adakah kementerian tidak yakin cara tradisional sebagai efektif; dan
- (b) mengenai anggapan kelemahan disiplin di sekolah kebanyakannya kesalahan dan kelemahan ibu-bapa, bukan guru dan sekolah semata-mata. Apa pandangan dan tindakan kementerian.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Dr. Fong Chan Onn]:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Garis panduan disiplin yang disediakan oleh Kementerian Pendidikan telah banyak membantu pihak pentadbir sekolah menyelesaikan masalah

disiplin. Ia didapati efektif dan sesuai dengan keadaan semasa. Kementerian juga menyediakan garis panduan terhadap elemen pendekatan mendisiplin secara tradisional untuk memastikan tidak berlaku penyalahgunaan kuasa, contohnya menggunakan rotan sewenang-wenangnya.

- (b) Kementerian Pendidikan mendapati bahawa faktor-faktor kelemahan disiplin di sekolah adalah berpunca daripada faktor diri pelajar, faktor keluarga, faktor pengaruh persekitaran, media, serta faktor sekolah. Oleh itu, pendekatan bersepadu bagi menangani masalah disiplin perlu terus dipergiatkan lagi.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengetahui iaitu kementerian telah mengeluarkan lapan ordinar, 10 buah buku panduan, 30 surat pekeliling, semua berhubung dengan disiplin. Dan apabila garis panduan ini memberi 11 macam hukuman fizikal dan mental, 15 hukuman yang dilarangkan. Jadi kursus dibuat ataupun satu seminar dibuat kepada guru-guru di seluruh negara. Guru-guru terasa kecewa oleh kerana garis panduan ini mengongkong pihak guru disiplin untuk menguatkuasa disiplin di sekolah. Adakah kementerian bersetuju yang pengongkongan ini telah mendatangkan disiplin yang kurang baik di sekolah kerana guru hilang minat untuk mendisiplin kanak-kanak. Terima kasih.

**Datuk Dr. Fong Chan Onn:** Tuan Yang di-Pertua, banyak peraturan yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan itu menunjukkan keprihatinan Kementerian Pendidikan kepada masalah disiplin. Semua itu sebagai garis panduan kepada guru-guru dan pihak guru besar atau pengetua. Dalam konteks ini kita tidak ada apa-apa agenda untuk menaikkan atau menyempitkan kuasa atau diri guru dan guru besar sebagai orang yang perlu menggunakan budi bicara dia dalam menangani masalah disiplin. Jadi semua garis panduan itu sebagai garis panduan sahajalah, sebagai guide line dan bagi guru-guru disiplin, guru besar, pengetua ini banyak, dengan izin, space untuk membuat keputusan tentang cara yang terbaik sekali untuk mempertingkatkan disiplin di sekolah.

**Tuan Chiew Chiu Sing:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kementerian ada mewujudkan program rakan sebaya dianggotai oleh pelajar-pelajar yang mempunyai tahap disiplin lebih baik untuk membantu sekolah menangani masalah pelajar bermasalah termasuk langgaran disiplin. Sejauh manakah program ini telah berjalan dan bagaimanakah pencapaiannya? Sekian, terima kasih.

**Datuk Dr. Fong Chan Onn:** Tuan Yang di-Pertua, program yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu merupakan salah satu program atau salah satu cara yang Kementerian Pendidikan laksanakan untuk mengatasi disiplin iaitu kaitkan seorang pelajar dengan seorang pelajar yang boleh dijadikan seorang contoh dan sebagainya. Selain daripada itu, juga kita telah adakan guru-guru bimbingan di setiap sekolah menengah dan sebagainya. Dan semua program ini adalah efektif dari segi cabaran kita untuk mengatasi masalah disiplin di sekolah.

### POS MALAYSIA – UNTUNG RUGI DAN LANGKAH-LANGKAH MENINGKATKAN PRESTASI

3. **Dr. Ramli bin Taib [Kemaman]** minta Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia menyatakan:-

- (a) prestasi Pos Malaysia semenjak dikorporatkan. Nyatakan untung rugi Pos Malaysia setiap tahun di setiap negeri; dan
- (b) langkah-langkah yang diambil untuk meningkatkan prestasi Pos Malaysia khususnya di negeri Terengganu dan daerah Kemaman.

**Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia [Dato' Chan Kong Choy]:** Tuan Yang di-Pertua....

**Tuan M. Kulasegaran:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Point of order ya.

**Tuan M. Kulasegaran:** Tuan Speaker, kementerian yang bernama Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia ini tidak wujud dan adakah dia telah digazetkan dan layak untuk Timbalan Menteri menjawab hari ini.

**Beberapa Ahli:** *[Ketawa]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila, sila menteri yang menjawab ya.

**Dato' Chan Kong Choy:** Tuan Yang di-Pertua, untuk maklum Ahli Yang Berhormat, semenjak perkhidmatan Pos Malaysia diperbadankan pada 1 Januari 1992 dan menjadi Pos Malaysia Berhad, ianya telah mengalami keuntungan dari setahun ke setahun seperti berikut - bagi tahun 1992, jumlah keuntungan selepas cukai ialah RM14.5 juta, bagi tahun 1993 untung ialah RM42.5 juta, tahun 1994 RM49.4 juta, tahun 1995 RM28.3 juta, tahun 1996 RM82.5 juta dan bagi tahun 1997 RM61.6 juta.

Untuk maklum Ahli Yang Berhormat juga, Pos Malaysia tidak menyediakan penyata kewangan untung atau rugi bagi setiap negeri. Namun demikian laporan kewangan tahunan yang disediakan di peringkat negeri hanya merupakan perbandingan di antara hasil yang diperolehi dan perbelanjaan yang dibuat. Penyata kewangan tersebut tidaklah komprehensif seperti laporan kewangan tahunan yang disediakan di peringkat syarikat dan kumpulan. Dari penyata tersebut didapati bahawa kebanyakan Pos Negeri adalah mengalami kerugian kecuali Pos Negeri Johor, Pulau Pinang, Selangor dan Wilayah Persekutuan.

Jawapan bagi soalan bahagian (b), di antara langkah-langkah yang telah, sedang dan akan diambil untuk meningkatkan prestasi Pos Malaysia di negeri Terengganu termasuk daerah Kemaman, kawasan Yang Berhormat, termasuk:

- (i) melengkapkan kesemua 27 buah pejabat pos dengan kemudahan sistem komputer;
- (ii) membina pejabat pos baru dan mengubahsuai serta memperbaiki pejabat-pejabat pos yang sedia ada;
- (iii) memperbagaikan aktiviti seperti menyewakan ruang dan halaman-halaman pejabat pos;
- (iv) mewujudkan jawatan pegawai khas untuk mempromosi perkhidmatan pos di kawasan-kawasan yang mengalami kerugian;
- (v) menyediakan pusat proses mail di Kuala Terengganu; dan
- (vi) menambah bilangan posmen dan kenderaan.

Dan untuk daerah Kemaman khususnya, dalam usaha meningkatkan prestasinya perkhidmatan pos telah mewujudkan dua buah pejabat pos mini baru sebagai tambahan kepada lima buah pejabat pos yang sedia ada di kawasan Yang Berhormat.

**Dr. Ramli bin Taib:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ucapkan tahniahlah kepada Pos Malaysia kerana mendapat keuntungan setiap tahun tetapi apa yang kita dapati prestasi Pos Malaysia, saya ingat sebelum dan selepas dikorporatkan tidak banyak berubah, malah ada yang mengatakan prestasinya semakin merosot. Contoh sebagaimana Yang Berhormat katakan tadi kawasan Kemaman, kawasan saya. Setengah-setengah tempat kita membuat ujian menghantar surat di kawasan yang berkenaan dan

didapati bahawa lima hingga enam hari surat baru sampai. Jadi saya hendak tahu sebab apa surat ini terlampau lambat dan sebagaimana Yang Berhormat Timbalan Menteri kata tadi, Pejabat Pos baru yang akan dibina di Kemaman, saya hendak tahu bila, kerana benda ini sudah berlarutan begitu lama. Terima kasih.

**Dato' Chan Kong Choy:** Tuan Yang di-Pertua, mengenai bilakah dua buah pejabat pos mini baru akan diwujudkan di Kemaman, saya tidak mempunyai butir di sini. Walau bagaimanapun saya akan menyeru kepada pihak Pos Malaysia supaya kedua-dua pos mini ini dapat diwujudkan secepat mungkin. Dan segala cadangan dari Yang Berhormat untuk mempertingkatkan mutu perkhidmatan pos di kawasan Yang Berhormat amatlah dialu-alukan dan saya tidak berapa setuju dengan pandangan Yang Berhormat bahawa sejak Pos Malaysia diperbadankan tidak ada perkembangan ataupun mutu perkhidmatannya tidak dipertingkatkan.

Saya mempunyai beberapa fakta di sini untuk menunjukkan apa perkembangan yang telah dialami ataupun diadakan sejak Pos Malaysia diperbadankan. Misalan kata, bila Pos Malaysia diperbadankan, kita cuma mempunyai 568 buah pejabat pos tetapi sekarang, bilangan telah dipertingkatkan kepada 627. Hingga sekarang hampir semua pejabat pos telah pun dikomputerkan, sistem pengkomputeran telah pun dijalankan kepada semua pejabat pos dan ini telah banyak mempertingkatkan mutu perkhidmatan. Dan dalam pengendalian mail, pihak Pos Malaysia telah pun mencapai satu piawaian perkhidmatan yang dianggap setaraf dengan negara-negara maju, di mana kita telah mencapai ikut kita punya perkhidmatan piawaian, perkhidmatan serahan kita telah mencapai sebanyak 96% ikut piawaian kita, misalan kata kalau satu mail dihantar dalam satu bandar yang besar, biasanya D+1, kalau dari Kuala Lumpur ke Kemaman biasanya D+2 atau D+3. Kalau dia melebihi 4 hari, ini bermakna mutu ini akan dianggap tidak memuaskan tetapi kita telah mencapai sebanyak 96% dan untuk makluman Dewan yang mulia ini, setiap hari Pos Malaysia kena mengendalikan dari tiga juta hingga tiga setengah juta mail satu tahun melebihi 1.1 bilion mai. Inilah keadaan yang dihadapi oleh Pos Malaysia.

**Tuan Chia Kwang Chye:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengucapkan syabas kepada kementerian kerana mutu perkhidmatan telah bertambah. Tetapi saya hendak tanya sama ada jumlah hari penghantaran surat ke penduduk-penduduk di atas Bukit Bendera di kawasan saya, sama ada dapat ditambahkan daripada sehari seperti sekarang ke satu tahap yang lebih memuaskan mungkin tiga atau empat kali seminggu dan sama ada benar bahawa Pejabat Pos di atas Bukit Bendera mungkin ditutup kerana mengalami kerugian. Sekian, terima kasih.

**Dato' Chan Kong Choy:** Tuan Yang di-Pertua, kita tidak akan menutup sebuah Pejabat Pos oleh kerana ia menghadapi kerugian. Kalau sekiranya ia adalah merupakan satu alasan bagi kita menutup Pejabat Pos maka Pejabat Pos di tujuh buah negeri akan ditutup. Tujuh buah negeri, selain daripada negeri yang mengalami keruntungan maka kita tidak akan menutup Pejabat Pos di Bukit Bendera kalau sekiranya, alasannya ialah mengalami kerugian dan cadangan Yang Berhormat tentang mempertingkatkan mutu perkhidmatan pos di kawasan Yang Berhormat, saya akan memberikan perhatian serius supaya langkah-langkah yang sewajarnya dapat dilakukan.

#### **LANGKAH-LANGKAH FISKAL DAN KEWANGAN MENGATASI KEGAWATAN EKONOMI - JAMINAN**

4. **Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob [Bachok]** minta Menteri Kewangan menyatakan apakah langkah-langkah fiskal dan kewangan yang telah dan sedang diambil bagi mengatasi segala kegawatan ekonomi sekarang. Apakah langkah-langkah berkenaan dapat memberi jaminan untuk tempoh jangka panjang atau sebaliknya.

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar]:** Tuan Yang di-Pertua, dalam keadaan kegawatan ekonomi sekarang langkah-langkah fiskal yang akan diambil oleh kerajaan adalah ke arah bagi mempercepatkan pemulihan dan merangsangkan ekonomi itu. Bagi tujuan ini kerajaan akan memastikan akaun semasa kerajaan, kalau tidak berlebihan pun tetapi ianya berimbang. Dengan lain perkataan perbelanjaan mengurus akan dapat ditampung pembiayaannya melalui hasil dan paras defisit dihadkan kepada 6% daripada keluaran negara kasar. Dengan penguncupan ekonomi, kerajaan terpaksa memainkan peranan utama memandangkan keupayaan sektor swasta yang kini terhad disebabkan oleh masalah mudah tunai. Oleh yang demikian kerajaan akan mengambil tindakan counter cyclical untuk menggerak dan meningkatkan lagi aktiviti pembangunan negara. Bagi perbelanjaan pembangunan, keutamaan akan diberi kepada projek-projek yang boleh menjana aktiviti-aktiviti ekonomi negara dapat meningkatkan kecekapan dan daya saing negara dan tidak menyebabkan pengaliran keluar rizab. Langkah-langkah ini akan dapat menjamin pemulihan ekonomi dalam tempoh jangka yang terdekat dan berterusan dipraktikkan sehingga ekonomi pulih seperti sebelumnya.

**Tuan Hashim bin Ismail:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Oleh kerana negara kita masih dicengkam oleh kegawatan ekonomi, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Dato' Timbalan Menteri iaitu apakah langkah-langkah yang benar-benar jelas dan konkrit dalam Belanjawan negara yang dibentangkan di Dewan ini baru-baru ini yang benar-benar diyakini dapat mengatasi kegawatan ekonomi yang kita hadapi sekarang ini, terima kasih.

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang saya sebut di dalam jawapan saya tadi, langkah fiskal ialah bermaksud langkah belanjawan dan percukaian. Di dalam Belanjawan negara untuk 1999 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru-baru ini kita menambahkan lima lagi langkah di dalam percukaian, daripada yang sedia ada. Kalau untuk tahun 1998 kita ada sebanyak enam langkah. Tuan Yang di-Pertua, kalau saya hendak baca mengambil masa yang panjang tetapi kita tambah lima langkah lagi iaitu duti setem dan cukai keuntungan harta tanah bagi tindakan menggabungkan operasi syarikat dikecualikan misalannya. Menggalakkan syarikat supaya dapat menjalankan aktivitinya dengan baik. Pendapatan faedah yang diperolehi oleh unit amanah dikecualikan daripada cukai misalannya. Menggalakkan penyemaran penyimpanan dan penabungan di kalangan orang-orang yang berpendapatan rendah dan syarikat yang mengeluarkan bahan makanan diluluskan, diberi kemudahan group relief iaitu kita menggalakkan pengeluaran makanan dalam soal food strategy (strategi makanan) untuk mengatasi masalah inflasi dan banyak lagi sepertimana Yang Berhormat dengar ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang lalu.

Jadi dengan adanya langkah-langkah yang ditambah iaitu langkah belanjawan dan percukaian yang dipanggil langkah fiskal maka kita akan dapat insya-Allah mengatasi masalah dan untuk langkah monetary kewangan kita mengawal kewangan kita daripada berkembang dengan berlebihan, guna untuk memastikan bahawa inflasi adalah di paras yang boleh diterima bukan di paras yang tinggi.

**Tuan M. Kulasegaran:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Di antara langkah-langkah fiskal dan kewangan yang telah diambil oleh kerajaan dalam menangani kegawatan ekonomi. Apakah kerajaan dapat memberitahu ciri-ciri yang menunjukkan bahawa rakyat Malaysia telah memberi keyakinan penuh kepada kerajaan dan adakah dalam proses ini juga telah menarik pelabur-pelabur asing dengan langkah-langkah yang telah diambil supaya melabur berjuta-juta bilion balik ke negara ini.

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua. Langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan di bawah dasar yang baru diisytiharkan tidak menyekat mana-mana pembawaan pelaburan daripada luar seperti foreign direct investment, kita tidak

menyekat langsung, yang kita menyekat hanya modal jangka pendek ataupun short term capital flow yang menghancurkan pasaran kewangan kita khususnya pasaran saham yang menurunkan nilai mata wang kita itu short term capital flow kita adakan sekatan sepertimana Yang Berhormat sedia maklum. Jadi mengenai dengan foreign direct investment sepertimana yang dijawab oleh sahabat saya dari Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri semalam telah pun meningkat dari masa ke semasa. Jadi pada tahun ini ianya meningkat kepada RM5.1 bilion daripada tahun sudah. Jadi kemasukannya berlaku.

Ini menunjukkan bahawa keyakinan terhadap kerajaan ada dan juga keyakinan, kita dapat lihat di dalam reaksi-reaksi misalannya sekarang Yang Berhormat sekarang sedia maklum, satu daripada indikatornya ialah KLSE, sudah beberapa hari ia meningkat dari masa ke semasa. Itu adalah satu petunjuk tentang keyakinan. Keyakinan lain saya tidak tahulah tetapi kita kena guna petunjuk ekonomi seperti peningkatan harga di dalam KLSE, pengawalan inflasi yang dapat kita lakukan dengan baik dan juga soal kesan resesi kita masih lagi kecukupan barang untuk seluruh negara. Itu menunjukkan bahawa apa yang dilakukan oleh kerajaan berkesan dan rakyat terus mempunyai keyakinan kepada kerajaan dan terus akan memilih kerajaan Barisan Nasional untuk memerintah.

#### PEKERJA LADANG KELAPA SAWIT - NAIK UPAH

5. **Dr. L. Krishnan [Teluk Kemang]** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan memandangkan keuntungan bagi pemilik-pemilik ladang kelapa sawit di negara kita sedang meningkat apakah langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan bagi memastikan pendapatan pekerja-pekerja ladang juga ditingkatkan.

**Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir]:** Tuan Yang di-Pertua, suka saya menjelaskan bahawa di negara kita ini dan sebagai salah satu dasar pokok ekonomi kerajaan, perkara-perkara mengenai upah, terma dan syarat-syarat perkhidmatan bagi pekerja-pekerja di sektor swasta termasuk pekerja-pekerja ladang kelapa sawit adalah ditentukan melalui proses perundingan bersama antara majikan dengan kesatuan sekerja ataupun antara majikan dengan individu. Kecuali upah perkara-perkara lain mengenai terma dan syarat-syarat perkhidmatan adalah berpandukan kepada standard-standard minimum yang ditetapkan dalam undang-undang buruh negara ini terutama Akta Pekerja 1955. Justeru itu kerajaan tidak campur tangan dalam perundingan mengenai upah melainkan diminta oleh mana-mana pihak baik pekerja atau majikan.

Pada dasarnya kerajaan mengalu-alukan kenaikan gaji yang selaras dengan peningkatan produktiviti bagi semua sektor dan dalam hubungan ini ada juga kerajaan cuba cara persuasion supaya syarikat-syarikat kelapa sawit dan sebagainya dapat sedikit sebanyak menaikkan sedikit gaji mereka atau bonus dan sebagainya. Namun demikian kita tidak pisah dari dasar pokok kita tadi. Oleh itu sebarang permintaan untuk kenaikan gaji hendaklah dibuat berlandaskan dasar tersebut. Walau bagaimanapun dalam masa kegawatan ekonomi sekarang pihak pekerja adalah disarankan seboleh-bolehnya tidak menuntut kenaikan gaji yang boleh menyusahkan majikan. Kerana kalau majikan terjatuh susah dan syarikat mereka terpaksa ditutup maka pengangguran sudah tentu akan meningkat. Bagi syarikat-syarikat yang tidak terjejas akibat kegawatan ekonomi dan berkemampuan untuk menampung kos tambahan bagi kenaikan gaji ianya adalah bergantung kepada proses perundingan bersama yang disebutkan tadi sebelum apa-apa kenaikan gaji dapat dilaksanakan.

**Dr. L. Krishnan:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua soalan tambahan. Pada masa ini pekerja-pekerja ladang tidak dibayar gaji secara harian maka pada musim hujan mereka cuma dapat kerja sebanyak lima belas hari sahaja dalam sebulan. Ini memang tidak patut. Memang betul seperti mana Yang Berhormat beritahu tadi, di sektor swasta

kesatuan sekerja yang menjaga hak-hak pekerja. Memang betul. Tetapi sebab pekerja-pekerja ladang pun adalah rakyat Malaysia dan rakyat negara ini tidak boleh dieksploatasikan, maka apakah cadangan kementerian Yang Berhormat campur tangan dalam hal menyelesaikan bayaran gaji harian ini atau mewajibkan majikan untuk bayaran gaji secara bulanan. Terima kasih.

**Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun pada dasarnya kita serahkan gaji ini diselesaikan secara rundingan, namun demikian pada waktu-waktu tertentu semasa perundingan berjalan dan apabila terdapat kebuntuan kita memang campur tangan bukan dari segi memihak satu pihak tetapi untuk memujuk mereka supaya teruskan perundingan dan mendapatkan sesuatu penyelesaian. Saya ingin nyatakan bahawa gaji secara bulanan tidak semestinya dalam semua keadaan menguntungkan pekerja. Jadi itulah sebabnya kita tidak bersungguh-sungguh untuk memajukan konsep ini kerana adakalanya gaji harian itu menguntungkan pekerja.

**Dr. Yap Yit Thong:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua soalan tambahan. Berkenaan dengan pekerja di estet-estet kelapa sawit, saya ingin tahu bilangan pekerja asing dan memandangkan kegawatan ekonomi apakah langkah-langkah diambil untuk menggalakkan orang tempatan bekerja di estet-estet. Sekian terima kasih.

**Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Yang di-Pertua, kita bukan sahaja menggalakkan pekerja-pekerja kita bekerja di estet-estet tetapi kita menggalakkan rakyat Malaysia bekerja di mana sahaja dan kadang-kadang sekarang kita telah mulakan satu kerja part time, kerja separuh masa dan sebagainya. Tetapi sebagaimana yang dinyatakan kita menghadapi satu keadaan full employment dan memang pekerja tidak pernah cukup dan pada ketika ini pun kita mendapat desakan sepanjang masa dari syarikat-syarikat khususnya syarikat-syarikat peladangan untuk pekerja tambahan. Jadi masalah itu tidak timbul sebab mungkin pekerja-pekerja kita sendiri tidak berminat untuk bekerja di ladang oleh kerana mereka banyak pilihan yang lain.

#### NILAI EKSPORT PELABUHAN SINGAPURA DENGAN PELABUHAN KLANG DAN PELABUHAN PULAU PINANG – PERBANDINGAN

6. **Tuan Ibrahim bin Pateh Mohamed [Tanah Merah]** minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) berapa banyak nilai eksport negara ini yang dibuat melalui Pelabuhan Singapura berbanding dengan Pelabuhan Klang dan Pulau Pinang; dan
- (b) apa sebab para pengeksport masih tidak berminat untuk menggunakan Pelabuhan Klang walaupun banyak usaha sudah dilakukan untuk menggalakkan penggunaan pelabuhan itu.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan [Dato' Chor Chee Heung]:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin untuk menjawab soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Tanah Merah bersama-sama dengan soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Sungai Benut pada 11 November 1998 memandangkan kedua-dua soalan ini mempunyai fakta yang berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan tidak mempunyai perangkaan yang tepat mengenai nilai eksport negara ini yang dibuat melalui Pelabuhan Singapura. Tetapi adalah dianggarkan bahawa 40% daripada eksport Malaysia melalui lautan yang dikendalikan melalui pelabuhan tempatan diangkut dalam kapal kecil melalui Pelabuhan Singapura hingga ianya sampai ke destinasi terakhir. Untuk tahun 1997 Pelabuhan Klang telah pun mengendalikan eksport bernilai RM35,189 juta dan import bernilai RM58,326 juta. Untuk Pelabuhan Pulau Pinang bagi nilai eksport adalah RM19,987 juta dan nilai import adalah

RM15,983 juta. Angka-angka ini adalah termasuk eksport dan import Malaysia yang diangkut daripada pelabuhan-pelabuhan ini melalui Pelabuhan Singapura ke destinasi akhir.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya semua pengeksport melainkan mereka yang menggunakan tambak Johor, menggunakan pelabuhan tempatan seperti pelabuhan Klang, Pulau Pinang dan Pasir Gudang. Apa yang berlaku adalah sebahagian daripada eksport dari pelabuhan tempat diangkut melalui pelabuhan Singapura sebelum diangkut ke destinasi akhir. Keadaan ini berlaku disebabkan frequency of cost oleh main line operators, dengan izin, adalah lebih di Pelabuhan Singapura berbanding dengan Pelabuhan Klang. Sekiranya lebih, pengeksport menggunakan pelabuhan tempatan bukan sahaja memastikan volume cargo yang bertambah tetapi sudah pasti akan menarik lebih banyak kapal-kapal besar yang dikenali sebagai MLO supaya menambah frequency of cost dengan izin, di pelabuhan tempatan. Dengan demikian pengeksport kita akan menjimatkan kos serta masa dan ini menjadikan Malaysia lebih kompetitif.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Nampaknya angka-angka yang disebutkan tadi itu sangat mengelirukan dan tidak begitu jelas. Kerana angka banyak, sebutan tidak begitu terang. *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat memberi penjelasan yang lebih baik mengenai mengapa kita tidak boleh menjadikan Pelabuhan Klang dan pelabuhan lain di negara ini lebih baik, lebih efisien, itu yang lebih penting - lebih efisien. Kalau seseorang pedagang yang hendak gunakan pelabuhan, memang dia fikir apakah keuntungan yang dia dapat kalau dia gunakan pelabuhan itu. Saya percaya kita mampu untuk bersaing dengan Singapura cuma terdapat kelemahan-kelemahan sedikitlah. Bolehkah Yang Berhormat sebutkan, apakah kelemahan kita sekarang?

**Dato' Chor Chee Heung:** Sebenarnya siapa kata tidak boleh. Bagi pihak kerajaan memang boleh. Malaysia boleh mencapai satu tahap di mana kita dapat mengendalikan Pelabuhan Klang sebagai salah satu pelabuhan yang terkemuka di rantau ini. Memang boleh, cuma soal masa sahaja yang penting. Tuan Yang di-Pertua, apakah kelemahan-kelemahan yang ada di Pelabuhan Klang. Sebenarnya pada masa ini bagi pihak pelabuhan memang tidak ada apa-apa kelemahan yang begitu serius cuma sekarang kita perlu mengubah sikap pengeksport-pengeksport kita supaya mereka lebih cenderung untuk menggunakan Pelabuhan Klang dan ada sesetengah daripada pengeksport masih tidak sedar iaitu di Pelabuhan Klang sekarang mempunyai kemudahan-kemudahan yang canggih, bukan seperti dua puluh tahun yang lepas dan sekarang kita mampu menjadikan Pelabuhan Klang sebagai satu pelabuhan yang kompetitif ataupun yang boleh bersaing dengan Pelabuhan Singapura.

Walaupun bagaimanapun untuk makluman Dewan yang mulia ini kerajaan telah pun begitu giat berusaha supaya kita dapat mempertingkatkan lagi kemudahan-kemudahan yang ada di Pelabuhan Klang khususnya menggalakkan lebih banyak persinggahan terus oleh kapal-kapal induk, mengadakan perkhidmatan feedering dari rantau ini supaya diadakan pelayaran yang lebih kerap dan perkhidmatan yang baru dan juga memperbaiki accessibility ke pelabuhan melalui jalan raya dan rel khususnya bila kita dapat melihat dalam budget yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri hampir RM400 juta akan diperuntukkan supaya jalan-jalan dan perkhidmatan rel dapat disambung ke pelabuhan-pelabuhan tempatan termasuk juga Jabatan Imigresen, agensi-agensinya yang berkaitan juga harus bekerja 24 jam tanpa over time.

Ini adalah sedikit sebanyak usaha-usaha yang telah pun diambil dan akan diambil dan kita percaya dalam tiga tahun mulai dari sekarang Pelabuhan Klang akan mengendalikan dari segi volume dalam TEUs ataupun kotak-kotak kontena yang

berukuran 20 kaki sebanyak 3 juta berbanding dengan 1.6 juta sekarang. Sekian, terima kasih.

**Tuan Robert Lau Hoi Chew:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya difahamkan satu faktor membuat PSA begitu berkesan ialah semasa kapal tiba di Pelabuhan Singapura semua pegawai kerajaan seperti imigresen, kesihatan naik kapal memproseskan semua dokumen clearance, dengan izin, di dalam masa setengah jam. Masa akan digunakan dengan minimum. Tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen telah kata, pegawai dari imigresen telah mengarah kerja 24 jam. Itu ada insentif untuk mereka kerja kuat. Sekian terima kasih.

**Dato' Chor Chee Heung:** Tuan Yang di-Pertua, proses dokumentasi pelabuhan yang diadakan di Singapura tidak berlainan di Pelabuhan Klang. Kita juga mempunyai cara dokumentasi seumpama yang dijalankan oleh Jabatan Imigresen di Pelabuhan Singapura. Memang tidak berlainan dan dari segi sama ada clearance dapat dibuat dalam setengah jam atau tidak seperti di Singapura saya tidak pasti, tetapi saya berani memberitahu iaitu segala proses dokumentasi apabila sesebuah kapal sampai di Pelabuhan Klang segala proses suratcara clearance akan dilakukan serentak dan dari segi prosesnya memang juga cepat. Saya tidak tahulah sama ada kita cepat atau Singapura cepat tetapi saya berani kata prestasi yang dicapai sekarang adalah amat menggalakkan.

Satu perkara lagi, kita baru memperkenalkan sistem Electronic Data Interchange (EDI), di mana kemudahan dapat diberikan kepada pengeksport dan pengimport apabila kapal sampai. Dan satu lagi kita juga tidak buat periksa secara fizikal. Sekarang kita pun masuk ke satu tahap yang lebih canggih di mana kita mempunyai kemudahan advance clearance. Sebelum kapal sampai ke pelabuhan segala dokumen telah pun diberikan kepada pihak kastam dan imigresen supaya ianya dapat diluluskan melalui advance immigration clearance system dan bila kontena sampai, kargo-kargo sampai ke Pelabuhan Klang, tidak payah dia buat fizikal examination, dan terus boleh keluar sebab ianya telah pun diluluskan melalui advance immigration clearance. Sekian.

*[Soalan No.7 - Y.B. Tuan Che Ibrahim bin Mustafa [Sungai Petani] tidak hadir]*

#### **PERSIAPAN DAN OPERASI SUKOM - KOS SEBENAR**

8. **Tuan Tan Kok Wai [Cheras]** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan kos sebenar persiapan dan operasi Sukom dan bagaimanakah kedudukan kewangan Sukom Ninety Eight Berhad. selepas temasya berakhir. Mengapakah Perdana Menteri begitu berkeyakinan menganjurkan Sukan Olimpik 2008 sedangkan syarat-syarat menjadi tuan rumah Sukan Olimpik jauh lebih rumit dan sukar dipenuhi oleh Malaysia.

**Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Dato' Loke Yuen Yow]:** Tuan Yang di-Pertua, kos sebenar persiapan dan operasi Sukom Ninety eight buat masa ini masih dalam proses pengiraan. Begitu juga kedudukan kewangan Sukom Ninety Eight Berhad masih di peringkat pengiraan secara teliti. Perkara ini akan dilaporkan secara umum apabila semua kerja tersebut selesai.

Mengenai penganjuran Sukan Olimpik 2008, pihak kementerian sedar akan syarat-syarat tersebut. Namun berdasarkan pengalaman kita dalam menganjurkan Kuala Lumpur '98 segala pengetahuan dan selok-belok yang telah dilalui merupakan sesuatu yang paling berharga. Berdasarkan kepada pengalaman semasa Kuala Lumpur '98, pihak kerajaan mendapat sokongan yang padu daripada rakyat Malaysia dan pihak swasta. Kita juga mempunyai tenaga kerja yang cekap dan profesional untuk mengendalikannya upacara ini.

Tuan Yang di-Pertua, pihak kerajaan juga yakin dengan penganjuran ini kita akan memperolehi pulangan bukan sahaja di segi material malah daripada berbagai sudut. Kesungguhan Malaysia akan terserlah di mata dunia. Di lihat kepada venue yang ada umpamanya semua venue tersebut mencapai tahap antarabangsa yang dilengkapi dengan peralatan-peralatan yang canggih. Begitu juga dari segi kemudahan-kemudahan asas yang lain yang sememangnya telah kita sediakan.

Dari segi masa pula kita mempunyai masa yang cukup untuk menyediakan keperluan-keperluan lain yang diperlukan dan juga penuh yakin keadaan ekonomi negara kita telah pun pulih sepenuhnya pada waktu itu. Di samping itu keupayaan sesebuah negara menjadi tuan rumah kepada sukan yang terbesar di dunia, Sukan Olimpik menjadi petanda baik menuju ke arah negara maju seperti Wawasan 2020. Berdasarkan kepada perkara-perkara inilah maka Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita dan kementerian kita berkeyakinan dan optimis yang Malaysia mampu untuk menjadi penganjur Sukan Olimpik 2008.

**Tuan Tan Kok Wai:** Tuan Yang di-Pertua, memandangkan persaingan daripada negara-negara lain yang lebih berkuasa dan berkemampuan, apakah kementerian merancang untuk mengadakan strategi yang khas untuk mendapatkan undi yang mencukupi bagi memenangi penganjuran Olimpik 2008.

**Dato' Loke Yuen Yow:** Tuan Yang di-Pertua, kementerian dan kerajaan sedar bahawa untuk memenuhi bid kita untuk mendapat sokongan daripada negara-negara lain supaya memberikan Malaysia menyelenggarakan Sukan Olimpik ini dan kita tahu ini bukan satu kerja yang mudah tetapi seperti apa yang dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita akan register ourself, dengan izin, bahawa kita ingin mengadakan Sukan Olimpik kerana seperti apa yang saya katakan tadi kita mempunyai semua kemudahan dan syarat-syarat yang paling baik untuk mengadakan Sukan Olimpik. Sekiranya kita gagal dalam tahun 2008 kita boleh cuba lagi dalam tahun 2012 ataupun 2016 sehingga kita berjaya.

Kita telah menubuhkan satu jawatankuasa untuk menangani kerja bidding ini dan kerajaan akan membelanjakan beberapa juta ringgit, ini bukan satu kerja yang murah. Kita akan menghubungi kawan-kawan yang kita ada di seluruh dunia supaya mereka menyokong kita. Terima kasih.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Tuan Yang di-Pertua, mengapa kita rebut sangat untuk menjadi tuan rumah sukan besar-besar, sedangkan mutu sukan di negara kita begitu merosot, bola sepak misalnya, kita kalah dengan Myanmar, kita kalah dengan Laos, begitu juga hoki, yang agak bertahan ialah badminton.

Yang kedua, tujuan sukan ialah untuk di antaranya menarik pelancong, selepas Sukan Komanwel, 80% pelancong di negara kita merosot sebab, semasa sukan masa itu saya berada di India, saya lihat yang ditunjuk sedikit sebanyak bukan hal sukan, hal demonstrasi dan sebagainya. Jadi apakah langkah kerajaan untuk meningkatkan mutu sukan dan di samping itu menganjurkan sukan yang besar tidak merugikan negara. Kita nampak sekarang ini selepas Sukan Komanwel pelancong merosot 80%, ertinya kempen kita tidak berjaya, orang takut untuk datang ke Malaysia sekarang. Habis beribu juta tetapi pelancong datang 80%, minta penjelasan.

**Dato' Loke Yuen Yow:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak faham mengapa Yang Berhormat bertanya soalan seperti ini. Mengenai isu untuk mengadakan temasya sukan yang besar adalah satu isu yang lain, walaupun isu untuk mengadakan sukan-sukan yang termasyhur di dunia ada berkaitan sedikit dengan prestasi persatuan-persatuan sukan dalam negara kita ini tetapi ini isu yang lain. Seperti PAS, kalau PAS tidak dapat mentadbir

Kelantan dengan baik mengapa PAS ingin menubuhkan kerajaan untuk Malaysia. [Tepuk] Jadi tunjukkanlah dahulu prestasi .....

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Adakah BN mentadbir dengan baik, rugi sekarang.

**Dato' Loke Yuen Yow:** .....mereka di negeri Kelantan sebelum mereka kacau negeri-negeri lain.

Tuan Yang di-Pertua, alasan-alasan kerajaan untuk mengadakan temasya sukan telah diterangkan tadi, saya tidak tahu Ahli Yang Berhormat dengar atau tidak. Saya telah katakan kemudahan-kemudahan telah dibina, pengalaman telah ada, nama baik telah ada, jadi untuk menunjukkan kepada dunia bahawa kita berkemampuan dan juga kita tahu bahawa kalau kita mengira pulangan dan pulangan itu bukan dari segi material tetapi juga dari pelbagai sudut, tadi saya telah terangkan dan saya tidak ingin menjawab sekali lagi.

#### **JURUUKUR TANAH - BILANGAN PENSYARAH YANG DIKTIRAF**

9. **Datuk Abdol Mulok bin Haji Awang Damit [Labuan]** minta Menteri Pendidikan menyatakan:-

- (a) bilangan pensyarah ukur tanah di IPT tempatan yang mempunyai tauliah sebagai Juruukur Tanah Berlesen; dan
- (b) apakah benar mereka yang menjadi pensyarah di IPT tidak diiktiraf kepakaran mereka sebagai profesional sedangkan mereka berkhidmat untuk melahirkan graduan profesional.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Dr. Fong Chan Onn]:** Tuan Yang di-Pertua, jawapan kepada soalan:-

- (a) Setakat ini tiada pensyarah dari mana-mana IPTA yang mempunyai tauliah sebagai Juruukur Tanah Berlesen. Walau bagaimanapun pensyarah bidang ukur tanah yang sedia ada di IPTA sememangnya mempunyai kelayakan akademik yang diperlukan untuk menjalankan kursus-kursus yang berkaitan. Pentauliahkan sebagai Juruukur Tanah Berlesen adalah keperluan Lembaga Juruukur Tanah. Sekiranya mereka ingin terlibat dengan kerja-kerja di luar daripada bidang tugas sebagai ahli akademik di IPTA.
- (b) Sebagaimana yang diketahui kebanyakan kursus yang ditawarkan di semua Institusi Pengajian Tinggi Tempatan Awam adalah bercorak profesional. Justeru itu adalah amat penting bagi seseorang pensyarah itu mempunyai kepakaran dalam bidang-bidang yang tertentu dan ianya telah dijadikan kriteria utama dalam pengambilan pensyarah bagi melahirkan graduan yang profesional.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat menyiasat sama ada benar ataupun tidak bahawa di sesetengah pusat termasuk MARA bahawa kursus terutamanya mengenai peralatan dan sebagainya tidak dikendalikan dengan baik, misalnya ada alat-alat yang dianggap moden yang dibeli oleh pusat-pusat tersebut tetapi tidak dapat digunakan dengan sepenuhnya. Bolehkah Yang Berhormat membuat tafsiran yang lebih teliti mengenai standard di pusat-pusat tersebut.

**Datuk Dr. Fong Chan Onn:** Tuan Yang di-Pertua, jawapan untuk

- (a) tidak betul;

- (b) semua standard yang dikendalikan oleh IPTA kita adalah setaraf dengan standard dengan universiti-universiti atau institusi-institusi pengajian tinggi di luar negara yang bertaraf tinggi.

[Soalan No. 10 - Y.B. Haji Noh bin Omar (Tanjong Karang) tidak hadir]

### Y2K - LANGKAH MENGATASI DAN KOS YANG DIKENAKAN

11. **Tuan Wong Kam Hoong [Bayan Baru]** minta Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia menyatakan:-

- (a) langkah-langkah yang akan atau telah diambil oleh kerajaan dalam mengatasi pepijat alaf (Y2K) di sektor awam dan swasta; dan
- (b) anggaran kos yang dikenakan untuk tujuan ini.

**Dato' Chan Kong Choy:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, lima strategi dan langkah-langkah telah dirangka untuk menangani masalah Y2K di peringkat nasional. Strategi dan langkah-langkahnya ialah:

- (i) menggubal program kesedaran bagi memastikan syarikat-syarikat swasta memberi kepentingan kepada usaha-usaha Sedia Y2K (Y2K Ready) atau Y2K compliance;
- (ii) melantik pihak bertanggungjawab Y2K dari kalangan agensi-agensi regulatory untuk memastikan pelaksanaan ke arah Sedia Y2K oleh organisasi-organisasi di bawah kawalan masing-masing;
- (iii) pendaftaran syarikat yang mengesahkan status Sedia Y2K;
- (iv) pemantauan status pelaksanaan dan tindakan yang diambil oleh syarikat-syarikat ke arah Sedia Y2K dan seterusnya melaporkan kepada kerajaan setiap bulan mulai 30 Oktober 1998; dan
- (v) menyediakan laman web Y2K yang dikendalikan sebagai Pusat Maklumat Interative, alamat laman web ini adalah [www.y2k.gov.my](http://www.y2k.gov.my)

Tuan Yang di-Pertua, bagi menangani masalah Y2K kerajaan telah menyediakan peruntukan sebanyak RM100 juta bagi tahun hadapan sebagai tambahan kepada peruntukan awal sebanyak RM30 juta yang telah diluluskan pada awal tahun ini. Bagi sektor swasta pula syarikat-syarikat yang tersenarai telah memperuntukkan lebih kurang RM844 juta bagi menangani masalah ini.

**Tuan Wong Kam Hoong:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya rasa banyak syarikat IKS atau SME pun menghadapi pepijat alaf (Y2K). Soalan saya, adakah mereka sedar dan apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh kementerian Yang Berhormat untuk membantu mereka mengatasi masalah ini.

**Dato' Chan Kong Choy:** Tuan Yang di-Pertua, sehingga sekarang kesedaran mengenai masalah Y2K di kalangan pengusaha Industri Kecil dan Sederhana (IKS) boleh dikatakan masih berkurangan kalau sekiranya dibandingkan dengan syarikat-syarikat besar. Pihak kerajaan sedang mempertingkatkan program kesedaran di antara pengusaha-pengusaha IKS supaya mereka dapat memberikan perhatian yang cukup serius untuk menghadapi masalah Y2K ini.

Selain daripada itu satu masalah bagi pihak kerajaan untuk menggalakkan pihak IKS mencari jalan untuk menyelesaikan masalah Y2K ialah kekurangan peruntukan dan dalam hal ini pihak kerajaan sedang berunding dengan Bank Dunia supaya diberikan satu pinjaman untuk memberikan bantuan antaranya kepada pihak IKS untuk menyelesaikan

masalah ini. Pihak kerajaan juga telah bersetuju Dana IKS yang dikendalikan oleh SMIDEC di bawah MITI boleh juga dipinjamkan kepada pengusaha IKS untuk menyelesaikan masalah Y2K dan segala laporan yang dibuat untuk menyelesaikan masalah Y2K akan diberikan elaun modal.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya ialah demikian. Pada bulan September, laporan menyatakan Malaysia ialah 58% Y2K compliance, maknanya belum mencapai tahap yang memuaskan. Jadi semenjak itu banyak perbincangan yang dibuat di dalam Dewan ini pada sesi yang lepas untuk mendorong pihak kerajaan dan menggalak pihak swasta membuatkan tahap Y2K compliance di Malaysia ini meningkat. Soalan saya ialah apakah tahap Y2K compliance di pihak private sector dan juga di public sector. Dan adakah ini sudah terlambat, oleh kerana kita hanya ada 12 bulan lagi. Terima kasih.

**Dato' Chan Kong Choy:** Tuan Yang di-Pertua, keadaan sudah bertambah baik sejak bulan September. Percentage yang dikatakan ialah 58% tetapi sekarang sudah meningkat kepada satu tahap yang boleh dikatakan memuaskan khususnya dalam sektor-sektor strategik yang kita memberikan perhatian yang khusus seperti di sektor perbankan dan insurans, pengangkutan, kesihatan, telekomunikasi, tenaga, bekalan air, pembetulan, minyak dan gas dan juga di sektor kerajaan. Di sembilan sektor yang dianggap strategik ini, kita memberikan perhatian yang cukup serius dan khusus dan saya boleh melaporkan kepada Dewan yang mulia ini perkembangan Y2K compliance dalam semua sektor yang saya sebutkan tadi adalah memuaskan.

Misalan kata di sektor perbankan dan insuran, memang sudah siap dan eksperimen akan dimulakan pada 1 Januari tahun depan. Kita mempunyai satu tahun untuk meninjau dan kalau sekiranya dalam satu tahun ini ada kesilapan, kita mempunyai masa yang cukup untuk memperbetulkannya. Dan keadaan sama juga dalam bidang pengangkutan dan sektor strategik yang lain.

#### **SAMSENG DI KALANGAN PELAJAR SEKOLAH – USAHA MEMBENDUNG**

12. **Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang [Marang]** minta Menteri Pendidikan menyatakan setakat manakah seriusnya gejala perlakuan samseng di kalangan pelajar sekolah dan apakah langkah yang diambil oleh pihak kementerian untuk membendung gejala tersebut.

**Datuk Dr. Fong Chan Onn:** Tuan Yang di-Pertua, pada keseluruhannya gejala perlakuan samseng di kalangan pelajar adalah terkawal. Kelakuan samseng di kalangan pelajar banyak berlaku di luar masa persekolahan. Bagi membendung masalah ini Kementerian Pendidikan telah mengambil langkah-langkah seperti berikut:

- (i) mengadakan operasi ponteng sekolah, spot check, program keinsafan, kursus modul peningkatan disiplin serta ceramah motivasi;
- (ii) mengalakkan kerjasama dengan masyarakat setempat menerusi permuafakatan PIBG dan brigade community;
- (iii) meningkatkan kerjasama dengan pihak polis dan mengambil tindakan undang-undang ke atas pelajar yang terlibat dalam kes jenayah; dan
- (iv) mengeluarkan Surat Pekeliling Iktisas kepada pihak sekolah dalam usaha mengawal dan membanteras kegiatan jenayah di kalangan pelajar.

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa untuk pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan Selesai.

*[Masa untuk Pertanyaan Jawab Lisan telah cukup dan Jawapan bagi pertanyaan No. 7, 10 dan 13 hingga 18 akan dijilid dalam buku berasingan].*

## **RANG UNDANG-UNDANG**

### **RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1999**

#### **Bacaan Kali Yang Kedua**

**Dan**

**USUL**

#### **ANGGARAN PEMBANGUNAN 1999**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah "Bahawa Rang Undang-Undang Perbekalan 1999 dibacakan kali yang kedua sekarang" dan "Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis"

"Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1999, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada RM18,053,037, dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun kewangan 1999, bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 1999 yang dibentangkan sebagai Kertas perintah 23 Tahun 1998 adalah diuntukkan di bawah Maksud-Maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersempena dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut" [9 November 1998].

**Tuan Yang di-Pertua:** Minta Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan menjawab.

**11.08 pagi.**

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Peter Chin Fah Kui]:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Sibu, Kepong, Batu Gajah, Bukit Bintang, Batang Lupa, Selangau, Kluang, Johor Bahru dan Petaling Jaya Utara yang telah membahaskan isu-isu yang berkaitan dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai isu perumahan, Ahli Yang Berhormat dari Sibu telah menyarankan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan mengkaji harga rumah supaya lebih murah dan fleksibel serta menggalakkan pemaju membina lebih banyak rumah kos rendah. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan telah pun memutuskan harga baru rumah kos rendah yang fleksibel bagi menggalakkan pemaju membina lebih banyak rumah kos rendah. Terdapat empat tahap harga baru iaitu RM42,000, RM35,000, RM30,000 dan RM25,000 seunit mengikut kawasan dan golongan sasaran.

Berhubung soalan Ahli Yang Berhormat dari Kepong mengenai kenyataan bahawa pencapaian pelaksanaan perumahan adalah antara 15% - 20% sahaja, saya di sini ingin menjelaskan peratusan itu adalah pada satu ketika yang lama. Ia akan meningkat apabila sampai penghujung tahun 1998 ini dan pada tahun-tahun selanjutnya sehingga akhir Rancangan Malaysia Ke-7.

Yang Berhormat dari Batu Gajah membuat saranan ....

**Tuan Yang di-Pertua:** Kepong bangun, Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Bolehkah Yang Berhormat mengkaji daripada laporan-laporan 154 Kerajaan Tempatan. Kita kaji peratusan pelaksanaan semua projek dan Yang Berhormat mungkin akan mendapati kebanyakannya tidak memenuhi matlamat dan kenyataan Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, saya percaya adalah betul kerana saya sebelum ini ada di Dewan Undangan Negeri Selangor, saya meneliti pencapaian setiap Majlis Daerah dan saya dapati kerana faktor-faktor yang tertentu, mereka tidak begitu berkesan di dalam pelaksanaan projek. Kadangkala setengah-setengah projek itu terbengkalai, saya berharap Yang Berhormat dapat meneliti, menelaah semua masalah ini.

**Datuk Peter Chin Fah Kui:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, apa sebab kita sebut, pada hujung tahun ini kita akan tahu bilangan pencapaiannya atau peratus pencapaiannya dan kita rasa kalau mengikut Rancangan Malaysia Keenam sebagai satu contoh, di sini saya hendak sebutkan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh walaupun pencapaian rumah kos rendah ini tidak sampai sasarannya tetapi keseluruhannya dalam Rancangan Malaysia Ketujuh, pencapaiannya ialah 113% lebih daripada apa yang kita sasarkan dalam Rancangan Malaysia Keenam.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Yang Berhormat yang mengatakan lebih 100% untuk sektor swasta. Tuan Yang di-Pertua, tidak kena mengena dengan sektor awam, di dalam pelaksanaan projek perumahan, di Rancangan Malaysia Keenam yang berjayanya itu sektor swasta, bukan sektor awam. Saya tidak setuju dengan kenyataan tadi seperti dengan Kota Tinggi pun kalau dia minta 100% peruntukan, dia dapat 80%, dia anggap orang lain tidak minta 100%, ha itulah Kota Tinggi.

**Datuk Peter Chin Fah Kui:** Tuan Yang di-Pertua, apa yang kita hendak ialah pencapaian jumlah sasaran, delivery of houses, dengan izin, siapa yang delivernya, sektor swastakah atau sektor kerajaan, ini tidak berapa penting. Mengikut pengalaman daripada RMK-6 ini, kita telah mencapai 113% sasaran itu, iaitu lebih daripada sasaran.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Batu Gajah membuat saranan supaya Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyediakan garis panduan pengendalian projek perumahan yang terbengkalai untuk mengelak pembeli dari menjadi mangsa rumah-rumah tidak dapat disiapkan. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, garis panduan yang standardize tidak sesuai digubal kerana keadaan bagi setiap projek adalah berbeza. Punca projek terbengkalai adalah berbeza, maka langkah yang berbeza akan diambil menanganinya dan buat masa sekarang kita cubalah teliti mana-mana projek yang telah terbengkalai dan pihak pegawai dari kementerian atau Jabatan Perumahan Negara akan menyiasat dan berbincang dengan pihak-pihak yang berkenaan untuk menyelesaikan masalah tersebut. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, beberapa langkah telah pun diambil oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk melindungi kepentingan-kepentingan pembeli. Ini termasuklah mewajibkan pembukaan akaun kemajuan perumahan. Langkah ini akan memastikan wang yang diterima dari para pembeli rumah tidak disalahgunakan khusus bagi projek yang bermasalah, pemaju-pemaju berkenaan akan dipanggil berbincang bagi menentukan langkah-langkah yang patut diambil.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Batu Gajah juga menyarankan supaya sijil kelayakan menduduki atau CF dikeluarkan selewat-lewatnya dalam tempoh dua minggu. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah mengeluarkan beberapa arahan melalui surat pekeliling pada tahun 1993, 1995, 1996 kepada semua pihak berkuasa tempatan melalui kerajaan negeri supaya sijil kelayakan menduduki atau CFO dikeluarkan dalam tempoh 14 hari setelah permohonan melalui borang 'E' telah dikemukakan.

Yang Berhormat dari Bukit Bintang membangkitkan mengenai Kondominium Le Chateau di Jalan Syed Putra Kiri yang hanya mendapat temporary CF dalam kegagalan pemaju menyelesaikan masalah status tanah. Mengenai temporary CF, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah memberikannya sebanyak 9 kali. Untuk maklumat lanjut, Ahli Yang Berhormat dinasihatkan menghubungi Dewan Bandaraya Kuala Lumpur kerana ini bidang kuasa mereka. Memang benar, pemaju menghadapi masalah menyelesaikan pertukaran syarat tanah, Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan telah meminta pemaju membuat segera permohonan baru.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Petaling Jaya Utara, pengeluaran hak milik strata adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi. Sekiranya Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan menerima aduan-aduan daripada pembeli mengenai kelewatan atau kegagalan pemaju menyerahkan strata title, kementerian ini akan menasihatkan pembeli-pembeli berkenaan merujuk kes ke Pejabat Tanah dan Galian berkenaan. Mengenai gesaan Yang Berhormat supaya dikaji pelaksanaan undang-undang perbadanan pengurusan dan bangunan, kementerian ini memang sedang berurusan dengan Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi untuk menggubal rang undang-undang mengenainya.

Ahli Yang Berhormat dari Batang Lupa.....

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat] *mempengerusikan Mesyuarat*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, Bukit Bintang bangun.

**Dr. Lee Chong Meng:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan tentang kes di Kelab Le Chateau, walaupun kami telah mengambil tindakan untuk berdialog dengan pihak pemaju tetapi sampai sekarang tidak ada respon langsung kerana saya difahamkan bahawa pembinaan itu begitu besar 400 unit dan mereka telah menunggu sampai 10 tahun dan masih tidak dapat CF lagi tetapi temporary CF telah dikeluarkan 14 kali. Jadi saya rasa bahawa pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan perlulah mengambil tindakan kerana pemaju membina unit-unit itu dengan tidak ada development order (D.O.) langsung. Jadi, ini bermakna bahawa masalah begitu serius. Saya difahamkan bahawa ada seorang perempuan, bila dia beli rumah itu, umur dia 21 tahun sahaja tetapi sekarang sudah 31 tahun, belum dapat rumah lagi. Saya harap tindakan yang serius perlulah diambil kerana inilah satu masalah yang paling serius dan 'it is tip of the iceberg' sahaja. Saya harap tindakan boleh diambil oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih.

**Datuk Peter Chin Fah Kui:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, memang pegawai dari kementerian saya, memandangkan perkara ini serius kerana ini melibatkan banyak pembeli, mengenai kondominium yang dibina oleh pihak pemaju tetapi mengikut apa yang kita fahami, perkara ini sampai sekarang masalah ini tidak dapat diselesaikan sebab pihak pemaju ini menghadapi masalah yang terbesar iaitu kewangan dan status tanah ini tidak dapat ditukarkan sebab pihak pemaju ini sekarang sudah menggadaikan hak milik itu kepada bank dan pemaju ini tidak dapat menyelesaikan masalah kewangan dengan bank dan sebab itulah walaupun pihak Bandaraya Kuala Lumpur cuba menolong pembeli untuk mendapatkan pembeli itu memasuki kondominium tersebut dengan temporary CF dan temporary CF pun Dewan Bandaraya Kuala Lumpur memberi sembilan kali temporary CF. Dan mengenai menyelesaikan masalah hal tanah itu saya rasa ini perlulah pihak pembeli itu dengan pihak pemaju dan juga dengan pihak bank juga iaitu 'three sided' perundingan, dengan izin, supaya mereka boleh setuju macam mana caranya supaya bank itu tidak akan mengambil tindakan yang keras tetapi boleh menerima permohonan daripada pihak pembeli untuk menukarkan status title hak milik dia.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Ya, dia bangun lagi, Yang Berhormat.

**Dr. Lee Chong Meng:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan sedikit. Sedikit maklumat tambahan. Jadi temporary CF itu telah tamat pada bulan November 1997. Jadi mereka duduk di bangunan itu bukanlah yang layak tetapi yang haram. Kalau ada kebakaran atau kemalangan yang besar siapa akan bertanggungjawab kerana di situ saya difahamkan tidak ada bekalan air yang betul, semuanya yang haram. Jadi saya rasa tindakan perlu diambil dengan segera kerana ini akan menjejaskan penduduk di Kelab Le Chateau tersebut walaupun kelab tersebut nampak mewah di luar tetapi di dalam pelbagai masalah timbul. Sekian.

**Datuk Peter Chin Fah Kui:** Tuan Yang di-Pertua, kita faham perkara itu Yang Berhormat tetapi pada masa yang sama kita tidak dapat menyelesaikan masalah tanpa bank ini setuju. Oleh kerana pemaju sudah tidak dapat menjelaskan pembayaran kepada bank sebab itu bank tidak ingin hendak mengeluarkan kaveat tentang tanah itu. Oleh sebab itu saya telah sebutkan tadi kita perlu ada perbincangan antara ketiga-tiga pihak ini supaya dapat satu persetujuan yang sama untuk menyelesaikan masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Petaling Jaya Utara pengeluaran hakmilik strata adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi. Sekiranya Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan menerima aduan-aduan daripada pembeli mengenai kelewatan atau kegagalan pemaju menyerahkan strata title, kementerian akan menasihatkan pembeli-pembeli berkenaan merujuk kes ke Pejabat Tanah dan Galian berkenaan. Mengenai gesaan Yang Berhormat supaya dikaji pelaksanaan undang-undang perbadanan dan pengurusan bangunan, kementerian ini memang sedang berurusan dengan Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi untuk menggubal rang undang-undang mengenainya.

Ahli Yang Berhormat dari Batang Lupa mempersoalkan sama ada kerajaan menyediakan rumah kos rendah di luar bandar yang mana kosnya mungkin lebih rendah memandangkan harga tanah yang lebih murah. Sukalah saya menerangkan bahawa pertimbangan mengadakan projek perumahan awam kos rendah di luar bandar bergantung kepada beberapa faktor, seperti keperluan dan juga keutamaan negeri berkenaan. Harga jualan bagi kawasan luar bandar tidak lebih daripada RM25 ribu di Semenanjung dan RM32 ribu di Sabah dan Sarawak.

Mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Selangau.....  
**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Batang Lupa bangun.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri satu soalan iaitu kerajaan pusat sebagaimana yang kita ketahui banyak memberi pertolongan dan sumber kewangan kepada kerajaan-kerajaan negeri sama ada secara geran ataupun secara pinjaman. Saya juga diberi maklumat iaitu kadangkala ada negeri-negeri yang berkenaan tidak menggunakan sumber kewangan yang dipinjam daripada kerajaan pusat itu untuk membina rumah kos rendah untuk kegunaan rakyat. Jadi dalam keadaan yang sedemikian, wang yang dipinjam untuk 'target group' daripada kerajaan pusat itu telah digunakan untuk keuntungan agensi-agensi kerajaan negeri atas kemahuan pihak-pihak agensi kerajaan negeri yang berkenaan.

Jadi apakah mekanisme kementerian supaya kewangan yang dipinjam oleh pihak Kementerian Kewangan di peringkat pusat digunakan sepenuhnya untuk rumah kos rendah dan membantu mereka yang perlu di peringkat negeri dan di tiap-tiap negeri dan supaya

wang ini mendatangkan kesan dan menurunkan lagi kemahuan dan keperluan rumah kos rendah di tiap-tiap negeri seluruh negara. Terima kasih.

**Datuk Peter Chin Fah Kui:** Ya, terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, saya tidak berapa pasti sama ada perkara yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi terus berlaku di negeri masing-masing. Tetapi mengikut cara permohonan daripada negeri-negeri berkenaan kita rasa ada laporan yang terperinci setiap tiga bulan daripada agensi-agensi kerajaan negeri yang terus menggunakan kewangan ini untuk membina rumah kos rendah dan setakat ini kita tidak ada masalah besar mengenai laporan yang dihantar oleh pihak negeri dan hanya ada setengah-setengah negeri yang menghadapi masalah kelewatan untuk memberi laporan tersebut terhadap sesuatu perkembangan projek yang berada di negeri masing-masing.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat di Sarawak umpamanya, dalam Rancangan Malaysia Ke-7, pihak negeri Sarawak telah memberi satu angka yang agak besar dalam projek-projek yang disebutkan oleh pihak negeri. Sebenarnya 32 projek Perumahan Awam Kos Rendah (PAKR) telah dikemukakan oleh pihak negeri untuk dibina dalam Rancangan Malaysia Ke-7 dan sebab projek ini telah diluluskan, maka kita minta pihak negeri terus menghantarkan laporan kepada kita setiap tiga bulan atas perkembangan projek-projek yang diminta itu. Kita harap dengan cara ini kita boleh terus meneliti sama ada kewangan itu digunakan dengan tujuan yang diberikan oleh pihak Kerajaan Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Selangau di bawah Rancangan Malaysia Ke-7 sehingga September 1998 lebih kurang 14,000 unit rumah kos rendah telah dan sedang dibina di negeri Sarawak. Rumah-rumah tersebut meliputi rumah kos rendah jenis teres dan pangsa untuk semua daerah termasuk Sibul, Miri, Kapit dan juga Kuching. Kerajaan telah bersetuju harga rumah kos rendah bagi negeri Sabah dan Sarawak iaitu 20% lebih tinggi daripada yang ditetapkan untuk Semenanjung Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai isu kerajaan tempatan, Ahli Yang Berhormat dari Kepong menyatakan bahawa perlantikan ahli majlis di pihak berkuasa tempatan tidak mengikut kriteria yang betul. Seksyen 10(2) Akta Kerajaan Tempatan adalah menggariskan kriteria-kriteria umum untuk kerajaan-kerajaan negeri melantik ahli Majlis Pihak Berkuasa Tempatan di bawah pentadbiran masing-masing. Pihak kementerian percaya bahawa kerajaan-kerajaan negeri telah berusaha untuk memenuhi kriteria tersebut, sekiranya didapati mana-mana kerajaan negeri tidak mengikut kriteria yang betul dalam perlantikan ahli-ahli majlis bolehlah dibangkitkan perkara tersebut dengan kerajaan negeri berkenaan....

**Dr. Tan Seng Giaw:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Kepong bangun.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, saya bersimpati dengan Yang Berhormat, kerana tidak dapat membayangkan keadaan yang sebenar. Saya sekali lagi meminta Yang Berhormat supaya kementeriannya mengkaji majlis-majlis kerajaan tempatan bagi setiap tahun, semua anggota majlis ini sama ada memenuhi Perkara 10(2) Akta Kerajaan Tempatan. Itu memang satu perkara yang sentiasa hendak ditekankan di dalam Dewan yang mulia ini. Kerana saya nampak kementerian ini walaupun ada hasrat, tetapi tidak buat kajian yang betul mengenai kaliber, kualiti, mutu dan keberkesanan anggota-anggota kerajaan tempatan. Ini memang satu perkara yang akan saya sentiasa bangkitkan. Kerana saya nampak ada setengah-setengah itu tidak berminat dengan kerja sebagai anggota majlis kerajaan tempatan. Cuma mencari peluang sahaja, mungkin ada petualang juga.

**Datuk Peter Chin Fah Kui:** Kalau ada kaunselor-kaunselor yang telah dilantik dan ahli ini tidak berminat, saya rasa ada juga cara untuk menamatkan perkhidmatan ahli-ahli ini. Oleh sebab itu, maka saya rasa kita patutlah memberi satu kuasa kepada pihak negeri dan juga pihak berkuasa tempatan untuk mengambil tindakan yang sewajarnya. Walaupun kita ada undang-undang, tetapi kuasa untuk melantik adalah pihak berkuasa tempatan. Kita memberi peluang kepada mereka untuk menguruskan hal ini.

Ahli Yang Berhormat dari Kluang meminta penjelasan mengenai masalah pelaksanaan Akta Kawalan Sewa (Pemansuhan) 1997 di mana formula perkiraan nilai tahunan yang digunakan di bawah akta tidak boleh digunakan untuk pihak berkuasa tempatan di negeri Johor. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian ini amat peka terhadap masalah kenaikan sewa premis kawalan sewa di negeri Johor dan telah pun meminta Kerajaan Negeri Johor mencari penyelesaian dengan kadar segera. Adalah difahamkan bahawa kerajaan negeri sedang mengkaji masalah ini dan akan dapat menyelesaikan masalah ini tidak lama lagi.

Cadangan Ahli Yang Berhormat dari Petaling Jaya Utara mengenai community service kepada orang yang membuang sampah merata-merata adalah baik. Jabatan Peguam Negara sedang memberi perhatian keperluan meminda Perlembagaan Persekutuan bagi maksud ini.

Mengenai gesaan Yang Berhormat supaya Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan mengkaji Undang-undang Perbadanan Pengurusan Bangunan untuk membolehkan bekalan air atau elektrik dipotong bagi penghuni yang gagal membayar yuran pengurusan, ingin saya memaklumkan Ahli Yang Berhormat berkenaan, perkara ini adalah di bawah Akta Strata Title yang ditadbirkan oleh Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, dan eloklah perkara ini diambil perhatian oleh kementerian tersebut.

Ahli Yang Berhormat dari Johor Bahru mengatakan 70% dari masalah penduduk adalah berkaitan kerajaan tempatan. Kementerian ini sukacita sekiranya Ahli Yang Berhormat yang berkenaan menyatakan bagaimana beliau mendapat peratusan itu dan juga menjelaskan lebih khusus apa maksud tindakan yang dibebankan, kerana kita tidak berapa jelas. Ini perlu bagi kementerian ini memberi jawapan yang lebih tepat. Saya harap kalau Ahli Yang Berhormat dari Johor Bahru ingin, saya mintalah berjumpa saya supaya kita boleh berbincang dengan isu ini.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya mengenai isu kebombaian. Ahli Yang Berhormat dari Sibu menyarankan supaya perkhidmatan Bomba dan Penyelamat dipertingkatkan. Sukacita dimaklumkan kerajaan sentiasa berusaha menambahkan bilangan anggota bomba, pembinaan balai bomba baru dan juga memperolehi peralatan tambahan dan peralatan yang lebih canggih. Di samping itu, kerajaan juga berusaha meningkatkan kemahiran dan keupayaan anggota bomba melalui latihan dan kelengkapan diri. Kita perlu mengambil maklum bahawa langkah-langkah ini memerlukan perbelanjaan yang amat besar dan kena dilaksanakan secara beransur-ansur.

Mengenai permohonan yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat dari Selangau, adalah dijelaskan pada masa ini bukan menjadi dasar kerajaan membekalkan alat-alat pemadam api kepada rumah-rumah persendirian. Walau bagaimanapun, latihan kebombaian kepada penduduk tempatan boleh diperolehi secara percuma dengan menghubungi balai-balai bomba yang berdekatan.

Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang berminat untuk membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 1999 mengenai Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Sekiranya ada yang saya tidak menjawab, saya ingin menjelaskan di sini kita

akan mengambil kira apa yang sudah dibincangkan dan jikalau sesuai kita akan melaksanakan cadangan dan teguran daripada Ahli-ahli Yang Berhormat. Sekian.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Kementerian Pertahanan.

**11.37 pagi**

**Menteri Pertahanan [Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar]:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Segambut, Yan dan Tumpat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan Belanjawan Negara 1999 yang sedikit-sebanyak telah menyentuh Kementerian Pertahanan. Walau bagaimanapun, ucapan-ucapan dari Ahli-ahli Yang Berhormat dari Segambut dan Yan telah menunjukkan keprihatinan Yang Berhormat di atas masalah keselamatan dan pertahanan negara.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan persoalan yang dibangkitkan mengenai projek pertahanan yang bernilai RM5.4 bilion, ingin saya memaklumkan bahawa projek pembinaan kapal peronda ataupun patrol vessel, dengan izin, sebanyak 27 buah bagi Tentera Laut Malaysia adalah merupakan satu rancangan jangka panjang untuk melengkapkan Tentera Laut Diraja Malaysia. Pelaksanaannya telah dirancang dalam beberapa Rancangan Lima Tahun Malaysia. Dalam keadaan kegawatan ekonomi sekarang hanya pembinaan enam buah kapal peronda bernilai RM2.35 bilion diteruskan. Itu pun dalam tempoh masa lapan tahun. Oleh itu, bebanan kewangan bagi pelaksanaan adalah kurang dirasai. Namun demikian, kerajaan memutuskan keperluan enam buah kapal peronda dibina dan dilengkapkan di dalam negara. Dengan ini projek ini dapat menjana ekonomi negara di mana pelbagai peringkat kegiatan ekonomi dapat dirancarkan.

Pada masa yang sama projek ini menggalakkan pertumbuhan industri kecil, tambahan pula projek ini akan menggalakkan pertumbuhan vendor kerana menjadi pembekal dan pembuat kelengkapan berkaitan dengan projek tersebut. Di samping itu, ia akan mempunyai manfaat dari segi pemindahan teknologi.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sebenarnya tidak tergesa-gesa dalam melaksanakan projek ini kerana ia telah dirancang mengikut keperluan Tentera Laut Diraja Malaysia untuk meningkatkan suasana strategik dan keselamatan perairan negara sebagai sebuah negara maritim, pada masa yang sama ia adalah satu proses penggantian kepada kapal yang sedia ada, yang telah beroperasi sekian lama.

Di samping itu, pembinaannya selaras dengan perjanjian peswastaan Limbungan Tentera Laut Diraja Malaysia di Lumut yang telah ditandatangani pada 11 Disember 1995.

Mengenai persoalan dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Yan berkenaan dengan pencerobohan oleh Angkatan Tentera Singapura khususnya tentera udara republik tersebut, saya dan Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan telah pun menjelaskan akan persoalan tersebut di Dewan ini yang mana beberapa kali ia telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat.

Walaupun bagaimanapun, untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Yan, pihak Kerajaan Malaysia telah pun mengambil tindakan sewajarnya dalam menangani masalah ini. Keistimewaan penggunaan ruang udara kepada Tentera Udara Republik Singapura telah pun ditamatkan pada 18 September 1998.

Kementerian juga telah mengambil tindakan mengenai pencerobohan ruang udara selaras dengan peraturan yang sedia ada iaitu melalui bantahan diplomatik. Untuk meningkatkan lagi pengawasan terhadap pencerobohan ruang udara terutamanya bagi pesawat-pesawat yang terbang rendah, pihak ATM telah pun mempunyai sistem radar pertahanan udara yang berupaya bagi mengesan segala bentuk pencerobohan udara.

Di samping itu juga, Angkatan Tentera Malaysia telah menempatkan anggota-anggota tentera darat yang bertanggungjawab untuk mengawasi pencerobohan wilayah darat serta pesawat pengawasan maritim bagi mengawasi ruang udara di selatan Semenanjung khususnya. Sekiranya terdapat pencerobohan, pesawat pejuang akan digerakkan untuk mengambil tindakan yang sewajarnya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan tidak akan berkompromi dalam apa-apa perkara yang menyentuh keselamatan dan kedaulatan negara.

Tuan Yang di-Pertua, ....

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Kubang Kerian bangun.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Tuan Yang di-Pertua, apakah pihak Singapura sengaja mempermainkan Malaysia di tengah-tengah kegawatan ekonomi, misalnya mereka menceroboh ruang udara kemudian Malaysia pula menjawab dengan keras dalam Parlimen dan di luar Parlimen dan rakyat nampak ini adalah kadang-kadang satu permainan yang sengaja Malaysia dan Singapura, selepas itu berdamai semula bila lawatan bertemu dua Perdana Menteri iaitu mereka memerlukan air, kita memerlukan wang.

Jadi, saya ingin tahu adakah perselisihan dengan Singapura baru-baru ini hanya satu mainan yang akhirnya kita lihat mereka dapat air 60 tahun, kita pula kononnya akan dapat wang daripada mereka, apakah yang berlaku selama ini sandiwara ataupun ia serius menceroboh ruang udara kita.

**Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Tuan Yang di-Pertua, dalam hal-hal pertahanan adalah amat merbahaya untuk bermain sandiwara dan saya fikir walau bagaimanapun, oleh kerana kita negara jiran, kita sentiasa mencari jalan untuk mencari persamaan daripada untuk mencari konflik di antara satu sama lain.

Tindakan Malaysia mengambil kira segala kepentingan negara kita dan keputusan yang dibuat baru-baru ini di antara perjumpaan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia dan Perdana Menteri Singapura adalah bertujuan untuk mencapai kata sepakat dalam hal-hal yang mendatangkan manfaat kepada kedua-dua buah negara dan bukan satu sandiwara untuk ditonton sama ada oleh ahli PAS atau ahli-ahli lain.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai cadangan penghapusan undi pos daripada Ahli Yang Berhormat dari Tumpat, Tumpat ini dia suka tanya soalan, tetapi dia tidak pernah ada. Pihak kementerian mendapati amalan yang dilaksanakan sekarang adalah paling sesuai bagi anggota-anggota ATM. Memandangkan kepada penempatan mereka di merata tempat di negara ini dan hanya pasukan sahaja yang mengetahui penempatan sebenar mereka, pengundian di dalam kem tentera yang disarankan oleh Ahli Yang Berhormat tidak akan mencapai objektif pilihan raya kerana mereka yang bertugas di luar pasukan tidak boleh meninggalkan kawasan tugas dan operasi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semasa pengundian pos dijalankan, sememangnya wakil SPR turut hadir di dalam kem-kem bagi menyaksikan proses pengundian bagi memastikan ianya berjalan lancar dan mengikut peraturan pilihan raya. Ini bermakna dari segi kerahsiaan undi dan penyelewengan pengundian tidak mungkin berlaku.

Sebagaimana yang saya nyatakan di awal tadi bahawa .....

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, ya Kubang Kerian.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Sekali lagi Datuk! Sekarang kita dapat Menteri Pertahanan yang baik, jadi permintaan pihak kami supaya undi pos itu ada wakil dari parti-parti politik yang bertanding, adakah pihak Menteri Pertahanan boleh mengizinkan pilihan raya yang akan datang iaitu parti-parti yang bertanding diizinkan hadir seperti undi yang berlaku di luar, sebab kalau hilang keraguan undi pos maka demokrasi kita akan lebih baik di Malaysia.

**Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Kubang Kerian. Saya fikir peraturan yang kita ada pada masa ini, yang tidak mengizinkan parti-parti politik sama ada dari kerajaan ataupun pembangkang untuk hadir adalah baik untuk suasana dan persekitaran kem-kem di tempat tentera, oleh kerana tentera ini adalah satu pasukan yang tidak terlibat di dalam soal-soal politik, lebih baik mereka tidak diganggu oleh kerana selalunya gangguan dibuat dengan menggunakan, saya tahu apa yang dilakukan oleh parti-parti pembangkang untuk mempengaruhi dan ini boleh mengeruhkan suasana di kem-kem.

Jadi, biar kita gunakan sistem yang sedia ada, insya-Allah, kita akan tentukan di setiap masa bahawa pengundian itu dijalankan secara bebas dan tidak dipengaruhi oleh unsur-unsur yang berat sebelah.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya nyatakan di awal tadi bahawa setelah mengambil kira faktor-faktor penempatan penugasan dan proses pengundian yang dijalankan selama ini di kalangan anggota, saya percaya bahawa pengundian secara pos merupakan satu kaedah yang paling sesuai.

Tuan Yang di-Pertua, sekianlah beberapa perkara yang dapat saya jelaskan di atas beberapa isu yang menyentuh bidang tugas Kementerian Pertahanan yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini. Sekiranya masih ada isu-isu yang tidak sempat disentuh oleh saya, pihak kementerian akan mengambil maklum dan tindakan selanjutnya akan dibuat. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Kementerian Pembangunan Luar Bandar.

11.47 pagi

**Menteri Pembangunan Luar Bandar [Dato' Haji Annuar bin Haji Musa]:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam membincangkan isu-isu pembangunan yang terletak di bawah bidang kuasa Kementerian Pembangunan Luar Bandar semasa perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 1999 berlangsung beberapa hari yang lalu.

Segala komen dan ulasan Ahli-ahli Yang Berhormat dengan jelas menunjukkan betapa prihatin dan komitmen yang tinggi serta sokongan padu Ahli-ahli Yang Berhormat sama-sama dengan kementerian bagi menjayakan segala program pembangunan di kawasan luar bandar selaras dengan matlamat falsafah dan strategi baru pembangunan luar bandar.

Sepanjang perbahasan ini, isu-isu mengenai pembangunan dan penyediaan infrastruktur luar bandar, Program Pembasmian Kemiskinan, Program Pembangunan Industri Desa dan RISDA telah menarik minat seramai 26 orang Ahli-ahli Yang Berhormat.

Isu mengenai pembangunan infrastruktur dan utiliti luar bandar telah disentuh oleh 18 Ahli Yang Berhormat dan antaranya ialah Ahli Yang Berhormat dari Parit Sulong, Bukit Mas, Bintulu, Larut, Parit Buntar, Machang, Pasir Puteh, Pasir Mas dan Selangau.

Perkara yang ditimbulkan hampir sama yakni mengenai keperluan dan mustahaknya infrastruktur asas seperti jalan, bekalan elektrik dan bekalan air bersih di kawasan luar bandar khususnya di kampung-kampung yang terpencil dan rumah-rumah panjang di negeri Sabah dan Sarawak.

Ahli-ahli Yang Berhormat juga telah menyentuh perlunya kementerian menetapkan sasaran dan mengukur pencapaian pelaksanaan projek-projek infrastruktur serta mencadangkan supaya peruntukan bagi projek-projek tersebut ditambah.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sememangnya sedar dan memberi sepenuh perhatian serta keutamaan bagi menyediakan kemudahan infrastruktur yang lebih berkualiti dan mencukupi di kawasan luar bandar dalam negara kita. Ini terbukti walaupun dalam keadaan negara mengalami kegawatan ekonomi, namun kerajaan tetap mempertahankan malah bersedia untuk menambah peruntukan bagi keperluan penyediaan kemudahan asas luar bandar, umpamanya bagi projek menaik taraf jalan-jalan kampung di seluruh negara, peruntukannya telah ditambah daripada RM195 juta pada tahun 1998 ini kepada RM225 juta bagi tahun 1999.

Begitu juga bagi projek jalan luar bandar yang ditambah daripada RM135 juta kepada RM250 juta tahun 1999. Walaupun demikian, oleh kerana liputan kawasan yang sangat luas, kedudukan kampung-kampung yang terpencil di pedalaman terutamanya di Sabah dan Sarawak yang melibatkan kos yang sangat tinggi, pelaksanaan projek infrastruktur tersebut terpaksa dibuat secara berperingkat-peringkat berdasarkan kepada keutamaan yang kita tentukan.

Dalam melaksanakan program tersebut, Kementerian Pembangunan Luar Bandar sememangnya mempunyai perancangan dan telah pun menetapkan sasaran pelaksanaan berdasarkan kepada keutamaan dan keperluan semasa serta jumlah peruntukan yang diluluskan kepada kementerian. Misalnya bagi bekalan elektrik dan bekalan air luar bandar, kementerian telah menetapkan sasaran untuk mencapai tahap liputan 100% menjelang tahun 2000 bagi negeri-negeri di Semenanjung dan 2010 bagi Sabah dan Sarawak. Malah saya telah membuat semakan, di mana bagi negeri Sabah dan Sarawak usaha untuk dipercepatkan lagi di mana matlamat ini dijangka akan dapat dicapai 5 tahun lebih awal yakni menjelang tahun 2005.

Bagi jalan-jalan kampung, mengikut bancian yang kita lakukan masih terdapat 21,171 kilometer yang perlu dinaikkan taraf berdasarkan kepada peruntukan yang diluluskan bagi tempoh sepanjang RMK-7 keupayaan kita hanya untuk menaikkan taraf sepanjang 12,000 kilometer jalan sahaja. Sementara bakinya akan disempurnakan dalam tahun rancangan lima tahun yang berikutnya. Ke arah untuk mempercepatkan pelaksanaan projek tersebut, kementerian telah mengambil beberapa inisiatif untuk memperbaiki kaedah dan sistem pelaksanaan termasuklah menggunakan konsep payung, konsep turnkey, dan lain-lain konsep pelaksanaan yang boleh memendekkan kerena birokrasi dan mempercepatkan lagi penyediaan jalan-jalan kampung dan kemudahan prasarana yang lain.

Mengikut catatan kementerian pada tahun ini, kita mencatat rekod jalan kampung yang paling banyak dapat kita bina iaitu lebih daripada 2,500 kilometer jalan, dan insya-Allah, dalam tahun 1999 kementerian akan cuba untuk menyiapkan sepanjang 3,500 kilometer jalan dan ini adalah angka yang paling tinggi pernah dilaksanakan oleh kerajaan bagi satu-satu tahun kewangan.

Dalam usaha untuk memperkemas dan mempercepatkan pelaksanaan projek ini, sukacita saya memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa kementerian telah mewujudkan satu jawatankuasa pemantauan di peringkat nasional yang melibatkan bukan sahaja agensi kerajaan, tetapi juga semua mereka yang telah diberikan tanggungjawab termasuk para kontraktor supaya mereka mengemukakan laporan kemajuan setiap bulan

dan segala permasalahan pelaksanaan yang timbul dapat diselesaikan dalam jawatankuasa pemantauan yang tersebut.

Yang Berhormat dari Sibu ingin mengetahui jumlah peruntukan bekalan air bagi kawasan Parlimen Sibu dan membangkitkan keperluan infrastruktur di kampung-kampung termasuk kampung di pinggir-pinggir kawasan bandar.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat Parit Sulong bangun.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan tahniah kepada Menteri Pembangunan Luar Bandar di atas laporan yang diberikan pada Dewan yang mulia ini sebentar tadi. Saya cuma hendak bertanya, apakah masalah-masalah utama yang menyebabkan kerajaan sukar untuk melaksanakan projek kenaikan taraf jalan kampung dan jalan luar bandar, adakah yang paling besarnya masalah kewangan ataupun masalah-malah lojistik yang lain. Terima kasih.

**Dato' Haji Annuar bin Haji Musa:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Masalah kewangan ini memang satu daripadanya tetapi saya percaya masalah ini tidak akan berakhir. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selaku Menteri Kewangan telah pun bersetuju untuk menambahkan lagi peruntukan ini sepertimana yang saya maklumkan tadi, kalau pada tahun ini kita hanya diberikan peruntukan RM185 juta, itupun yang terbanyak setakat ini, tetapi untuk tahun hadapan kerajaan telah bersetuju menambahkan lagi menjadikan RM225 juta.

Walau RM225 juta tidak cukup, masalah pelaksanaan selain daripada masalah kewangan adalah juga kerana jalan-jalan kampung ini kecil-kecil, bilangannya banyak, taburannya terdapat di segenap pelosok negara dan dengan itu, masalah pengawasan dan bagi menentukan jalan-jalan dibina mengikut spesifikasi dan mutu yang sesuai dan merupakan juga satu masalah yang cuba kita atasi. Sebab itu di bawah pendekatan yang baru untuk makluman Yang Berhormat dari Parit Sulong, kita mempunyai konsultan yang telah dilantik oleh kerajaan dan mereka dikehendaki mengawasi setiap batang jalan yang dibina yang jumlahnya pada tahun ini tak kurang daripada 2,700 projek semua sekali dan mereka dikehendaki membuat pengesahan satu persatu sama ada pembinaannya mengikut spesifikasi dan kualiti yang dikehendaki. Walaupun masalahnya memang ada In-sya-Allah, ianya boleh kita atasi dan diperbaiki. [*Dua orang Ahli bangun*].

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat Parit Sulong dahulu.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih banyak-banyak kepada Yang Berhormat Menteri. Satu lagi masalah adalah pemeliharaan ataupun maintenance jalan-jalan luar bandar yang telah pun dinaikkan taraf berpuluh tahun yang lalu dan sekarang ini jalan-jalan ini rosak dan tiada siapa yang kelihatannya jelas bertanggungjawab untuk memelihara ataupun maintain jalan-jalan berkenaan, dan adakah pihak kementerian juga mempunyai peruntukan yang khusus untuk pemeliharaan jalan-jalan kampung yang telah pun dinaikkan taraf. Terima kasih.

**Dato' Haji Annuar bin Haji Musa:** Untuk makluman Yang Berhormat maintenance jalan-jalan kampung setelah ianya disiapkan, itu diserahkan kepada D.O untuk menguruskan dan kerajaan melalui ICU mulai dari tahun 1997 mula menyediakan peruntukan tertentu bagi maintenance tetapi ia tidak disalurkan melalui Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Kalau dulu tidak ada langsung peruntukan untuk maintenance tetapi sejak dua tahun kebelakangan ini dan saya percaya juga untuk tahun hadapan peruntukan disalurkan melalui pegawai-pegawai daerah masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua,

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Sibu bangun.

**Tuan Robert Lau Hoi Chew:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua minta penjelasan, bolehkah Kementerian Pembangunan Luar Bandar kaji semula kemungkinan mewujudkan Majlis Luar Bandar sebagai sebuah agensi kerajaan untuk melaksanakan projek-projek seperti jalan kampung, kerana saya difahamkan di Sibu, Majlis Luar Bandar Sibu memperuntukkan satu tahun hanya RM2 juta sahaja dan area terlalu luas. Iaitu kerana mereka sangat tahulah situasi tempatan. Tambahan pula saya ingin tanya kemudahan-kemudahan sukan contohnya kompleks sukan daerah luar bandar. Ini di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandarkah atau Kementerian Pendidikan, saya belum tahu. Minta penjelasan sedikit.

**Dato' Haji Annuar bin Haji Musa:** Terima kasih, Yang Berhormat, keduanya tidak termasuk dalam skop dan tugas kementerian ini cuma apa yang kita lakukan, bila disebut luar bandar, bukan bermakna semuanya di bawah tanggungjawab kementerian ini, sebahagiannya di bawah pembiayaan kerajaan negeri, termasuk Yang Berhormat sebutkan Majlis Luar Bandar itu out-fit yang diwujudkan oleh Kerajaan Negeri Sarawak. Saya nak buat penegasan di sini, Tuan Yang di-Pertua, negeri Sarawak adalah antara negeri yang mempunyai kaedah perancangan luar bandar yang cukup baik, mereka baru sahaja menubuhkan Kementerian Pembangunan Luar Bandar yang diketuai sendiri oleh Timbalan Ketua Menteri, dan saya mendapat kerjasama yang sangat baik, sebab itu untuk negeri Sarawak kita tambah peruntukan kerana keupayaan pelaksanaan projek luar bandar Negeri Sarawak telah pun meningkat, tetapi hanya terbatas kepada projek dan program yang termasuk di bawah skop program-program kementerian, tentunya sukan tidak tidak termasuk walaupun ia boleh menggunakan peruntukan yang biasa disebutkan di Sarawak MRP ataupun Minor Rural Project. Itu dikendalikan terus oleh Yang Berhormat sendiri melalui peruntukan yang diluluskan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai cadangan Ahli Yang Berhormat daripada ...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Lipis bangun.

**Tuan Amihamzah bin Ahmad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan banyak tahniah kepada Kementerian Pembangunan Luar Bandar di atas prestasi yang baik dalam melaksanakan jalan luar bandar pada tahun lepas. Walau bagaimanapun pada tahun lepas juga saya telah ditemuduga oleh TV berhubung dengan sebuah kampung bernama Kampung Binjai di Kuala Lipis iaitu kira-kira 4 batu daripada Kuala Lipis yang mana kampung ini dihubungi oleh sebuah jambatan ke bandar Lipis. Tapi oleh kerana jambatan itu tidak begitu baik, dijangka akan roboh bila-bila masa tapi kerana kos pembangunan jambatan itu menelan belanja berpuluh-puluh juta, saya telah memaklumkan bahawa kita tidak bercadang untuk membangunkan sebuah jambatan tetapi untuk membina sebuah jalan daripada kampung tersebut ke Kuala Lipis dan melalui sebuah jambatan di Pekan Lipis. Dan dengan itu satu peruntukan telah diluluskan di bawah konsep payung.

Walaupun bagaimanapun pada masa ini, jalan itu masih belum lagi dibina tapi dalam minggu yang lepas, jambatan yang telah digunakan itu telah roboh dan sekarang penduduk-penduduk kampung tidak dapat lagi menggunakan jambatan dan juga jalan itu. Saya telah menghubungi pegawai daerah dan telah dimaklumkan bahawa jalan itu akan dibina pada tahun depan sedangkan penduduk pada masa sekarang tidak boleh menyeberangi sungai untuk berhubung dengan bandar Lipis. Sehubungan dengan itu, di harap jalan di bawah konsep payung daripada Kampung Binjai itu dapat dilaksanakan pada tahun ini juga. Terima kasih.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]  
*mempengerusikan Mesyuarat*]

**Dato' Haji Annuar bin Haji Musa:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ucapkan tahniah kepada Ahli Yang Berhormat daripada Lipis kerana prihatin dan 'cakna' kepada orang kampung. Saya baru sahaja membuat pengumuman bahawa kadang kala terdapat insiden di kampung yang barang kali orang kampung berpendapat mereka perlu diberi perhatian yang khusus dan saya telah mengumumkan bahawa Kementerian Pebangunan Luar Bandar memulakan kaedah pengurusan terbuka di mana orang kampung dan wakil rakyat boleh berhubung direct dengan saya kalau ada kes-kes yang spesifik seperti ini.

Seperti mana Yang Berhormat maklum, Pahang adalah negeri yang menerima peruntukan luar bandar yang terbesar bagi negeri-negeri di Semenanjung dan dalam Pahang itu pula Lipislah yang banyak sekali terima peruntukan luar bandar. Pun begitu kalau masalah seperti Yang Berhormat sebutkan tadi, saya minta Yang Berhormat kemukakan butir-butir lanjut kepada saya selepas ini dan kita barang kali boleh berikan pertimbangan yang khusus agar jalan itu dibina secara emergency, secara sertamerta memandangkan masalah pengundi-pengundi Yang Berhormat terutama di situ Barisan Nasionalnya cukup baik, semua orang pangkah Barisan belaka. *[Disampuk]* Kubang Kerian kurang sedikitlah di situ. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, mengenai cadangan Ahli Yang Berhormat dari Batang Lupar, yang telah mencadangkan supaya dibuat kajian ke atas sistem bekalan elektrik alternatif serta penggunaan sumber air di bawah tanah. Saya hendak menjelaskan di sini bahawa kedua-dua kaedah ini kita perkenalkan kerana lambatnya proses penyediaan bekalan elektrik menggunakan sistem grid yang biasa dan banyaknya kampung terutamanya di Sabah dan Sarawak yang kedudukannya terlalu terpencil. Oleh sebab itu kementerian mengambil inisiatif agar liputan bekalan air dan elektrik ini dapat dipercepatkan, maka kaedah-kaedah alternatif ini kita pergunakan.

Sememangnya kita telah pun menjalankan kajian yang agak terperinci dalam tahun 1995 dan hasil daripada kajian tersebut, kementerian telah melaksanakan 52 projek iaitu 26 projek menggunakan tenaga solar, 24 menggunakan sistem generator set dan 2 projek menggunakan apa yang kita istilahkan sebagai sistem hybrid micro hydro ataupun sistem hidro mini yang direka cipta khusus mengikut kesesuaian tempat yang dimaksudkan. Berdasarkan kepada prestasi sistem alternatif yang telah dilaksanakan, kementerian bercadang untuk memperluaskan perlaksanaan kepada lebih banyak lagi kampung-kampung yang terpencil terutama sekali di Sabah dan Sarawak. Pelaksanaan sistem janakuasa di kawasan luar bandar dan hybrid micro hydro ini ditangguhkan sementara kerana terdapat masalah-masalah tertentu daripada projek yang telah dilaksanakan tetapi kita telah buat kajian selanjutnya. Dan memperbaiki lagi sistem yang sedia ada.

Mengenai kajian penggunaan sumber air di bawah tanah, Kementerian Pebangunan Luar Bandar telah meluluskan sebanyak 52 projek telaga tiub di 31 buah kampung di Sarawak dengan anggaran kos kira-kira RM1.3 juta pada tahun lalu. Dan ini hanyalah sebagai percubaan dan kementerian sedang menilai keberkesanannya dan sekiranya kita berpuas hati, ianya akan diperluaskan.

Ahli Yang Berhormat daripada Kuala Nerus telah membangkitkan isu bekalan elektrik di kawasan Tasik Kenyir, khususnya di kawasan Sungai Ikan yang masih belum menerima bekalan elektrik dan dikaitkan dengan masalah perjanjian pembiayaan antara Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Persekutuan. Berhubung perkara ini, kementerian akan meminta Tenaga Nasional Berhad membuat kajian dan menyediakan anggaran kos penyambungan talian grid ke kawasan tersebut untuk pertimbangan sertamerta oleh kementerian. Mulai tahun 1998 pembiayaan bagi semua program bekalan elektrik luar

bandar di Semenanjung Malaysia adalah dibiayai melalui akaun amanah yang dananya disumbangkan oleh penjana tenaga bebas atau IPP.

Mengenai pertanyaan Ahli Yang Berhormat daripada Selangau yang ingin mengetahui berapakah jumlah atau berapa peratuskah bekalan elektrik dan jalan kampung negeri Sarawak yang telah dilaksanakan setakat ini? Untuk maklum, liputan bekalan elektrik bagi negeri Sarawak dianggarkan pada tahap 72% manakala peratusan liputan bagi program jalan kampung pula akan ditentukan kemudian kerana kita memerlukan maklumat lanjut daripada Kerajaan Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kapar telah membangkitkan isu mengenai pembangunan masyarakat ladang di kawasan pedalaman yang kebanyakannya mengalami masalah ketiadaan bekalan air dan elektrik. Dalam Rancangan Malaysia Ketujuh, kerajaan telah memperuntukkan RM10 juta khusus untuk bekalan elektrik di kawasan-kawasan ladang tetapi malangnya daripada jumlah tersebut, setakat ini hanya RM27,526 sahaja dibelanjakan. Ini adalah kerana kebanyakan ladang telah menyediakan bekalan elektrik sendiri dan terdapat juga pihak pengurusan ladang yang enggan menyumbang satu pertiga daripada kos projek seperti yang disyaratkan dalam kaedah pelaksanaan bekalan elektrik di kawasan-kawasan ladang. Kita akan berusaha terus untuk menyakinkan pemilik-pemilik ladang agar mereka memberikan perhatian yang sewajarnya kerana kerajaan bersedia untuk menyumbangkan sejumlah wang bagi memastikan kawasan tersebut mempunyai bekalan elektrik dan bekalan air yang sempurna, sama dengan kawasan-kawasan yang lain.

Ahli Yang Berhormat dari Baram telah membangkitkan mengenai bekalan elektrik dan air yang tidak sempurna di kawasan Baram dan memohon pembinaan jalan luar bandar dari Miri menerusi Baram ke Limbang, Lawas dan terus ke Kota Kinabalu. Kementerian sangat memahami akan keperluan tersebut tetapi sukalah saya memaklumkan khususnya bagi jalan luar bandar yang dimaksudkan ianya tidak termasuk dalam skop jalan luar bandar. Sementara bagi bekalan elektrik, langkah-langkah sedang diambil oleh kementerian saya.

Ahli Yang Berhormat daripada Batang Lupar, Pasir Mas, Jelebu dan Batang Sadong telah membangkitkan isu mengenai kaedah pelaksanaan projek jalan kampung secara konsep payung dan meminta kaedah ini dikaji semula memandangkan terdapat beberapa masalah mengenai pelaksanaannya. Dalam hal ini sukalah saya memaklumkan bahawa pelaksanaan projek jalan kampung secara konsep payung diputuskan oleh Majlis Pembangunan Negara berdasarkan kepada pemerhatian bahawa kualiti jalan-jalan kampung yang dibina adalah tidak begitu sempurna dan usaha untuk meningkatkan keberkesannya perlu dilaksanakan. Di bawah kaedah ini, proses mengenal pasti projek masih lagi menggunakan saluran biasa berdasarkan kepada permohonan penduduk yang disampaikan kepada pejabat-pejabat daerah. Namun saya telah mengambil langkah-langkah tambahan dengan meminta dari masa ke semasa agar Ahli-ahli Yang Berhormat menentukan keutamaan bagi memudahkan penyenaiaan dan penentuan keutamaan termasuklah untuk tahun ini, saya baru sahaja mengedarkan surat kepada Ahli-ahli Yang Berhormat daripada kawasan luar bandar agar Yang Berhormat semua dapat menghantar kepada saya senarai permohonan sebelum 21 haribulan November, agar saya dapat memberikan perhatian yang sewajarnya atas projek-projek yang perlu diutamakan mengikut permohonan ahli-ahli Yang Berhormat.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar :** *[Bangun]*

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood :** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ada dua orang yang bangun, hendak bagi siapa, Batang Lupar.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Minta penjelasan.

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Saya sampai sekarang belum lagi terima surat ....

**Timbalan Yang di Pertua (Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Batang Lupar. Yang Berhormat Tumpat, sabar.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar :** Saya juga mengucapkan berbanyak terima kasih kerana saya tahu kenapa pelaksanaan pembinaan jalan kampung dibina secara konsep payung dan masalah yang berlaku kepada konsep payung bukanlah kesalahan kementerian. Jadi teguran saya ialah ingin melihat wang yang dibelanjakan oleh kerajaan sampai kepada masyarakat sasaran, iaitu masyarakat luar bandar. Jadi saya masih menyokong dengan syarat sistemnya betul oleh kerana apa yang berlaku di Sarawak, ialah agihan sumber kewangan diberi keputusan oleh pihak DO menerusi Majlis Tindakan Bahagian pada tahun 1997 dan 1998 dan konsultant dilantik pada 1998 hendak "fit in" dia punya jalan menerusi peruntukan yang telah diagihkan umpamanya kalau jalan RM30,000 kawasan saya kawasan Kampung Sampat dan Tongkah Iban iaitu sejauh 3.5 kilometer, ini memang tidak wajar dan tidak munasabahlah boleh dibuat. Jadi, pandangan saya ialah begini kalau sistem payung ini masih diteruskan iaitu kita kenal pasti jalan, lepas itu lantik konsultant untuk menilai berapa harga jalan hendak dibina, selepas kajian konsultant baru kementerian mengagihkan kewangan, dengan cara demikian baru jalan itu boleh dibina mengikut keperluan kementerian dan mendapat kemudahan kepada masyarakat sasaran.

Jadi persoalannya, Dato' saya baru terima surat ini dan saya ucapkan terima kasih, jadi saya hendak pergi ke kawasan, tetapi kawasan saya, Dato' macam mana saya sebut, masa ini bulan Oktober sampai bulan Februari, masa "landas", saya tidak sebut La Nina, saya tak percaya benda itu. Jadi masa landas ini menerusi laut tidak boleh, menerusi jalan darat, dua kampung sahaja yang boleh pergi dengan jalan darat, iaitu Pusa sejauh 392 kilometer, jadi kemungkinan saya mendapat laporan balik kepada Dato' pada 21 November itu mungkin ada masalah sedikit, masa Parlimen bersidang, bolehkah maklum balas ini dilambatkan sedikit supaya semua Ahli Parlimen dapat memberi maklum balas kepada Dato', ini terlalu cepat, kalau dapat diberi sebulan. Itu perkara yang pertama.

Kedua, saya harap Dato' melihat lagi semula soal konsep payung ini kalau diteruskan supaya orang kampung terlibat sama secara gotong-royong dan dikhaskan kepada perkara-perkara yang lebih RM100,000 sahaja di bawah konsep payung dan yang di bawah RM100,000 cara gotong-royong dan orang kampung yang melaksanakan. Terima kasih.

**Dato' Haji Annuar bin Haji Musa:** Terima kasihlah atas pemerhatian Yang Berhormat, saya ambil kira. Cuma saya hendak jelaskan di sini, sekarang ini saya nampak payah dah orang kampung hendak gotong-royong Tuan Yang di-Pertua, tak siap kalau saya beri orang kampung gotong-royongkan jalan ini. Kecuali kalau yang kecil-kecil itu, kita terpaksa minta supaya dibuat oleh kontraktor mengikut cara-cara biasa tetapi tentang kaedah pemilihan dan sebagainya saya boleh ambil perhatian. Cuma saya hendak sebut tentang surat saya itu sebenarnya peringatan sahaja. Sebenarnya Yang Berhormat patut minta sendiri sebelum akhir tahun ini supaya bila kita hantar peruntukan ke negeri, kita akan mengambil kira pemerhatian daripada Yang Berhormat. Jadi kalau boleh dapat disampaikan kepada saya sebelum akhir bulan ini, rancangan saya ialah dalam bulan Disember saya dah tentukan semua jalan yang hendak dibuat supaya tidak lagi jadi macam biasa, bulan Oktober, bulan November, baru hendak datang senarai, apabila sampai hujung tahun, banjir dan sebagainya jadi tergendala banyak, jadi tahun ini saya kira bulan Disember, saya hendak tentukan dan saya akan buat keputusan, bulan Januari kita dah hantar ke negeri, bulan Februari, bulan Mac, pembinaan sudah boleh

dimulakan dan saya fikir itu adalah lebih baik. Tetapi kalau Yang Berhormat ada masalah tertentu terpaksa lambat juga, kita timbanglah mengikut keadaan.

**Timbalan Yang di Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, ada empat ahli yang bangun. Saya tak boleh beri, Yang Berhormat beritahu yang mana satu

**Dato' Haji Annuar bin Haji Musa:** Tumpat sebab dia tak pernah bangun, saya nampak jarang-jarang ada di Parlimen, beri peluang kepada dia.

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Terima kasih. Apakah surat yang dikirim itu kepada semua Ahli Dewan ini, sekiranya tidak, kenapa?, Sekiranya tidak, ini ertinya Yang Berhormat telah melakukan satu diskriminasi, sedangkan wang yang telah diperuntukkan ini adalah wang kepunyaan rakyat cuma diamanahkan kepada Yang Berhormat.

**Dato Haji Annuar bin Haji Musa:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman, saya hantar surat kepada wakil rakyat yang selama ini prihatin, selalu telefon saya, selalu tanya saya masalah orang kampung, Yang Berhormat dari Tumpat setakat yang saya ingat tidak pernah berhubung dengan saya mengenai masalah orang kampung, [Tepuk] jadi saya dok ingat mungkin takut ini masalah pembangunan tidak mustahak dia fikir, akhirat sahaja yang penting. Jadi kalau tidak sampai kerana, setakat ingatan sayalah, Yang Berhormat tidak pernah bercakap dengan saya tentang masalah orang kampung jadi saya pun mungkin tak teringat Yang Berhormat juga minat. Tetapi kalau Yang Berhormat ada minat boleh, boleh hantar juga tidak ada masalah.

**Timbalan Yang di Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ada tiga yang bangun.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. Pertamanya, ada dua benda Yang Berhormat, saya hendak ucap terima kasih Yang Berhormat prihatin pasal projek-projek luar bandar ini. Walaupun pihak PAS kita beri apa pun tak cukup, tak pernah bersyukur. Syukurlah sama nikmat yang tuhan bagi, ustaz. Dok ustaz, ustaz, tetapi syukur tak erti, apa yang Yang Berhormat Arau tunjuk tangan macam itu. Kita kawan baik pun hendak bertengkar. Saya tak tahu, saya masuk lambat sedikit kerana masalah negara, saya jalankan tugas saya. Saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Menteri mengenai konsep payung ini, tak tahulah sama ada Yang Berhormat lain tanya atau tidak, tetapi saya minta Yang Berhormat kerana konsep payung ini akhirnya payung itu patut buka menolong orang, tetapi nampak dia tutup payung itu dia tojah orang, [ketawa] dia payung orang itu balik, jadi ini masalah konsep payung. Kalau payung itu silap digunakan dia melukakan orang itu.

Jadi saya hendak kementerian kerana konsep dahulu beri direct kepada kontraktor bermaknanya kontraktor kecil di luar bandar dapat manfaat dia boleh tumpang cari makan, jadi sekarang ini saya tengok dua tiga, bila kita bagi payung, bapa payung dia dapat duit, dia hendak bayar ke anak payung pun lambat. Kadang-kadang anak payung itu sampai berak darah, sungguh, saya tahu kawan-kawan banyak kata berulang minta duit, bukan main lambat hendak dapat bayaran, kerja bukan mereka buat, mereka sub bagi orang lain buat, jadi sub atas sub, payung atas payung, payung pula lagi, lama-lama lagi berlubang kawan ini. Jadi saya minta projek luar bandar kementerian urus, saya bersetuju melalui pejabat daerah kemudian di pejabat daerah dia ada kontraktor kelas F, kontraktor kecil-kecil di kampung ini mereka boleh tumpang cari makan. Dan kalau kita bagi, penyokong PAS pun dapat projek, saya hendak khabar pagi ini, sungguh, dalam kawasan Yan, hangit PAS pun dapat. Ini kena syukur nikmat. Kedua, saya minta kalau boleh kementerian tambah duit sedikit lagi untuk tadika-tadika, kadang-kadang tadika ini, Tuan Yang di-Pertua, saya takut alang bumbung timpa ke atas budak-budak. Alang rasuk-rasuk

bumbung, mereka tumpang rata. Jadi, mintalah fasal kita hendak besarkan anak warisan bangsa kita, saya minta kalau boleh pihak kementerian tolong sedikit, bagilah peruntukan yang sewajarnya.

Ketiga, akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, guru-guru agama di bawah Kemas ini, bagilah pendapatan mereka lumayan sedikit, kadang-kadang kain pun reput pakai untuk mengajar orang mengaji, kayuh gerak kain terkoyak, pendapatan kecil, jadi saya minta kalau boleh pihak kementerian tolonglah Yang Berhormat Menteri fahamkah saya cakap bahasa Kedah ini [Ketawa]. PAS tak pernah bela, tak pernah bela, UMNO yang bela, saya bangkit minta kenaikan gaji sedikit, had umur, saya minta kalau guru agama 60-70 tahun lagi arif, lagi cekap. Jangan macam PAS lagi tua lagi nyanyuk, kita tidak begitu. Terima kasih.

**Dato' Haji Annuar bin Haji Musa:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Dewan ini Yang Berhormat dari Yan baru sahaja datang dengan dua, tiga buah bas bawa semua orang kampung kerana hendak menyakinkan supaya kementerian lulus banyak projek sebab itu dia dapat banyak. Memang dia bagus mungkin PAS kalau hendak belajar boleh belajar dari Yang Berhormat daripada Yan. Sebab itu semua pandangan tadi saya ambil perhatian. Tentang tadika, untuk makluman seperti mana terdapat dalam Buku Belanjawan 1999 memang sudah ditambah, Menteri Kewangan telah tambah seratus peratus peruntukan Kemas daripada RM46 juta kepada RM90 juta lebih dan insya-Allah tahun depan lebih banyak kelas TBK akan dapat kita tambah.

Mengenai guru agama, sebenarnya baru naik gaji. Dulu skim Kemas tiada kenaikan gaji. Kita sudah sandarkan kepada skim SSB. Mereka sudah pun dapat kenaikan gaji. Jadi kalau hendak tambah lagi itu ambil elaun wakil rakyat Parlimen Yan.

Mengenai konsep payung tadi..izinkan saya Tuan Yang di-Pertua, untuk...

**Timbalan Yag di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, ada dua orang yang bangun Yang Berhormat

**Dato' Haji Annuar bin Haji Musa:** .....sebenarnya panjang ucapan saya ini sebab ramai yang sebut.....

**Seorang Ahli:** Apa konsep payung itu?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Saya minta kerjasama Yang Berhormat yang minta penjelasan jangan terlalu panjang. Kita ada beberapa kementerian yang perlu diselesaikan. Sila, Jelebu.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju supaya konsep payung ini dapat diteruskan. Cuma saya hendak tahu sama ada tahun depan ianya akan dilaksanakan ataupun tidak. Kalau dilaksanakan haruslah perkara ini dapat diteliti betul-betul. Konsep payung ini boleh kita laksanakan kerana terdapat juga kontraktor kelas F yang berdaftar dengan pejabat daerahtelah mendapat kerja, kecuali yang tidak daftar tidak dapatlah. Makanya yang berdaftar ini semuanya dapat, cuma apa yang saya hendak ingatkan pada kementerian ini ialah terdapat beberapa kesilapan yang dibuat oleh kontraktor pelaksana di bawah pengawasan konsultan yang berkenaan, di mana terdapat kadang-kadang jalan telah pun dikorek ke rumah si polan dan si polan tetapi akhirnya jalan itu tidak disiapkan ke rumah yang berkenaan, maka jalan itu tertinggal begitu sahaja. Jadi ini berlaku di kawasan Parlimen Jelebu dan saya mendapat satu rungutan dan ianya telah dipanjangkan kepada pihak kementerian untuk mendapat penjelasan. Kemungkinan pihak kontraktor atau orang ramai tidak jelas dengan dasar yang ditentukan mengenai skop kerja untuk mereka lakukan.

Satu perkara lagi Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri kerana Jelebu pada tahun ini mendapat RM1.5 juta untuk PJK ini.

Walaupun RM1.5 juta diberikan tetapi masih lagi ada jalan dan jambatan yang tidak dapat kita siapkan dan insya-Allah dengan senarai yang diperlukan ini Jelebu akan mengemukakan mungkin lebih daripada bilangan yang telah diluluskan, dan saya pohonlah supaya Dato' Menteri akan mempertimbangkan kerana permohonan ini masih diperlukan oleh orang ramai. Terima kasih.

**Dato' Haji Annuar bin Haji Musa:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membuat penegasan bahawa setakat ini kerajaan telah membuat ketetapan bahawa konsep payung ini tidak akan diteruskan pada tahun hadapan. Tinggal lagi kita mendapat feedback kerana konsep payung ini sebenarnya sedang berjalan dan belum pun lagi selesai. Tetapi ada beberapa perkara yang dilihat positif tentang pelaksanaan konsep payung ini termasuklah antara lain kita dapati kerja-kerja pembinaan sebenar jalan kampung adalah lebih cepat daripada cara yang lama walaupun proses rundingan awal itu memakan masa sedikit.

Keduanya kita dapati mutu jalan yang dibina pada tahun ini adalah lebih baik daripada tahun yang lalu sewaktu kita menggunakan cara biasa.

Yang ketiga kita dapati pada kali ini lebih banyak kontraktor dapat mengambil bahagian dalam pembinaan projek jalan-jalan kampung. Misalnya pada tahun ini tidak kurang daripada 1,200 kontraktor kelas F telah terlibat dalam pembinaan 1,560 batang jalan. Ini bermakna pengagihan yang lebih luas berbanding dengan cara lama hanya 400 kontraktor kecil sahaja yang terlibat tetapi di bawah cara baru ini lebih dari 1,200 kontraktor terlibat. Ini antara perkara yang dilihat secara positif dan begitu juga sistem pemantauannya dapat dibuat oleh kementerian secara langsung. Kalau dulu kita hanya hantar kepada DO dan kita tidak buat pemantauan, tetapi sistem baru ini ada pemantauan dan juga sistem yang baru ini memungkinkan konsultant menyemak lagi sekali kerja-kerja yang dijalankan. Jadi oleh kerana ada perkara-perkara yang dilihat sebagai positif dan baik maka kita akan membuat satu kajian dan perakuan. tetapi setakat ini untuk tahun hadapan, sistem ini tidak diteruskan kecuali kajian yang kita jalankan apabila semua projek tahun ini selesai dapat meyakinkan kerajaan yang ianya lebih baik kepada pengguna, kepada kerajaan juga kepada kontraktor-kontraktor sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Jerlun telah mencadangkan supaya jalan kampung dan jalan luar bandar dibina dengan lebih besar dan lebih selesa untuk kegunaan orang ramai. Sukalah saya menjelaskan di sini kementerian telah pun memperkenalkan piawaian baru dan membenarkan jalan-jalan kampung dibina sehingga tahap lebarnya mencapai 14 kaki berbanding dulu hanya pada kelebaran kira-kira 8 kaki sahaja dan kita juga membenarkan jalan luar bandar di kawasan tertentu dibina agar ianya berupaya menampung bebanan yang beratnya mencapai tahap 5 tan daripada biasanya 2 tan sahaja.

Saya juga hendak menjelaskan di sini tentang cadangan agar kawasan MADA dibenarkan juga pembinaan jalan-jalan kampung di kawasan MADA. Jemaah Menteri telah pun bersetuju agar KEDA dipertanggungjawabkan untuk membina jalan-jalan di seluruh negeri Kedah termasuklah kawasan MADA juga di mana kawasan memerlukan jalan dibolehkan dibina jalan-jalan kampung di kawasan-kawasan tersebut.

Ahli Yang Berhormat dari Machang membangkitkan projek jalan kampung di Kelantan, saya hendak sebut secara ringkas sahaja di sini, negeri Kelantan adalah antara negeri yang menerima peruntukan paling banyak dalam pembinaan jalan kampung, walaupun Yang Berhormat daripada PAS tidak pernah memohonnya tetapi oleh kerana wakil rakyat Barisan Nasional di sana telah membuat permohonan kita telah luluskan peruntukan yang agak besar khususnya 34 projek bagi Parlimen Machang telah kita luluskan, 15 projek telah siap, 11 dalam pelaksanaan dan saya mengakui memang terdapat lapan projek yang tidak dapat dilaksanakan kerana timbul masalah keizinan tuan tanah.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Tenom telah mencadangkan supaya dapat diwujudkan satu badan kawal selia ke atas projek-projek pembangunan luar bandar seperti mana yang saya telah jelaskan tadi. Satu jawatankuasa pemantauan telah pun dibentuk selain daripada jawatankuasa bersama Kerajaan Pusat dan kerajaan negeri melalui ahli-ahli Exco luar bandar mengadakan mesyuarat setiap tiga bulan sekali.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Yan telah mengesyorkan supaya skim asal PPRT iaitu memberi bantuan langsung dan terus diperkenalkan semula menggantikan sistem berkelompok PPRT yang didapati tidak sesuai. Sukalah saya menyebutkan dengan ringkasnya di sini bahawa pengalaman kementerian dalam memberikan projek-projek kepada individu tidak menunjukkan kejayaan seperti mana yang dikehendaki. Banyak sekali peruntukan telah disalahgunakan dan kebanyakan projek tidak mempunyai daya kemampunan malah selepas tempoh tertentu itu ianya diberikan projek-projek itu ditinggalkan begitu sahaja. Oleh yang demikian, kita menggalakkan projek dilaksanakan pada skala komersial yang lebih besar secara berkelompok agar projek ini dapat memberikan pendapatan yang secukupnya bagi para peserta dan mereka haruslah dibawa keluar daripada garis termiskin yang telah kita tetapkan.

Mengenai cadangan Yang Berhormat dari Sri Gading supaya peruntukan untuk program pembasmian kemiskinan dapat disampaikan kepada kumpulan sasaran dan tidak diselewengkan.

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Dato'. Saya difahamkan di Kelantan Yang Berhormat telah bersetuju untuk penubuhan Jawatankuasa Bersama PPRT. Apa yang ingin saya tahu di sini sejauh manakah kemajuan Jawatankuasa Bersama yang telah pun ditubuhkan sehingga sekarang ini dan apakah jawatankuasa itu akan dikekalkan menjelang pilihan raya yang akan datang? Terima kasih.

**Dato' Haji Annuar bin Haji Musa:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Dewan ini atas rasa tanggungjawab saya sebagai Menteri yang bertanggungjawab tentang pembasmian kemiskinan dan menginsafi negeri Kelantan adalah negeri yang mempunyai jumlah rakyat miskin yang paling ramai, maka saya telah menegaskan bahawa adalah menjadi dasar Kerajaan Pusat matlamat pembasmian kemiskinan ini harus dilaksanakan tanpa mengira soal fahaman politik.

Oleh sebab itu walaupun kita sering diserang dan dikritik dan kadang kala disindir oleh pihak pemimpin politik di Kelantan, tetapi kita telah mengetepikan sentimen itu dan saya membuat keputusan agar Jawatankuasa Bersama ini dibentuk supaya pihak Kerajaan Negeri Kelantan patutlah memberi kerjasana yang lebih positif. Antara semua kerajaan negeri di Semenanjung, Kerajaan Negeri Kelantanlah yang paling kurang sekali memberikan perhatian terhadap masalah rakyat termiskin, sedangkan jumlah rakyat termiskin di Kelantan adalah paling ramai dan ini menjadikan satu masalah kepada saya untuk memastikan jumlah rakyat termiskin di Kelantan dikurangkan pada satu tahap yang memuaskan.

Tetapi malangnya apabila jawatankuasa ini telah dibentuk, jawatankuasa ini telah di'politicize'kan di mana senarai-senarai cuba dipinda dengan mengutip nama-nama daripada penghulu-penghulu lantikan parti politik dan ini telah menimbulkan satu masalah, walaupun demikian saya masih mengekalkan jawatankuasa itu. Jadi saya minta Yang Berhormat dapat menasihatkan kepada kepimpinan Kerajaan Negeri Kelantan supaya jangan 'politicize'kan projek-projek yang seperti ini. Bagi Kerajaan Barisan Nasional, rakyat yang miskin tetap kita bantu, dan Kelantan yang tidak berada di bawah kerajaan yang sama dengan Kerajaan Pusat masih menerima jumlah peruntukan PPRT yang paling banyak, malah dua projek pilot, program secara berkelompok seperti saya

jelaskan tadi adalah di Kelantan. Satu di Kuala Krai, menelan belanja RM10 juta, satu di Gading Galoh, Machang, menelan belanja RM4 juta, yang tidak ada di negeri lain.

Ini terpaksa kita buat di tanah-tanah milik agensi Kerajaan Persekutuan kerana kerajaan negeri sehingga kini masih lagi belum memberikan sebarang tanah untuk menjayakan projek PPRT termasuk yang telah dipersetujui oleh Jawatankuasa Bersama yang saya pengerusikan dengan Timbalan Menteri Besar Kelantan untuk diberikan tanah di Lojing, agar kita dapat buat program secara lebih besar yang keuntungannya dapat kita berikan kepada rakyat miskin Kelantan. Yang itu juga kita diminta buat permohonan pada kerajaan negeri dan saya telah membuat permohonan itu kepada kerajaan negeri kerana diminta oleh ahli Exco negeri Kelantan tetapi bila permohonan kita diangkat, permohonan itu telah ditolak dan tidak diluluskan.

Pada saya adalah tidak manis kita bersandiwara seperti ini. Oleh kerana saya telah memberanikan diri mengetepikan sentimen politik mewujudkan Jawatankuasa Bersama ini, maka keputusan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Bersama ini sepatutnya dihormati. Saya berterus terang di Dewan yang mulia ini, saya meragui sejauh mana keikhlasan pucuk pimpinan kerajaan negeri dalam hendak bekerjasama menyelesaikan masalah rakyat miskin, tetapi kalau ada perubahan sikap kita boleh meningkatkan lagi kerjasama ini.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Minta penjelasan. Yang Berhormat Dato' tadi sebut tentang bantuan PPRT. Saya bersetuju kadang-kadang ada penyelewengan dari segi pemberian bantuan PPRT ini. Tetapi saya juga bersetuju dengan cadangan kementerian iaitu mengadakan projek kelompok. Di samping itu bolehkah kita adakan projek bantuan terus, contohnya kalau seorang itu seorang nelayan yang miskin, kita mungkin adakan satu bot besar yang mereka pakat-pakat pergi menangkap ikan ataupun kalau mereka tidak boleh berpakat, kadang-kadang orang miskin ini mereka bukan reti berpakat. Jadi macam nelayan yang susah ini kita beri enjin, kita bagi perahu dan sebagainya, dia pergi cari makan macam itu sahaja.

Jadi kalau Yang Berhormat hendak buat satu projek besar, macam perusahaan yang sederhana besar dalam satu kawasan, kita hendak panggil orang miskin duduk sekali hendak berpakat, kadang-kadang susah, kerana pemikiran mereka tak sampai ke tahap pemikiran kita. Mereka kira tengah hari hendak makan apa, malam nanti hendak makan apa, esok, anak hendak pergi sekolah, mereka hendak cari duit sahaja. Jadi kadang-kadang kita bagi bot dia pergi tangkap ikan kemudian dia balik, yang itu dia hidup. Yang kita hendak harap ini, anak dia, boleh masuk universiti, belajar pandai, dia boleh ubah corak tetapi hak tua ini tak berupaya dah, macam PAS, otak mereka sudah 'jam', kata macam mana tak berupaya dah. Sebab itu tadi macam Dato' kata, hendak bagi duit sampai nak bantu orang miskin pun mereka tidak mahu.

Saya hendak mencadangkan Dewan yang mulia ini, kalau Kelantan tidak boleh kerjasama, saya minta peruntukan itu pindah ke negeri Kedah dan negeri-negeri lain. Ini sampai hendak suap dalam mulut pun tak mahu, apa puanya benak. Jadi saya harap kalau boleh pihak kementerian, ni ada wakil rakyat, Arau tak apalah, Yang Amat Berhormat Shahidan yang jaga, dia naik, basuh kaki duduk 'syok' dah, bukan ada susah apa di Perlis, negeri kecil tetapi Kelantan ini, tengok, Menteri nak bantu pun tak mahu kerjasama. Itu pun datang ke Dewan masih loyar buruk lagi.

Jadi saya harap Dato', kalau mereka tidak mahu, sila, Yan ni masih banyak lagi hendak ditolong, negeri-negeri lain, daerah-daerah lain banyak lagi. Tidak usah pujuk mereka ini. Biar nanti bila pilihan raya, mereka kalah, kita ambil alih, kita bubuh jalan tar di merata kampung. Dah mereka tidak mahu sekarang ini. Kemudian yang akhirnya

saya minta hak tu - nanti Dato', tolonglah bantu PPRT ini. Kadang-kadang mereka ini dahulu sekolah tidak tinggi, belajar tidak pandai, kemudian mereka miskin, kalau kita pergi buat hendak suruh orang miskin duduk satu tempat berpakat ini, susah, pasal otak mereka tidak boleh pergi. Jadi saya harap tidak apalah yang projek besar - projek besar, tetapi yang projek kecil ini, bagi. Kemudian di Kedah, kalau kita bagi kat dia mesin serak racun dia boleh cari makan sehari RM15-RM20, dia ambil upah meracun sawah, boleh dia hidup tetapi kalau kita suruh pakat, dia tidak tahu hendak pakat, jadi adakah pihak kementerian boleh memberi pemikiran tentang hal ini. Terima kasih.

**Dato' Haji Annuar bin Haji Musa:** Terima kasih, cadangannya saya ambil perhatian. Sebenarnya masih boleh kalau ada pemohon individu tetapi kita ingin mengambil sikap lebih berhati-hati supaya bantuan yang diberi itu tidak disalahgunakan. Kalau mereka berkelompok, pada pengalaman kita seperti mana sistem Mikro Kredit yang kita berikan di bawah AIM secara berkelompok ternyata lebih berjaya, tetapi kalau ada dan mendapat sokongan pula, Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional yang ada patut dan boleh diberikan secara individu, kita masih boleh memberikan mengikut kelayakan mereka.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, ada yang bangun.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Terima kasih, sedikit ulasan saya mohon dari Dato' Menteri tentang projek kelompok dan jalan luar bandar tadi. Kita mengalu-alukan kenyataan Menteri untuk turut membantu, membela luar bandar. Saya hendak bertanya khusus kepada kelompok-kelompok Orang Asli, kadang-kadang kampung-kampung mereka berhampiran dengan kampung tradisi. Saya ingin bertanya, sama ada bila dirancang untuk mengadakan jalan kampung dan juga projek kelompok, boleh disatukan jalan itu disambungkan kepada kampung Orang Asli yang berhampiran kampung tradisi orang Melayu dan kalau ada projek kelompok, di perkampungan Orang Asli itu berhampiran dengan kampung orang Melayu, boleh disatukan bersama tidak perlu lagi mohon kepada Datin Paduka, Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat khusus pula untuk pembangunan Orang Asli. Ini khusus untuk pembangunan Orang Asli yang hampir dengan perkampungan orang Melayu yang tradisional.

**Dato' Haji Annuar bin Haji Musa:** Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, saya suka hendak memberi penjelasan bahawa perkampungan Orang Asli dan perkampungan biasa tidak kita bezakan dalam pembangunan, malah di kementerian saya kita menyediakan satu peruntukan yang khusus untuk disalurkan ke kampung-kampung Orang Asli dan cadangan seperti Yang Berhormat kemukakan itu memang digalakkan untuk dilaksanakan malah tiga, empat minggu yang lepas saya baru sahaja balik dari melawat beberapa kampung Orang Asli di Pahang dan di antaranya termasuklah kita bersetuju, misalnya beberapa kampung Orang Asli di Kuala Lipis itu disambung ke kampung tradisi yang sedia ada dan memang itu sedang dilaksanakan kecuali apabila kampung Orang Asli itu terlalu jauh ke pedalaman dan tidak ekonomik untuk dibina jalan-jalan. Jadi cadangan itu memang dalam pelaksanaan kita.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Bharu dan Batang Sadong ada membangkitkan tentang pembinaan rumah-rumah di bawah program PPRT. Saya hendak menjelaskan lagi secara ringkasnya bahawa pada tahun hadapan juga kita akan meneruskan komitmen membina rumah-rumah bagi golongan rakyat termiskin, seperti mana pada tahun ini sehingga Oktober 1998 sebanyak 108 buah telah siap dan 184 lagi dalam pelaksanaan, sementara 85 buah baru sahaja dimulakan pembinaannya. Sebahagian daripada pembinaan ini memang dilaksanakan secara berkelompok tetapi kalau sekiranya ada di kalangan Ahli-ahli Yang Berhormat mendapati pelaksanaan projek seperti ini yang kecil dan bertaburan di serata pelosok negara didapati ada yang berjalan tidak sempurna, saya sangat berbesar hati

kalau Yang Berhormat dapat memaklumkan kepada saya seberapa cepat agar kita dapat buat semakan. Kita tahu sebaik mana pun kita merancang kadangkala pelaksanaan itu memang ada kelemahannya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Machang.

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat tentang pelaksanaan PPRT ini. Memang pelaksanaan PPRT ini adalah satu program yang bagus, apa yang menjadi masalahnya ialah kelambatan. Ada sebahagian besar daripada pemohon-pemohon yang telah membuat permohonan dan disenaraikan hampir dua tahun menunggu tetapi kelulusannya sampai sekarang tidak diperolehi. Jadi bolehkah kementerian Yang Berhormat memikirkan satu cara bagaimana hendak memudahkan pelaksanaan ini. Saya difahamkan peruntukannya cukup kerana Amanah Ikhtiar satu hal, kemudian kementerian satu hal, jadi lambat proses itu dan kemudian kadang-kadang dalam pelaksanaannya penglibatan wakil rakyat misalannya kita tidak dirujuk dalam pelaksanaan mereka. Jadi walaupun program itu berkesan tetapi dari segi kesan jangka panjangnya ialah kepada kerajaan saya rasa agak tergugat sedikit. Bolehkah kementerian Yang Berhormat memikirkan satu cara bagaimana hendak mempercepatkan proses pelaksanaan supaya proses birokrasi yang dihadapi sekarang ini dapat dikurangkan, kerenah birokrasi.

**Dato' Haji Annuar bin Haji Musa:** Sekiranya persoalan Yang Berhormat itu merujuk kepada kes di Kelantan, saya telah jelaskan tadi bahawa kita ada masalah di Kelantan kerana kita tidak mendapat kerjasama yang dikehendaki daripada Kerajaan Negeri, jadi oleh kerana kita tidak boleh menunggu kerjasama Kerajaan Negeri secara berterusan, memang kita telah mengadakan satu kaedah yang khusus untuk Kelantan di mana empat buah agensi Kementerian Pembangunan Luar Bandar diminta menjadi lead agency, ini melibatkan FELCRA, RISDA, KEMAS dan KESEDAR. Kalau yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat tadi tentang pembinaan rumah, saya telah mengarahkan supaya satu kaedah diperkenalkan di mana dikenal pasti semua sekali yang memerlukan rumah kemudian dibahagikan kepada tiga tahun pelaksanaan, kemudian diberitahu awal-awal, orang ini giliran tahun 1998, kumpulan ini tahun 1999, kumpulan ini tahun 2000 kemudian pembinaan itu dilaksanakan secara peringkat-peringkat dalam tiga peringkat dengan cara demikian tidaklah timbul mereka yang tertunggu-tunggu terlalu lama tanpa mengetahui sama ada permohonan mereka dipertimbangkan atau tidak. Matlamat kita ialah 100% pemohon PPRT yang dipastikan memerlukan rumah akan diberikan rumah dengan syarat mereka mempunyai tapak untuk dibina rumah-rumah tersebut.

Yang Berhormat dari Pasir Mas ada membangkitkan tentang pelaksanaan PPRT dalam kaitannya yang pelaksanaan melibatkan AIM dan FELCRA sebagai lead agency, saya hendak jelaskan di sini bahawa FELCRA adalah lead agency bagi daerah Pasir Mas dan AIM adalah diminta untuk membuat satu semakan kerana saya mendapat aduan kononnya senarai PPRT di Kelantan ini banyak melibatkan mereka yang tidak layak kerana berdasarkan pilih kasih dan fahaman politik. Saya ingin memastikan senarai itu benar-benar bersih dan mereka yang benar-benar layak sahaja, maka saya telah meminta AIM membuat semakan balas dan AIM telah menyiapkan semakan ini dan sekarang ini senarai yang telah dibersihkan itu digunakan untuk pelaksanaan tanpa melibatkan AIM lagi. Dengan kata lain penglibatan AIM adalah sekadar untuk menyemak sahaja.

Bantuan makanan tambahan yang dibangkitkan....

**Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak meminta penjelasan dari Yang Berhormat Dato' Menteri iaitu mengenai dengan pemutihan yang dibuat oleh AIM di kawasan saya di Pasir Mas. Pada tahun ini sebanyak 70 buah rumah yang disenaraikan di bawah PPRT ini telah 'diputihkan'

oleh pihak AIM, ertinya AIM berpendapat 70 buah rumah ini adalah orang yang layak diberi bantuan PPRT tetapi apa yang berlaku dalam 70 itu sekali lagi disiasat dan dikaji oleh pihak FELCRA didapati hanya 14 buah rumah sahaja yang betul-betul layak. Jadi ertinya, saya rasa kalau AIM buat siasatan memakan masa tiga, empat bulan tetapi siasatannya itu tidak tepat, saya rasa lebih baik untuk hendak memendekkan lagi birokrasi ini kita serahkan sahaja setelah senarai itu dibawa oleh pihak wakil rakyat umpamanya, ataupun Pengawa, Penghulu Kampung terus kepada FELCRA ataupun kepada Ahli Jawatankuasa yang dibentuk di peringkat jajahan ini dan FELCRA terus buat siasatan tanpa AIM yang jelas daripada 70 hanya 14 sahaja yang didapati layak oleh FELCRA maka saya rasa AIM ini ada perkara yang tidak betul.

**Dato' Haji Annuar bin Haji Musa:** Saya ambil perhatian Yang Berhormat, tetapi saya tidak dapat nafikan bahawa memang terdapat kecacatan pada senarai dan dari masa ke semasa bila saya terima maklumat, saya terpaksa semak, misalnya yang menggerakkan saya supaya menyemak senarai di Kelantan kerana saya sendiri membuat semakan secara random, saya temui nama seorang penyelia kanan KEMAS terdapat dalam senarai itu dan saya tidak dapat bertolak ansur tentang bagaimana peruntukan ini kemungkinan diselewengkan kerana kita telah menetapkan sasaran mensifarkan golongan termiskin menjelang tahun 2000. Saya hendak pastikan setiap senarai peruntukan yang disediakan oleh kerajaan lebih-lebih lagi dalam keadaan kegawatan seperti sekarang hendaklah sampai kepada kumpulan sasar.

Demikian pun rayuan saya dari masa ke semasa agar tidak diselewengkan tetapi saya faham 'temptation'nya untuk memasukkan nama saudara-mara ini memang masih lagi ada. Jadi adalah menjadi tanggungjawab saya mesti semak juga dari masa ke semasa tetapi kalau sekiranya Yang Berhormat berpendapat setelah AIM buat semakan kemudian ada yang layak tetapi tercicir, saya telah pun mengumumkan konsep senarai terbuka, wakil rakyat boleh menghantarkan kepada saya nama yang mereka berpendapat layak tetapi tidak ada dalam senarai, kita akan masukkan ke dalam senarai dan mereka boleh menerima bantuan. Tetapi kita mesti meneruskan semakan secara berterusan bagi memastikan tidak ada orang mengambil kesempatan untuk mendapatkan rumah percuma ataupun bantuan percuma dan amatlah tidak baik kalau peruntukan dikhaskan untuk orang miskin tetapi diperolehi oleh orang yang sebenarnya tidak layak mendapat bantuan itu.

Tuan Yang di-Pertua, ada dakwaan daripada Ahli Yang Berhormat dari Bandau yang mengatakan terdapat unsur-unsur sentimen politik Barisan Nasional dan UMNO dalam pembahagian PPRT di Sabah termasuklah bantuan beras semasa berlaku kemarau di Kota Marudu. Saya berpendapat dakwaan ini adalah tidak benar, bantuan beras yang diberikan itu sebenarnya diberikan oleh pelbagai agensi dan berdasarkan kepada senarai yang telah disediakan oleh D.O. Walau bagaimanapun Ahli Yang Berhormat tidak ada di sini tidak payahlah saya memberikan penjelasan yang lebih lanjut.

Ahli Yang Berhormat dari Sepang telah meminta supaya skim pinjaman ibu tunggal tidak ditumpukan di kawasan bandar sahaja. Sukalah saya jelaskan skim pinjaman ibu tunggal sememangnya tidak ditumpukan di kawasan bandar tetapi juga di kedua-dua kawasan luar bandar dan bandar tetapi oleh kerana baru-baru ini kita mendapati ada perangkaan yang menunjukkan kemiskinan di bandar juga adalah agak serius maka kita mendahulukan masalah ibu tunggal yang tinggal di kawasan bandar di bawah peruntukan khas yang kita sediakan di bawah program pembasmian kemiskinan di kawasan bandar tetapi program ini boleh diperluaskan di kawasan-kawasan yang lain.

Menyentuh tentang industri makanan dan industri luar bandar yang disebut oleh Yang Berhormat dari Kangar dan telah mencadangkan supaya kementerian dapat memberikan bimbingan kepada pengusaha-pengusaha, saya ingin menyebut beberapa perkara dan tindakan baru telah kementerian lakukan.

- (i) Kementerian telah pun mengambil inisiatif untuk mewujudkan sebuah dewan pengusaha yang dipanggil Dewan Usahawan Industri Desa yang telah pun diluluskan oleh Pendaftar Pertubuhan yang akan memainkan peranan untuk menggalakkan pelbagai program kursus dan memajukan lagi penglibatan pengusaha industri luar bandar.
- (ii) Skim pinjaman mudah telah pun diperbaiki dan sekarang ini ianya dikendalikan dengan kerjasama Bank Pembangunan. Saya juga telah mempermudah peraturan-peraturan dan syarat di bawah skim tersebut termasuklah untuk membatalkan syarat kelulusan akademik minimum dan juga syarat bahawasanya pinjaman itu mestilah bagi mereka yang beroperasi di luar kawasan Majlis Daerah.

Kedua-dua syarat ini telah saya keluarkan agar ianya membuka ruang yang luas kepada mereka yang ingin meminjam dan saya ingin menyebutkan juga di sini bahawa peruntukan sebanyak RM6.8 juta yang diluluskan pada tahun 1998, hampir kesemuanya telah dapat dibelanjakan dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selaku Menteri Kewangan telah meluluskan peruntukan sebanyak 10 kali ganda untuk tahun hadapan, sebanyak RM68.6 juta. Peningkatan 10 kali ganda ini menunjukkan komitmen kerajaan kepada pengusaha-pengusaha industri luar bandar yang saya harap penduduk luar bandar dengan kerjasama wakil rakyat semua, akan mengambil kesempatan daripada kemudahan yang disediakan oleh kerajaan ini.

Akhir sekali, saya ingin menyebut pertanyaan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Senai mengenai bantuan kepada pekebun kecil RISDA yang menghadapi kehilangan mata pencarian apabila kebun mereka telah ditanam semula.

Untuk makluman, RISDA telah memberi bantuan kepada pekebun kecil bagi menanam semula bagi setiap hektar pada kadar antara RM4,201 hingga RM6,178 bagi tanaman getah. Antara RM3,459 hingga RM4,448 bagi tanaman-tanamam lain. Bantuan tanaman semula ini dibayar secara berperingkat-peringkat iaitu sebanyak empat hingga enam kali ansuran dalam tempoh antara 2½ hingga 4½ tahun bergantung kepada jenis tanaman yang ditanam semula. Kadar bantuan tersebut adalah termasuk kos bekalan input, termasuk benih dan baja serta kos buruh sekiranya pekebun kecil tidak menguruskan sendiri kebun mereka.

Dari masa ke semasa kita mengkaji kaedah-kaedah ini dan saya berpendapat setakat ini tidak terlalu banyak masalah, kerana sewaktu mereka kehilangan pendapatan mereka, sama ada mengerjakan ladang yang ditanam semula, mereka mendapat kos upah buruh, kalau mereka tidak bekerja di ladang mereka tentunya mereka mempunyai peluang pekerjaan yang lain.

Yang Berhormat dari Kuala Pilah membangkitkan masalah RISDA yang tiada peruntukan dan meminta supaya mencari sumber-sumber dalaman atau dikorporatkan. Sukalah saya memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini, satu kertas kajian pengkorporatan RISDA telah pun disiapkan dan akan diangkat kepada agensi pusat untuk kajian selanjutnya. Kerajaan bersedia untuk menimbangkan agar RISDA dicorporatiskan kerana kita berpendapat adalah tidak wajar bagi RISDA untuk terus bergantung kepada subsidi 100% daripada dana kerajaan sedangkan perusahaan tanaman getah adalah perusahaan komersial yang boleh membawa pulangan yang cukup dan membiayai segala program tanaman semula yang selama ini dikendalikan oleh RISDA.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana terlalu banyak soalan yang dibangkitkan, barangkali ada beberapa persoalan yang tidak dapat saya kemukakan di sini tetapi saya beri jaminan semuanya diberikan perhatian oleh kementerian. Saya ucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh perkara-perkara yang berkaitan dengan kementerian saya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Kementerian Luar Negeri.

**12.53 tgh.**

**Menteri Luar Negeri [Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi]:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian, yang telah menyentuh hal-hal yang berkaitan dengan Kementerian Luar Negeri semasa perbahasan Belanjawan dalam mesyuarat ini.

Saya telah dapati beberapa isu yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat, ada antara isu-isu itu telah pun diberi jawapannya dengan jelas semasa sesi Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawaban Lisan. Antaranya ialah; Pertama yang berkaitan dengan ASEAN dan Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kubang Kerian, dari Gelang Patah, dari Kepong telah pun menimbulkan perkara ini khususnya dalam konteks sama ada pandangan-pandangan yang telah dikemukakan oleh beberapa pemimpin ASEAN yang berkaitan dengan kes Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar itu menjejaskan kedudukan ASEAN.

Saya ingin memaklumkan bahawa kenyataan-kenyataan yang telah dibuat oleh pemimpin-pemimpin itu adalah kenyataan peribadi dan bukan melambangkan kedudukan rasmi bagi kerajaan-kerajaan yang mereka ketuai. Jadi dalam hal ini kedudukan ASEAN tidak terjejas dan hubungan kita dengan negara berkenaan pun tidak terjejas. Muafakat dalam ASEAN masih ....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yan bangun pula.

**Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi:** .....dalam tahap yang baik dan kita sudah membuat persediaan-persediaan bagi menghadapi dan menghadiri sidang Summit-ASEAN yang akan diadakan di penghujung bulan ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Hendak bagi jalankah Yang Berhormat? Yan bangun.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat menyatakan di ASEAN, pemimpin-pemimpinnya mengeluarkan kenyataan-kenyataan tentang isu negara kita terutama sekali isu Yang Berhormat dari Permatang Pauh. Saya ingin mendapat penjelasan Yang Berhormat, walaupun kadang-kadang isu itu dimainkan sebagai isu peribadi tetapi dia adalah seorang Presiden, Presiden sesebuah negara. Jadi begitu juga dengan penglibatan senator-senator yang datang ke negara kita kononnya untuk melihat keadilan undang-undang negara kita ini. Jadi adakah benda-benda macam ini seolah-olah nak jaga tepi kain orang. Jadi adakah kita ini senantiasa, kerajaan Malaysia ini senantiasa pujuk dia orang, semangat ASEAN! semangat ASEAN!. Tapi bila dia orang nak kata kat kita, kata, kemudian kita dalam mesyuarat, adakah dalam mesyuarat pihak kementerian tidak tegas kepada mereka kerana ini hak kita, undang-undang kita, cara kita mentadbirkan negara, supaya mereka sedar bahawa kita ada kedaulatan undang-undang, kita ada hak kita sebagai rakyat yang memilih negara ini negara demokrasi.

Di samping itu juga saya ingin minta penjelasan daripada kementerian sejauh mana pihak duta-duta kita memainkan peranan ini. Isu negara kita menghadapi satu masalah ini, duta kita buat apa? Saya difahamkan di setengah-setengah negara duta terlibat ni. Jadi adakah pihak menteri nak biarkan duta-duta ini dok buat kerja macam itu? Kita bagi gaji kat dia, bagi kereta, bagi jawatan yang baik, bagi purge yang cukup baik kepada mereka sepatutnya mereka memahami negara kita ini. Memahami dan memberi penjelasan kepada pembesar-pembesar negara di mana mereka berkhidmat, jangan tunggu kita pula nak beritahu. Bila berlaku sesuatu isu, sepatutnya mereka ini terlebih dahulu memaklumkan

kepada pembesar-pembesar negara tersebut, pemimpin-pemimpin negara mana mereka menjadi duta, menjelaskan kepada mereka supaya rakyat faham. Panggil student-student, sebagai duta, jelaskan kepada student, ini dia isu, jangan nak tunggu pula pemimpin-pemimpin kerajaan turun pi negari itu, himpun student, himpun rakyat Malaysia nak beri penjelasan.

Jadi duta ini kalau harap nak pergi duduk makan gaji, makan angin, kemudian pergi rasmi majlis tertentu saja, pi hantar Ahli-ahli Parlimen kita pi pun tak apa Yang Berhormat eh!. [Ketawa] dak sungguh ataupun bekas-bekas wakil rakyat ini. Saya nak mencadangkan kepada kerajaan kalau boleh duta-duta ini kita bagi kepada bekas pemimpin-pemimpin politik yang faham politik. Ni kita hantar minta maaf, pegawai kerajaan ada baik, ada yang tak baik. Nak kata mereka tak baik semua, mampus pula saya, depa tak kerjasama kita susah balik [Ketawa], kita wakil rakyat. Tapi ada duta-duta pi di negeri-negeri ini Yang Berhormat bukan buat kerja sangat. Nak tunggu hari Keputeraan Raja, negeri tertentu nak tunggu itu, nak tunggu majlis-majlis makan besar, kemudian akhir-akhirnya isu timbul, kadang-kadang duta ini pun terlibat sama, memburuk-burukkan kepimpinan negara kita.

Jadi apakah tindakan pihak kementerian. Terima kasih Yang Berhormat.

**Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi:** Tuan Yang di-Pertua, duta-duta kita memang telah pun diberi arahan dan diberi maklumat-maklumat yang secukupnya berkaitan dengan isu yang kita hadapi sekarang ini sama ada itu berkaitan isu kegawatan ekonomi dan langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk memulihkan ekonomi kita dan juga isu yang berkaitan dengan khususnya kes bekas Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Dan kita memang menggesa supaya mereka berjumpa dengan bukan sahaja dengan pemimpin-pemimpin kerajaan tetapi juga dengan pemimpin-pemimpin sektor swasta juga pemimpin-pemimpin NGO. Apabila kita ada laporan yang khas daripada mana-mana pihak berkaitan dengan mana-mana duta yang ada kompelin mengenainya, maka tindakan telah pun kita ambil dengan segera dan saya sendiri telah pun berjumpa dengan duta yang berkenaan. Ada dua orang duta yang berkaitan dengan perkara ini dan telah pun dinasihati supaya mereka menjalankan tugas mereka sebagaimana yang dikehendaki. Tapi sebenarnya bukanlah tindakan mereka itu berupa tidak setia ataupun berupa tindakan-tindakan yang sengaja ataupun yang mengutuk kerjaan, tidak, tetapi hanya yang berlaku disebabkan kesilapan dan kurang fahaman tentang sesuatu perkara.

Selain daripada itu, saya ingin menjelaskan dalam Dewan yang mulia ini bahawa duta-duta kita di luar negeri memang bekerja kuat dan telah menunjukkan kecekapan mereka. Kalaulah tidak kerana itu, bagaimanakah kita boleh mendapat sokongan yang begitu besar semasa kita menghadapi pemilihan untuk Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu. Daripada 176 negara yang mengambil bahagian dalam pengundian itu, kita dapat 174 undi. Ini adalah angka undi yang terbesar pernah didapati oleh mana-mana negara yang telah bertanding untuk mendapat kerusi Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu itu.

Ertinya walau apapun yang berlaku dalam hal yang berkaitan dengan negara kita sama ada kegawatan ekonomi dan cara kita menanganinya dan walaupun ia ada hubungkait dengan masalah politik sikit yang berkaitan dengan bekas Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri tetapi ini tidak menjejaskan hubungan, bahkan kita melihat hubungan mereka dengan kita itu dalam satu gambaran yang lebih luas - total picture, bukanlah kepada sudut-sudut tertentu yang ada masalah-masalah tertentu, ini tentulah kerana duta-duta kita telah pun bekerja bersungguh-sungguh untuk mendapat sokongan itu. Ini kita mengucapkan terima kasih kepada mereka. Dalam hal ini pun Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga telah pun membantu menghantar surat-surat kepada kerajaan-kerajaan berkenaan.

Berkaitan dengan Kosovo pula ....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat ....

**Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi:** ..... saya ingin katakan di sini bahawa kita terus simpati dengan perjuangan rakyat Kosovo itu.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, masa sudah cukup. Sila sambung semula petang nanti. Dewan ditangguhkan sekarang sehingga jam 2.30 petang.

*Mesyuarat dtempohkan pada jam 1.00 tengah hari.*

*Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.*

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Yang Berhormat Menteri Luar Negeri sila sambung.  
2.30 ptg.

**Menteri Luar Negeri [Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi]:** Kepada perbincangan mengenai hal-hal yang berkaitan dengan Kementerian Luar Negeri, saya cuma ada satu lagi perkara iaitu perkara yang telah ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mas iaitu yang berkaitan dengan Singapura. Ingin saya menyatakan di sini bahawa ada satu perkembangan yang terbaru berkaitan dengan hubungan dua hala di antara Malaysia dengan Singapura iaitu adanya pertemuan antara kedua-dua Perdana Menteri iaitu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita dan juga Perdana Menteri Goh Chok Tong, Singapura. Ini adalah dianggap sebagai satu-satunya pertemuan yang boleh membantu ke arah mengelokkan balik hubungan antara Singapura dan Malaysia yang pada sekian lama berada dalam tahap yang begitu rendah oleh sebab beberapa masalah. Pertemuan itu sudah pun mencapai beberapa persefahaman antara kedua-dua pemimpin khususnya dengan niat dan tujuan supaya hubungan dua hala Singapura dan Malaysia itu dapat dipulihkan dan dibawa kepada tahap yang lebih baik daripada yang ada sekarang ini.

Isu-isu yang berkaitan dengan sama ada yang berkaitan dengan air, berkaitan dengan Keretapi Tanah Melayu di Singapura dan isu tanah-tanah kereta api di sana pun juga telah dibincang dan kedua-dua Perdana Menteri telah mengarahkan bersetuju supaya pihak pegawai akan mengadakan perbincangan-perbincangan selanjutnya mengenai dengan perkara-perkara itu. Jadi umumnya persefahaman mereka itu boleh dianggap sebagai satu persefahaman yang boleh membawa kepada perkembangan-perkembangan dan juga boleh membawa kepada perbincangan-perbincangan dan dialog antara pemimpin-pemimpin dan juga pegawai-pegawai di antara dua buah negara dan dengan itu sekali gus akan dapat membantu ke arah pemulihan hubungan dua hala itu, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kementerian Belia dan Sukan.

2.32 ptg.

**Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Dato' Loke Yuen Yow]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada beberapa Ahli Yang Berhormat yang telah memberikan perhatian kepada Kementerian Belia dan Sukan dalam tempoh perbincangan Belanjawan 1999 dalam sesi Dewan Rakyat kali ini. Saya juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Sibu, Yang Berhormat dari Senai, Yang Berhormat dari Ledang yang memberi pujian di atas kejayaan Kuala Lumpur '98, Sukan Komanwel Ke-XVI baru-baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, Kejayaan Sukan Komanwel Ke-XVI adalah hasil kerja kuat dan kerjasama daripada semua pihak. Kerjasama yang erat antara pihak kerajaan dan

sektor swasta juga merupakan faktor utama ke arah kejayaan ini. Kita juga berterima kasih kepada seluruh rakyat Malaysia yang telah memberikan sokongan kepada kejayaan sukan ini. Tidak dapat dinafikan juga rasa kagum kita kepada pucuk pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga isteri yang telah menunjukkan minat yang amat mendalam sewaktu sukan berjalan. Kehadiran Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di gelanggang-gelanggang pertandingan telah menyemarakkan lagi semangat peserta-peserta kita untuk mencipta kecemerlangan.

Berasaskan kepada kejayaan Kuala Lumpur '98, Sukan Komanwel Ke-XVI, kita penuh yakin bahawa Malaysia mampu untuk menganjurkan sukan yang lebih besar seperti Sukan Olimpik dan Sukan Asia. Malah pada ketika ini satu jawatankuasa telah ditubuhkan di peringkat kementerian untuk urusan 'bidding' bagi Sukan Asia 2006 dan Sukan Olimpik 2008.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih juga diucapkan kepada Yang Berhormat dari Labuan di atas komen dan cadangan beliau terhadap Sukan Komanwel yang lalu. Sememangnya di peringkat kementerian sedang menyelaraskan program pengiktirafan kepada semua sukarelawan dan petugas-petugas lain yang terlibat semasa Sukan Komanwel Ke-XVI. Pengiktirafan berupa sijil penghargaan akan disampaikan kepada semua sukarelawan dan petugas-petugas yang terlibat. Untuk makluman Yang Berhormat juga bahawa satu Jamuan Perdana telah diadakan pada 3 Oktober 1998, jam 8.00 malam di Stadium Nasional sebagai tanda terima kasih dan kesyukuran di atas kejayaan Kuala Lumpur '98 kepada semua sukarelawan dan petugas-petugas yang terlibat.

Tugas penganjuran yang diberikan kepada Sukom Ninety Eight Berhad bukanlah bermakna pihak Kementerian Belia dan Sukan dan Majlis Sukan Negara (MSN) tidak berkemampuan untuk mengelolakan Sukan Komanwel Ke XVI. Dalam hal ini kita lebih melihat kepada kerjasama dan pengkhususan bidang masing-masing. Setiap pihak mempunyai peranan masing-masing yang lebih khusus dan kemudiannya akan gembeng secara bersama. Pihak kementerian telah dapat menjalankan tanggungjawab dalam hal ini dengan sokongan sepenuhnya daripada pihak Sukom Ninety Eight Berhad dan juga pihak-pihak lain yang sama-sama bertanggungjawab bagi menjayakan Kuala Lumpur '98. Segala urusan penganjuran Kuala Lumpur '98 diselesaikan dalam suasana kekeluargaan demi kejayaannya.

Tuan Yang di-Pertua, segala pengalaman dan pengetahuan akan dijadikan asas pertimbangan untuk menganjurkan acara-acara sukan yang lebih besar pada masa yang akan datang. Pihak Sukom Ninety Eight Berhad juga sudah menguruskan akaun syarikat bagi mengetahui keuntungan dan perbelanjaan yang terlibat.

Mengenai kebajikan sukarelawan sepanjang kejohanan, ini pihak Sukom Ninety Eight Berhad sedang mengumpulkan segala maklumat untuk diselesaikan.

Mengenai cadangan Yang Berhormat dari Ledang mengenai satu lagi sekolah sukan dibina sama ada di Pantai Timur ataupun Utara bagi melahirkan lebih ramai lagi atlet dan kedudukan sekolah sukan di Johor dan Sarawak, sukacita di maklumkan bahawa penubuhan dan pengurusan sekolah sukan di negara kita ini adalah di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia. Bagaimanapun, Kementerian Belia dan Sukan melalui Majlis Sukan Negara turut memberi khidmat nasihat dan kepakaran serta membantu dari segi pengambilan pelajar-pelajar. Pemilihan pelajar dibuat melalui proses saintifik, melalui program mengenal pasti bakat yang dijalankan di seluruh negara. Hanya pelajar-pelajar yang memenuhi syarat dan berkemahiran tinggi dalam bidang sukan yang ditawarkan memasuki salah sebuah sekolah sukan yang sedia ada iaitu Sekolah Sukan Bukit Jalil, Kuala Lumpur dan Sekolah Sukan Bandar Penawar, Kota Tinggi, Johor.

Sekolah Sukan Bandar Penawar telah dikenal pasti untuk mengendalikan latihan sebanyak 16 jenis sukan sesuai dengan kemudahan yang ada di sekolah tersebut. Kemudahan-kemudahan yang sedia ada ialah seperti berikut:

- (i) Padang ragbi
- (ii) Golf driving range
- (iii) Lapang sasaran memanah
- (iv) Padang bolasepak
- (v) Gelanggang tenis
- (vi) Gelanggang bola tampar
- (vii) Gelanggang badminton
- (viii) Gelanggang bola keranjang
- (ix) Gelanggang skuasy
- (x) Gelanggang sepak takraw
- (xi) Padang hoki
- (xii) Komplek kolam renang
- (xiii) Dewan Gimnastik
- (xiv) Balapan olahraga
- (xv) Gelanggang lawn bowls.

Setakat ini sekolah berkenaan mempunyai 140 orang pelajar kesemuanya yang terdiri daripada pelajar tingkatan satu dan tingkatan dua yang terlibat dalam lapan jenis sukan. Adalah dijangkakan bagi pengambilan pelajar tahun depan nanti, akan mempertimbangkan beberapa jenis sukan lagi. Jenis-jenis sukan yang dilatih sekarang ialah olahraga, renang, hoki, bola sepak, sepak takraw, Gimnastik dan Gimrama, tenis dan bowling. Pada tahun 1999 iaitu tahun depan, sekolah ini akan membuat pengambilan bagi lima jenis sukan lagi iaitu memanah, ragbi, perahu layar, skuasy dan menembak.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Belia dan Sukan memaklumkan bahawa memang ada cadangan untuk membina sebuah sekolah sukan di Sarawak tetapi keputusan mengenainya masih belum dibuat lagi. Demikian juga mengenai cadangan pembinaan sekolah sukan di Utara dan di Pantai Timur. Pada dasarnya pembinaan sekolah-sekolah sukan ini akan membantu melahirkan atlet-atlet muda yang berpotensi di masa depan. Jemaah Menteri telah pun mengarahkan supaya kerjasama di antara Kementerian Pendidikan Malaysia dan Majlis Sukan Negara dipertingkatkan lagi khususnya berhubung dengan sekolah-sekolah sukan ini.

Mengenai isu-isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Kuala Nerus, Kementerian Belia dan Sukan memang sedar tentang kelewatan proses kelulusan dan pengeluaran pinjaman dari pihak bank. Oleh yang demikian kementerian ini telah mengkaji semula pelaksanaan skim pinjaman ini dan sedang menyediakan kertas Kabinet bagi mencadangkan pelaksanaan skim pinjaman ini oleh Kementerian Belia dan Sukan tanpa penglibatan pihak bank bagi memastikan skim ini dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan.

Mengenai isu pertambahan 'outlet' Cyber Cafe, Kementerian Belia dan Sukan berpendapat pihak berkuasa tempatan boleh mengambil tindakan seperti penguatkuasaan bagi mengelakkan golongan belia daripada berpelesenan dan berkelakuan tidak senonoh sewaktu berada di premis-premis tersebut.

Berhubung dengan pandangan Yang Berhormat dari Arau, dimaklumkan bahawa Kementerian Belia dan Sukan memang telah membuat beberapa pendekatan baru di dalam melaksanakan Program Rakan Muda termasuk memberi tumpuan utama kepada kumpulan sasaran. Ia telah dilakukan dengan mengenal pasti di mana golongan belia boleh dihubungi dengan lebih berkesan. Kementerian Belia dan Sukan memang telah menyediakan garis panduan di dalam pelaksanaan Program Rakan Muda. Ini telah dilaksanakan melalui kod amalan Rakan Muda. Perkara-perkara seperti pergaulan, keselamatan dan pelaksanaan aktiviti yang seimbang di antara aktiviti jasmani dan rohani dititikberatkan di dalam pelaksanaan semua Program Rakan Muda. Kementerian Belia dan Sukan akan memastikan semua penganjur yang membawa Program Rakan Muda mematuhi kod etika yang telah disediakan oleh Kementerian Belia dan Sukan sebagai panduan pelaksanaan semua Program Rakan Muda.

Mengenai pertambahan program-program Rakan Muda di kawasan-kawasan kemajuan tanah, Kementerian Belia dan Sukan akan memberi tumpuan pelaksanaannya mulai tahun hadapan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Belia dan Sukan telah pun menggerakkan Program Rakan Muda di sektor industri, di sektor NGO, institusi pengajian tinggi dan pusat beli-belah yang sedia ada.....

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Batang Lular bangun, Yang Berhormat.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya hendak bertanya tentang kejayaan Rakan Muda ini pada peringkat ini tetapi tiap-tiap aktiviti yang berlandaskan 'government-based', berlandaskan dukungan ataupun pertolongan bantuan wang daripada kerajaan, apabila wang itu berhenti dan sokongan itu hilang namun aktiviti itu juga akan lenyap.

Jadi kalau kita lihat NGO-NGO yang lain wujud semenjak tahun 1900 umpamanya Pengakap tahun 1907, Boys Brigade wujud pada tahun 1900 dan Pandu Puteri tahun 1950, masih wujud sampai sekarang dan berapa bilion members seluruh dunia, landasannya ialah 'community-based', sokongan sambil lewa daripada kerajaan iaitu sedikit sahaja daripada kerajaan tetapi motivasinya ialah menerusi kemahuan atau kecenderungan NGO-NGO itu sendiri. Jadi persoalan saya adakah kerajaan ingin menggalakkan supaya Rakan Muda ini lebih berkesan dan lebih mendatangkan manfaat lagi kalau dibuat menerusi 'community-based' secara sukarela dan mereka sendiri mencari sumber kewangan mereka sendiri dan bantuan daripada kerajaan sahaja? Kalau tiap-tiap NGO ini ditubuhkan atas nama kerajaan dan dibiayai oleh kerajaan, dibelanja oleh kerajaan, hilang belanja, hilang wang dan hilang juga badan itu. Jadi bagaimana pandangan Yang Berhormat?

**Dato' Loke Yuen Yow:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada cadangan Ahli Yang Berhormat. Kementerian Belia dan Sukan bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat dan kita sedar bahawa ada berlainan antara 'community-based' dan 'government-based'. Aktiviti-aktiviti 'government-based' ini seperti Program Rakan Muda, mereka bergantung kepada peruntukan daripada kerajaan. Sekiranya pada suatu hari nanti Program Rakan Muda ini diberhentikan jadi ada soalan aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan pada tahun-tahun yang lalu akan diteruskan ataupun tidak. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga hari ini kerajaan tidak bercadang untuk memberhentikan Program Rakan Muda tetapi kita akan teruskan Program Rakan Muda. Suatu hari nanti siapa tahu bahawa sekiranya kerajaan diberitahu bahawa mereka boleh bergerak tanpa bergantung sangat kepada kerajaan, sumber kewangan mereka pun mereka dapat daripada pihak swasta, Program Rakan Muda ini akan diberikan dimension yang baru. Sekarang ini kita teruskan dan menolong golongan belia di luar bandar yang mana

bukan mudah untuk mereka mendapat sumber kewangan. Kita akan tengok pada masa hadapan apa kesannya. Kita akan buat keputusan pada masa itu.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Senai juga ada membangkitkan mengenai pusat-pusat latihan kemahiran di bawah kementerian yang berkenaan. Di bawah program di Kementerian Belia dan Sukan, Program Pembangunan Sumber Manusia merupakan antara agenda penting kementerian. Pelaksanaannya menjurus kepada latihan kemahiran dalam bidang teknikal, diarah melahirkan pekerja mahir dan usahawan berpotensi. Latihan kemahiran vokasional yang dijalankan di Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) di bawah kementerian ini bukan hanya mendalami aspek kemahiran teknikal tetapi juga didedahkan dengan unsur-unsur kerohanian, disiplin, kepimpinan, kemasyarakatan, kecergasan dan keusahawanan, melalui kegiatan kurikulum dan kokurikulum sepanjang tempoh mereka berada di Institut bagi melahirkan seorang belia yang bukan hanya sekadar berkemahiran teknikal tetapi juga mempunyai sifat-sifat dan nilai yang terpuji. Pelatih-pelatih yang mengusahakan perniagaan sendiri berasaskan kemahiran yang diperolehi mampu lahir sebagai usahawan yang berdaya saing dan berdaya maju.

Di samping itu Kementerian Belia dan Sukan juga menyediakan peluang-peluang kepada belia yang ingin menjalani latihan keusahawanan yang dikendalikan langsung oleh Institut Keusahawanan Belia Negara, Ipoh, Perak. Skop latihan ini memberi fokus kepada aspek pengurusan perniagaan bagi tujuan memberi kemahiran pentadbiran perniagaan kepada belia-belia yang ingin menceburi dalam bidang perniagaan ataupun yang ingin mengembangkan perniagaan. Institut ini menyediakan pelbagai kursus jangka pendek dalam jangka masa seminggu tujuh hari bagi setiap kursus dalam bidang pengurusan perniagaan. Setiap tahun seramai 3,000 orang belia dilatih oleh institut ini dalam pelbagai bidang keusahawanan yang merangkumi aspek perancangan dan pengurusan perniagaan termasuk pengurusan kewangan serta pemasaran.

Berhubung dengan cadangan Yang Berhormat dari Gaya, sukacita saya nyatakan bahawa kerajaan menerusi Belanjawan 1999 telah mencadangkan beberapa insentif yang menyentuh khusus tentang Kompleks Sukan Negara antaranya adalah seperti:

- (i) Pengecualian cukai hiburan bagi acara hiburan, kebudayaan, pameran dan seumpamanya yang melibatkan peserta antarabangsa yang mengadakan acaranya di Kompleks Sukan Negara;
- (ii) Pengurangan cukai pendapatan sebanyak 50% bagi bukan pemastautin yang mendapat pendapatan daripada acara yang dianjurkan di Kompleks Sukan Negara; dan
- (iii) Galakan pengecualian cukai jualan dan duti import bagi barang-barang keluaran FIZ dan 'License Marketing Warehouse,' yang dijual di Kompleks Sukan Negara.

Kementerian Belia dan Sukan berpendapat bahawa galakan dan insentif yang diumumkan oleh kerajaan ini amat bersesuaian dan selaras dengan hasrat kerajaan untuk memastikan Kompleks Sukan Negara digunakan secara maksimum sepanjang tahun. Ini sekali gus mempromosikan dan mempopularkannya sebagai destinasi penganjuran acara bertaraf antarabangsa. Sesungguhnya, galakan ini juga diharap akan dapat membantu menjadikannya sebagai destinasi pelancongan di kalangan para pelancong dari dalam dan luar negara. Buat masa sekarang ini insentif tersebut sesuai untuk beberapa venue strategik yang diumumkan oleh kerajaan baru-baru ini dan belum masanya untuk dilaksanakan di lain-lain tempat.

Mengenai cadangan Yang Berhormat dari Hulu Rejang supaya nama stadium utama ditukarkan kepada 'Stadium Dr. Mahathir', dimaklumkan bahawa perasmian

Kompleks Sukan Negara telah selamat disempurnakan pada 11 Julai 1998 bertempat di Stadium Nasional. Menerusi majlis berkenaan, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengumumkan nama-nama rasmi bagi kesemua venue berkenaan yang terletak di Bukit Jalil dan Bukit Kiara di mana stadium utama secara rasmi dikenali sebagai Stadium Nasional. Sesungguhnya kelulusan nama-nama baru bagi venue berkenaan telah dipersetujui oleh Jemaah Menteri setelah mendapat cadangan dan pandangan dari pelbagai pihak.

Rasional untuk menamakan stadium utama ini sebagai Stadium Nasional adalah berlandaskan kepada usaha untuk memperkenalkan ianya sebagai satu tanda untuk semangat patriotik dan cintakan negara. Lagi pula perkataan 'Nasional' itu menggambarkan semangat kebangsaan yang kuat di kalangan rakyat yang bakal menggunakannya sebagai venue untuk pelbagai acara. Justeru itu, Kementerian Belia dan Sukan berpandangan bahawa nama yang dipersetujui oleh kerajaan itu amat sesuai dan tepat.

Mengenai persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Kuala Pilah yang membangkitkan isu mengenai Stadium Bukit Jalil diumumkan bahawa mulai 1 Julai 1998, Kementerian Belia dan Sukan telah menyerahkan Kompleks Sukan Negara Bukit Jalil dan Kompleks Sukan Bukit Kiara kepada Perbadanan Stadium Merdeka. Perbadanan tersebut bertanggungjawab sepenuhnya untuk mentadbir, mengurus dan menyelenggara kedua-dua buah kompleks berkenaan. Adalah menjadi matlamat perbadanan berkenaan untuk memastikan kesemua venue berkenaan digunakan dalam setiap hari sepanjang tahun dan menjadikan kompleks berkenaan sebagai venue pilihan utama bagi pelbagai jenis acara sama ada peringkat kebangsaan ataupun antarabangsa.

Sebagai sebuah badan berkanun Persekutuan yang diletakkan di bawah Kementerian Belia dan Sukan, Perbadanan Stadium Merdeka tidak mendapat sebarang bentuk bantuan kewangan dalam menjalankan operasi. Tegasnya perbadanan ini merupakan sebuah 'self-finance agency'.

Dalam usaha untuk membiayai kos pengurusan dan penyelenggaraan kompleks berkenaan, Perbadanan Sukan Merdeka telah melaksanakan aktiviti-aktiviti berikut sebaik selepas Sukan Komanwel Ke XVI berlangsung baru-baru ini:

- (i) menyewakan kesemua venue tersebut kepada semua lapisan masyarakat;
- (ii) menganjurkan sendiri acara-acara yang dijangka menguntungkan;

Sasaran pelanggan yang dikenal pasti adalah agensi kerajaan/badan berkanun, syarikat swasta/sector korporat, persatuan sukan kebangsaan/ antarabangsa, promoter konsert/hiburan/pertunjukan, penganjur ekspo/pameran, institusi pengajian tinggi/sekolah-sekolah, orang perseorangan, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan lain-lain.

Di antara pelbagai acara yang boleh dianjurkan atau diadakan di kedua-dua buah kompleks tersebut ialah sukan rekreasi, hiburan dan pertunjukan, perhimpunan/konvensyen/seminar, ekspo/pameran, lokasi penggambaran, hari keluarga, pelancaran produk/ program, majlis-majlis keagamaan dan lain-lain.

Sumber hasil adalah diperolehi menerusi sewaan stadium dan kemudahannya, iklan, penyewaan ruang perniagaan, merchandising, stadium tour, pengendalian urusan tiket, penyewaan padang letak kereta, penjualan 'corporate boxes', 'venue naming right', hak television, keahlian, sewaan ruang pejabat, in house and co-promotion, mempelbagaikan perniagaan.

Hasil-hasil yang akan diperolehi dari pelbagai aktiviti yang dijalankan dijangka akan dapat membiayai kos operasi dan juga penyelenggaraan kedua-dua buah kompleks berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, akhir kata saya mengucapkan sekali lagi berbilang-bersang terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah turut serta dalam perbahasan Dewan yang mulia ini, dan telah memberikan pandangan dan cadangan kepada Kementerian Belia dan Sukan. Segala pandangan dan cadangan dari Ahli-ahli Yang Berhormat akan diambil perhatian oleh kementerian kita ini dalam merancang dan melaksanakan program-program ke arah pembangunan belia dan sukan di negara kita ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat.

2.58 ptg.

**Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat [Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, iaitu Yang Berhormat dari Kota Bharu, Yang Berhormat dari Santubong, Yang Berhormat dari Hulu Terengganu, Yang Berhormat dari Marang yang telah menyentuh isu-isu yang ada kaitan secara langsung atau tidak langsung dengan peranan Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat semasa perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 1999.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Kota Bharu dan Yang Berhormat dari Santubong telah menyentuh mengenai hal ehwal wanita khususnya yang melibatkan fungsi dan peranan Jabatan Hal Ehwal Wanita secara langsung. Izinkan saya memberikan penjelasan ke atas isu yang diutarakan oleh Yang Berhormat dari Santubong yang menyentuh mengenai isu pemberian nilai terhadap sumbangan wanita seperti kerja-kerja yang dilakukan selama ini tidak dibayar upah. Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat khususnya Jabatan Hal Ehwal Wanita (HAWA) sememangnya peka mengenai perkara ini dan setakat ini beberapa seminar dan bengkel telah pun diadakan bagi mencari kaedah yang sesuai untuk melaksanakan perkara ini. Indikator-indikator yang sesuai dan tepat perlu dikenal pasti dan dikemaskinikan sebelum perkara ini dapat dilaksanakan.

Untuk maklumat Ahli-ahli Yang Berhormat, bagi masyarakat timur khasnya Malaysia, isu ini merupakan satu isu yang rumit dan perlu ditangani dengan sebaik mungkin. Kita harus berhati-hati dalam menentukan pendirian kita terhadap isu ini kerana ia berkait rapat dengan nilai, adat resam dan norma-norma kepercayaan kita.

Oleh yang demikian, setiap tindakan yang kita akan laksanakan harus berasaskan kepada prinsip-prinsip kita sendiri dan bagi wanita, asas pembangunan mereka haruslah selari dengan acuan yang telah pun dibentuk dan ditetapkan dalam Dasar Wanita Negara serta Pelan Tindakan Pembangunan Wanita iaitu mencorakkan pembangunan mengikut kehendak serta aspirasi rakyat Malaysia.

Sebenarnya, Ahli-ahli Yang Berhormat, saya sendiri pun begitu ghairah rasanya untuk mendapatkan penilaian bagi kerja-kerja yang dilakukan oleh wanita terutamanya suri rumah tangga yang sepenuh masa bekerja di rumah dan juga di ladang kadang-kadang menoreh getah dan di sawah padi. Tetapi nampaknya usaha ini kita masih lagi hendaklah menumpukan tenaga kita ke arah mencari indikator-indikator yang saya katakan tadi supaya kerja kita ini dapat terlaksana dengan baik dan sempurna.

Mengenai Akta Persamaan Finland yang disyorkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Bharu untuk dikaji, HAWA perlu menggunakan prinsip-prinsip seperti yang saya sebutkan tadi untuk mengkaji perkara ini dan Equality Act 1987 Finland ini sebenarnya

adalah hasil usaha-usaha mereka melaksanakan pelbagai perkara untuk wanita mereka. Saya lihat dari *The Status of Women in Finland* dan *The Milestone of Women in Finland* usaha ini bukanlah dapat dilaksanakan dalam masa yang singkat. Mereka memulakannya pada tahun 1864 dan akhirnya pada tahun 1987 baru mereka dapat menghasilkan Equality Act dan dengan kepekaan di kalangan Ahli-ahli Yang Berhormat sendiri khususnya Ahli Yang Berhormat wanita dan saya harap mendapat juga sokongan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat yang lelaki, kita mungkin akan dapat dari setingkat ke setingkat dan rasa saya, saya akan mengarahkan HAWA supaya juga mencatatkan milestone kejayaan wanita Malaysia dalam mendapatkan persamaan hak ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih di atas sokongan dan pandangan Ahli Yang Berhormat dari Kota Bharu yang telah menunjukkan keprihatinan dan mengutarakan beberapa syor yang positif kepada Jabatan HAWA bagi memantap dan meningkatkan lagi martabat wanita di Malaysia.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pada masa ini Jabatan Hal Ehwal Wanita (HAWA) yang baru dinaikkan taraf kepada jabatan pada 1 Julai 1997 mempunyai kakitangan seramai 26 orang. Setelah dinaikkan taraf kepada jabatan, perjawatan dalam HAWA telah pun ditambah di mana sekarang ini HAWA diketuai oleh seorang Ketua Pengarah yang bertaraf gred N1 dan dibantu oleh dua orang Pengarah bertaraf gred N2.

Berkaitan menaikkan taraf HAWA sebagai kementerian, saya berpendapat bahawa perkara ini perlulah dibuat kajian yang mendalam sebelum sebarang keputusan mengenyainya. Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat sememangnya amat prihatin dengan syor daripada Yang Berhormat dari Kota Bharu, namun demikian dalam keadaan kegawatan ekonomi yang kita hadapi sekarang, cadangan ini rasa saya belumlah boleh agaknya kita laksanakan, tambahan pula sepertimana yang saya nyatakan tadi, HAWA baru sahaja dinaikkan tarafnya kepada jabatan pada tahun lalu. Justeru itu saya penuh yakin walaupun hanya bertaraf jabatan, jika diberikan sumber-sumber dan kepegawaian yang mencukupi, HAWA akan dapat menjalankan tugas-tugasnya dengan baik dan berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin merakamkan ucapan teirma kasih kepada Yang Berhormat dari Hulu Terengganu yang telah mencadangkan supaya Rukun Tetangga di bawah Jabatan Perpaduan Negara diberikan peruntukan yang lebih tinggi selaras dengan peranan institusi masyarakat ini yang semakin mencabar dan meluas mutakhir kini.

Pada kesempatan ini saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada Yang Berhormat kerana telah melibatkan diri secara langsung dalam Rukun Tetangga. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat sememangnya sedar dan prihatin akan perkara ini. Pada asasnya kementerian mahu menambah peruntukan untuk Rukun Tetangga, sekurang-kurangnya pada jumlah yang asal.

Namun demikian, berikutan dengan kegawatan ekonomi di mana peruntukan untuk semua kementerian dan agensi kerajaan telah dipotong sebanyak 18% pada tahun ini menyebabkan usaha dan hasrat kementerian terpaksa ditangguhkan. Sebenarnya, saya berpendapat bahawa di setiap kawasan perumahan ataupun di kawasan perkampungan perlu kita mewujudkan Rukun Tetangga kerana sebagai organisasi dalam komuniti, ianya banyak boleh memberi manfaat kepada masyarakat setempat.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini bagi menjelaskan kepada Yang Berhormat dari Marang yang mempertikaikan usaha kerajaan dalam menangani gejala sosial di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan bukan parti pembangkang yang bila berbuat sesuatu hendak menentukan bahawa ada political mileage.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memberikan ulasan yang agak panjang ke atas isu ini. Kerajaan adalah bersungguh-sungguh dalam usahanya untuk menangani masalah gejala sosial. Kesungguhan ini termaktub dalam Rancangan Malaysia Ketujuh di mana ada dinyatakan bahawa kerajaan akan menubuhkan satu jawatankuasa antara agensi peringkat tertinggi bagi memastikan kemajuan ekonomi tidak dibelenggu oleh masalah sosial. Jawatankuasa antara agensi peringkat tertinggi ini telah pun diwujudkan.

Justeru itu, Jawatankuasa Khas Kabinet Bagi Membanteras Masalah Sosial telah ditubuhkan pada bulan Februari 1996, satu laporan isu-isu sosial masa kini telah dikemukakan kepada Jemaah Menteri pada bulan November 1996 dan seterusnya satu siri taklimat telah diberi kepada pengurusan tertinggi kerajaan dan kementerian-kementerian, semua kerajaan negeri dan di Mesyuarat Menteri Besar serta Majlis Raja-Raja.

Kesan dari siri taklimat ini, kerajaan-kerajaan negeri, kementerian-kementerian dan badan-badan bukan kerajaan telah merangka strategi dan tindakan penyelesaian masalah masing-masing. Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Bagi Membanteras Masalah Sosial telah bersetuju supaya satu pelan induk tindakan sosial negara disediakan dan telah pun diluluskan pada 15 April 1997.

Antara pendekatan strategi penyelesaian pantas adalah untuk membangun dan memantapkan faktor dalaman iaitu teras insaniah dan faktor luaran iaitu teras sokongan. Teras insaniah merangkumi golongan individu, ibu bapa, keluarga, komuniti dan masyarakat. Sementara teras sokongan merangkumi bidang pendidikan, media, perundangan, kemudahan sosial dan kesihatan. Keseluruhan terasnya adalah berasaskan kepada agama, nilai dan akhlak.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat sebagai focal point, dengan izin, bagi pelaksanaan program pantas telah diperuntukkan RM20 juta juga bagi program dan aktiviti kemantapan keluarga. Bagi tahun 1997/1998 sebanyak 110 program dan 368 aktiviti telah disusun dan dilaksanakan melalui kedua-dua teras tersebut bagi memerangi masalah gejala sosial.

Program dan aktiviti ini bukan sahaja dilaksanakan oleh agensi kerajaan, bahkan juga badan-badan bukan kerajaan yang sehingga kini sebanyak 31 badan bukan kerajaan telah menyahut seruan kerajaan untuk bersama-sama memerangi gejala sosial melalui pendekatan perkongsian bijak.

Peruntukan RM20 juta telah diagih-agihkan kepada Kementerian Perpaduan dan Pembangunan Masyarakat, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Jabatan Perpaduan Negara, Jabatan Hal Ehwal Orang Asli, HAWA, Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga, badan-badan bukan kerajaan, Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi.

Mulai Julai 1998, Jawatankuasa Khas Bagi Menangani Masalah Sosial telah mendapatkan khidmat kepakaran bagi memantapkan usaha memerangi masalah gejala sosial ini melalui pengwujudkan satu sistem pengurusan yang menyeluruh yang dikenali sebagai Sistem Pengurusan Gejala Sosial, ringkasnya SISPIN.

Sistem ini bukan sahaja akan dapat mewujudkan pendekatan yang lebih bersepadu, profesional dan menyeluruh di kesemua peringkat iaitu peringkat nasional, negeri, daerah, mukim dan kampung tetapi juga menunjukkan keberkesanan program secara yang saintifik.

Akhir sekali saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan isu yang berkaitan dengan Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat dan jika ada yang tidak sempat saya jawab, inginlah saya memberikan jaminan bahawa saranan-saranan bernas yang dikemukakan akan diambil perhatian dan tindakan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua: Kementerian Kesihatan.**

**3.10 ptg.**

**Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman]:** Kementerian Kesihatan mengucapkan terima kasih di atas pandangan dan teguran yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sewaktu membahaskan Belanjawan 1999. Bagi Kementerian Kesihatan Malaysia di Dewan yang mulia ini, izinkan saya memberi ulasan ke atas teguran-teguran yang telah dibangkitkan.

Ahli Yang Berhormat dari Kluang berharap Kementerian Kesihatan Malaysia akan meneruskan perancangan untuk membina hospital di Kluang. Untuk maklum Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kesihatan masih meneruskan perancangan bagi membina hospital baru di Kluang. Peruntukan RM131,800 disediakan bagi perolehan tanah pada tahun 2000. Walau bagaimanapun pelaksanaan projek ini tidak dapat dibuat dalam RMK-7 akibat kegawatan ekonomi sekarang. Projek ini dijangka akan dilaksanakan dalam RMK-8 setelah keadaan ekonomi pulih nanti.

Ahli Yang Berhormat dari Tawau pula telah membangkitkan hospital Tawau tidak mempunyai kemudahan cad scan dan masalah kekurangan pakar-pakar perubatan yang meruncing di Hospital Tawau dan kawasan daerah tertentu di Sabah. Beliau juga telah mengesyorkan agar lebih banyak klinik perubatan dibina di luar bandar kerana Hospital Tawau mengalami kekurangan katil.

Tuan Yang di-Pertua, kemudahan scad scan ini cuma disediakan di hospital-hospital utama di Kementerian Kesihatan kerana kosnya yang tinggi lebih kurang RM3 juta seunit. Walau bagaimanapun, Kementerian Kesihatan akan meningkatkan kemudahan peralatan di hospital-hospital berkenaan secara berperingkat-peringkat.

Untuk maklum Yang Berhormat, sehingga 7 November 1998, Hospital Tawau mempunyai 6 jawatan tetap Pegawai Perubatan Pakar pelbagai disiplin di mana hanya jawatan pakar kanak-kanak diisi oleh warganegara. Bagi menampung kekurangan pakar perubatan di hospital tersebut, seramai 6 orang pakar perubatan bukan warganegara yang dilantik secara kontrak telah ditempatkan di hospital tersebut. Di samping pegawai perubatan pakar kontrak ini, Hospital Tawau juga menerima pegawai perubatan pakar pelawat dari Hospital Kinabalu bagi menampung masalah kekurangan pegawai-pegawai perubatan pakar di hospital berkenaan. Justeru itu, Kementerian Kesihatan merasakan kedudukan bilangan pegawai perubatan pakar di Hospital Tawau pada masa ini adalah memuaskan.

Berkenaan syor agar lebih banyak klinik perubatan dibina di luar bandar kerana Hospital Tawau mengalami kekurangan katil pula, kerajaan memang menyedari keperluan memperbanyakkan kemudahan kesihatan di kawasan luar bandar. Dalam RMK-7 tumpuan utama projek-projek pembangunan Kementerian Kesihatan Malaysia ialah pembinaan klinik-klinik desa dan menaikkan taraf rumah-rumah bidan di luar bandar. Sebanyak 1,074 projek dengan peruntukan RM729.372 juta. Pada tahun 1998, walaupun negara sedang kegawatan ekonomi sekarang, projek-projek kesihatan di luar bandar tetap diteruskan daripada peruntukan pembangunan RM700.8 juta, 75% telah diperuntukkan bagi projek-projek kesihatan luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Selangau telah meminta penjelasan tentang penutupan Klinik Lee Siong di Sibul, Sarawak dan Kuala Lemai, kawasan Balingian Mukah didapati juga beberapa buah klinik yang sepatutnya dibina pada tahun 1995 di Selangau masih belum dibina lagi. Penutupan Klinik Lee Siong di Sibul dan Klinik Kuala Lemai di Mukah yang telah dibuat oleh Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak adalah bersifat sementara. Ini adalah disebabkan kekurangan pegawai dan kakitangan dan juga kos operasi yang agak tinggi. Klinik-klinik ini akan dibuka semula jika bilangan

anggota Kementerian Kesihatan di Sarawak dapat dipertingkatkan. Tiada Klinik Kesihatan yang dijadualkan dibina di Selangau dalam RMK-6. Ini kerana peruntukan pembangunan kesihatan pada masa itu tidak mencukupi. Perancangan projek-projek tersebut terpaksa ditunda ke RMK-7. Pada masa ini projek-projek klinik di Selangau masih lagi di peringkat kajian lanjut dan projek-projek tersebut akan diberikan pertimbangan yang sewajarnya. Kementerian Kesihatan hanya merancang untuk melaksanakan projek naik taraf Pusat Kesihatan Selangau yang dianggarkan berharga RM2.5 juta jika peruntukan mencukupi pada tahun 1999.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai saranan Yang Berhormat Jelebu supaya Kementerian Kesihatan melihat keperluan pengisian jawatan pegawai perubatan di Jelebu di mana daripada 7 jawatan pegawai perubatan hanya 4 diisi menyebabkan tidak cukup pegawai perubatan untuk merawat pesakit dan setengah-setengah kes tidak dapat diatasi oleh pembantu perubatan, pembantu kesihatan awam menyebabkan pesakit dihantar ke Hospital Kuala Pilah atau Kuala Klawang yang jauhnya 40 atau 50 batu. Pejabat Kesihatan Besar, Simpang Durian juga menghadapi masalah tidak cukup pegawai perubatan. Adalah dimaklumkan bahawa pengisian jawatan pegawai perubatan di hospital-hospital dan pusat-pusat kesihatan bergantung kepada tahap pengisian jawatan keseluruhan di Kementerian Kesihatan. Pada masa ini kedudukan pengisian jawatan pegawai perubatan adalah di sekitar 60% hingga 75% sahaja.

Secara keseluruhannya kedudukan pengisian pegawai perubatan di Jelebu pada ketika ini bolehlah dianggap memuaskan. Kekosongan jawatan cuma berlaku di klinik kesihatan sahaja dan kementerian ini telah mengambil langkah-langkah mengatasi kekurangan sahaja pegawai perubatan di klinik kesihatan khususnya di Simpang Durian dengan menghantar pegawai perubatan dari Jelebu mengadakan lawatan sebanyak 2 hari seminggu. Kementerian akan terus berusaha untuk mengisi jawatan yang masih kosong itu apabila terdapat lantikan baru pegawai perubatan dari masa ke semasa bagi memastikan perkhidmatan perubatan dan kesihatan dapat diberi kepada penduduk kawasan Jelebu dengan lebih berkesan lagi.

Projek Hospital Senagang yang telah diminta oleh Ahli Yang Berhormat dari Tenom atas sebab kepadatan penduduk di sekitarnya tidak dapat dilaksanakan sekarang kerana projek ini tidak dimasukkan dalam senarai projek-projek RMK-7. Projek ini akan diberikan pertimbangan dalam RMK-8 jika keadaan memerlukannya.

Ahli Yang Berhormat Kapar menyarankan agar hospital ataupun klinik kesihatan kerajaan di kawasan perladangan harus dinaikkan tarafnya dengan pegawai perubatan bertauliah dan peralatan perubatan yang baik. Cadangan untuk menaikkan taraf klinik-klinik kesihatan di kawasan ladang akan diberi pertimbangan sewajarnya bergantung kesesuaian dan kewangan negara. Memandangkan kesemua hospital atau klinik kesihatan kerajaan yang terletak berdekatan dengan kawasan ladang dan juga di kawasan yang lain mempunyai kelengkapan dan kemudahan yang sama, maka penduduk ladang bolehlah menggunakan kesemua kemudahan yang telah sedia ada. Tambahan pula seorang pegawai perubatan yang bertauliah memang ditempatkan di setiap buah pusat kesihatan besar bagi memberi rawatan dan perkhidmatan pesakit.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Tuaran telah meminta penjelasan dan penyiasatan dilakukan ke atas satu kes kematian seorang ibu hamil yang hendak bersalin walaupun panggilan telah dibuat untuk mendapatkan perkhidmatan doktor udara. Berhubung dengan kes kematian ibu hamil tersebut, Kementerian Kesihatan memerlukan sedikit masa lagi untuk mengkaji dan meneliti kes tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, sekianlah sahaja ulasan dan jawapan-jawapan saya pada teguran-teguran yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai Kementerian Kesihatan. Jika terdapat teguran-teguran dan jawapan-jawapan tidak sempat diberikan di

Dewan yang mulia ini, suka saya memberi jaminan bahawa Kementerian ini akan tetap memberi perhatian yang berat kepada perkara-perkara dan cadangan-cadangan yang ditujukan kepada Kementerian ini. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kementerian Pembangunan Usahawan.

**3.17 ptg.**

**Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan [Dato' Idris bin Jusoh]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Senai, Tambun, Bukit Mas, Parit Sulong, Yan, Bukit Bintang, Rompin, Kangar, Pasir Mas, Sungai Benut, Sepang dan Machang yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Belanjawan 1999 pada kali ini. Saya akan mengambil pendekatan di mana saya akan menjawab isu-isu secara am, cara keseluruhannya dan selepas itu saya akan pergi kepada isu-isu yang spesifik yang telah diutarakan oleh Yang Berhormat terutamanya yang berbangkit dengan kawasan Yang Berhormat masing-masing. Kementerian Pembangunan Usahawan ditubuhkan untuk melahirkan usahawan-usahawan yang berdaya maju, yang berdaya saing, competitive dan yang berdaya tahan, yang persistence dan Kementerian kita ada beberapa program seperti program francais.

Baru-baru ini kita telah mengadakan Akta Francais yang nampak telah mendapat sambutan yang baik di negara kita kerana semenjak Kementerian ini dilahirkan, kita telah dapat melahirkan 382 usahawan francais dan berbanding kalau dahulunya bila Kementerian ini mengambil alih peranannya untuk mengembangkan francais hanya ada 15 produk baru. Sekarang sudah ada 65 produk baru dan juga kita telah diiktiraf oleh semua Persatuan Francais di Malaysia sebagai satu kerajaan yang telah 'the most franchise friendly government, dengan izin. Ini diiktiraf semasa perbincangan diadakan dengan persatuan-persatuan Negara-negara Asia Pasifik dan sebab itu juga Persatuan Francais Sedunia akan mengadakan persidangannya di Malaysia pada tahun hadapan.

Program-program lain seperti program vendor telah melahirkan 201 usahawan, program mentor 170 usahawan dan program-program lain, usahawan-usahasama tulen telah melibatkan 51 syarikat, penswastaan telah melibatkan 42 syarikat dan kita juga mengadakan program-program IT dan lain-lain.

Untuk membudayakan budaya keusahawanan, Kementerian mengadakan program usahawan muda ke sekolah-sekolah dan juga program ini juga dipanjangkan ke universiti-universiti untuk melahirkan budaya keusahawanan. Mereka yang lebih innovative, yang lebih kreatif, yang suka mencipta, yang berani mengambil risiko, yang bermotivasi tinggi dan juga usahawan-usahawan yang sanggup berkerja kuat. Di samping itu juga Kementerian mengadakan program bantuan kewangan. Pada mulanya Kementerian kita telah melancarkan satu program yang kita panggil SELF ataupun Tabung Pembiayaan Usahawan Kecil dengan pinjamannya sehingga RM50,000. Sehingga kini 1,212 peminjam telah berjaya memasuki skim ini dan merangkumi perbelanjaan RM33.7 juta. Ini adalah pinjaman tanpa cagaran dan tanpa penjamin.

Seterusnya, kita juga mengadakan satu skim lagi iaitu skim Tabung Usahawan Kecil ataupun TUK yang mana had pinjamannya ialah RM20,000 dan ini telah merangkumi hampir 2,000 peminjam-peminjam masa kini dan insya-Allah, tidak berapa lama lagi mungkin penghujung tahun ini atau tahun hadapan kita akan mengadakan Program Tekun yang telah diberi dana RM100 juta oleh kerajaan baru-baru ini. Tidak ketinggalan MARA dan juga Bank Pembangunan memainkan peranannya untuk memberikan bantuan kewangan kepada usahawan-usahawan. Di samping itu juga, ada program, kita mempunyai program ruang niaga, program kilang bimbingan dan juga di PKKMM ada program seni untuk usahawan-usahawan yang berminat dalam bidang seni.

Ada Ahli Yang Berhormat dari Tambun mengatakan yang usahawan-usahawan kita manja. Sebenarnya, sebenarnya di dalam kita memilih usahawan kita pastikan mereka itu berdaya maju, berdaya saing, dan berdaya tahan. Sebenarnya apa yang dikatakan manja itu, manja bukan sebarang manja, manja di kementerian mempunyai kriteria. Itu jawapan saya, pantun saya kepada Yang Berhormat daripada Tambun. Kita tidak ingin mewujudkan budaya pergantungan di kementerian, kita ingin pastikan agar semua usahawan di kementerian dapat berdiri dengan kaki mereka sendiri.

Yang Berhormat dari Tambun juga mengatakan perlunya kita...

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Penjelasan sedikit.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila, sila.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Terima kasih, sebenarnya Tambun dengan Yang Berhormat ini dia macam dua beradik, satu pak emak lain-lain, rambut pun sama. Cuma saya minta penjelasan daripada Dato' Timbalan Menteri, memang tidak dinafikan Kementerian Pembangunan Usahawan ini telah banyak mengeluarkan entrepreneur-entrepreneur, pengusahawan-pengusahawan baru, tetapi adakah pihak kementerian sedar bahawa pemasaran, memainkan faktor utama dari segi memasarkan terutama sekali industri-industri kecil dan sederhana ini. Jadi adakah pihak kementerian bercadang untuk kita adakan satu unit atau pasukan untuk menggembelngkan tenaga semua pengeluaran pengusahawan dapat tempat dalam pasaran.

Kita menghadapi masalah, contohnya perusahaan makanan, kita hendak penetrate ke hyper market, super market, macam-macam market, cukup susah, kerana tidak ada ruang, tidak ada tempat. Jadi kadang-kadang, macam saya kata, kita buat kopi di Yan tidak sampai ke Kuala Lumpur, kadang-kadang di Butterworth pun tidak sampai. Ada satu chilli sauce dan tomato, cukup sedap, nikmat, tetapi sauce ini kerana dibuat di Yan, tidak sampai ke Kuala Lumpur. Saya bawa sini beri kawan rasa dia hendak, baru sebotol, jadi masalah pemasaran, Jadi demi membantu, buat production, benda keluar, tetapi pemasaran tiada, bila pemasaran tiada, menghadapi masalah semula. Jadi adakah pihak kementerian bercadang supaya kita adakan satu unit pemasaran atau gunakan agensi-agensi lain, beri peruntukan kewangan sedikit, FAMA pun sedia hendak membantu, bagi sedikit peruntukan, kita promotekan barang-barang makanan ini. Terima kasih.

**Dato' Idris bin Jusoh:** Terima kasih Yang Berhormat dari Yan, memanglah itu menjadi harapan kementerian agar barang-barangan terutama daripada Yan itu dapat dipasarkan di Kuala Lumpur, bukan hanya sehingga Kuala Lumpur, mungkin sehingga ke London, New York kerana saya pun faham barangan-barangan daripada Yan memang bermutu Tuan Yang di-Pertua. Insya-Allah, kita akan mengadakan jaringan-jaringan dengan usahawan-usahawan yang lebih berjaya agar barangan-barangan usahawan tempatan ini akan dapat dipasarkan ke peringkat antarabangsa.

Di kementerian untuk memastikan agar usahawan-usahawa kita ini mampu bersaing di peringkat antarabangsa, kita telah mengadakan beberapa program di antaranya mengadakan program pembangunan eksport, mengadakan kerjasama dengan SIRIM di mana usahawan-usahawan IKS kita digalakkan untuk mendapat pengiktirafan ISO 9000, kita juga mengadakan kerjasama dengan MATRADE, MIDA, MTIB, dan mengadakan program-program IT kerana dengan secara mengadakan web site masing-masing usahawan-usahawan itu terus menjadi usahawan global.

Dalam melahirkan usahawan golongan menengah bumiputera ini, seperti yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bukit Mas, kementerian menggunakan francais sebagai satu cara utama untuk meramaikan lagi usahawan-usahawan kelas menengah bumiputera di samping menggunakan program-program yang sudah ada di kementerian.

Yang Berhormat Bukit Mas juga mengatakan tentang kegawatan ekonomi, ada beberapa Yang Berhormat lagi mengatakan tentang kegawatan ekonomi dan untuk mengatasi masalah ini kementerian juga telah membuat kajian melalui agensi-agensi mereka dan juga meminta pertolongan Universiti Malaya untuk membuat kajian tentang kesan-kesan kegawatan ekonomi ini kepada usahawan-usahawan bumiputera khususnya. Kita melihat oleh kerana adanya kegawatan ekonomi ini pendapatan usahawan itu berkurangan kerana permintaan berkurangan, dan ini ditambah dengan penambahan kos harga bahan mentah, yang mana kebanyakan juga kos bahan mentah ini diimport daripada luar negara. Mereka juga sukar untuk mendapat pinjaman dan mempunyai masalah untuk membayar balik, sebab itulah di bawah program kita 74 franchisee telah terlibat, 45 syarikat vendor terlibat, dan 30 syarikat anak payung di bawah program pemasaran perabot bersepadu terlibat di dalam kegawatan ekonomi ini.

**Tuan Mohamed Khaled bin Nordin:** [*Bangun*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada yang bangun.

**Tuan Mohamed Khaled bin Nordin:** Penjelasan. Kita memang mengaku bahawa banyak yang telah dibuat oleh pihak kementerian untuk membantu usahawan-usahawan bumiputera khususnya untuk membolehkan mereka bersaing dan sebagainya tetapi adakah kementerian bercadang dan melihat soal R&D, soal membantu syarikat dan usahawan bumiputera ini dari segi R&D mereka kerana ini yang antara perkara yang juga dinyatakan dalam Majlis Perundingan Ekonomi Negara yang menyebabkan ramai daripada syarikat usahawan bumiputera yang tidak boleh bersaing. Jadi dari segi soal bantuan kewangan dan sebagainya itu memang sudah cukup, dari segi pemasaran tetapi soal R&D yang belum ada, jadi apakah rancangan dan cadangan kementerian Yang Berhormat.

**Dato' Idris bin Jusoh:** Memang kerajaan juga telah menggalakkan syarikat-syarikat untuk mengadakan R&D mereka sendiri Tetapi yang tidak mampu kita ada program dan kerjasama dengan SIRIM, katakanlah kita ada program dan kerjasama dengan MARDI yang di mana mereka telah mengadakan R&D dan perlu dipasarkan oleh usahawan-usahawan tersebut. Sebab itu saya katakan tadi juga kita pastikan yang usahawan-usahawan IKS mendapat pengiktirafan ISO 9000 agar mereka lebih matang lagi dapat memasarkan dan dapat memperbaiki barangan-barangan mereka. Untuk mengatasi masalah-masalah ini kita berbincang di peringkat keseluruhannya, bukan hanya di peringkat kementerian kerana perkara yang berlaku ini merupakan memberi kesan kepada semua usahawan. Sebab itulah kerajaan melalui input yang telah kita berikan kepada kerajaan, kerajaan telah memastikan untuk merangsangkan ekonomi negara, untuk mengukuhkan lagi institusi-institusi kewangan negara, untuk mempertingkatkan lagi kecairan kewangan dalam pasaran, mengurangkan kadar faedah, memanjangkan lagi tempoh NPL dan menetapkan kadar pertukaran mata wang kita dengan Dollar Amerika dan perkara ini telah sedikit sebanyak memberi kesan yang positif kepada usahawan-usahawan keseluruhannya.

Di kementerian, kita mengadakan Pusat Khidmat Usahawan Kecil untuk memberi khidmat dan bimbingan kepada usahawan-usahawan yang datang ke kementerian dan sehingga kini 931 usahawan-usahawan telah mengunjung ke pusat tersebut untuk mendapat bimbingan. MARA juga telah memberi kelonggaran kepada usahawan-usahawan tulen yang mempunyai masalah untuk menjadualkan semula pinjaman mereka dan memberi tempoh beryawa ataupun "*grace period*", dengan izin, yang lebih panjang kepada usahawan-usahawan yang menghadapi masalah.

Yang Berhormat dari Parit Sulong ada mengemukakan tentang pembangunan usahawan IT. Memang kementerian memberi galakan kepada usahawan-usahawan IT dan kementerian mempunyai kerjasama dengan pihak MDC, pihak MIMOS dan kementerian

ada mewujudkan satu jawatankuasa iaitu IT task force, yang mana kerap kali kita mengadakan seminar-seminar pendedahan, pendedahan permulaan kepada usahawan-usahawan IT, seminar-seminar flagship application kepada mereka yang berminat dalam bidang-bidang aplikasi MSC dan juga mengadakan seminar Y2K untuk mereka mengetahui masalah-masalah yang akan dihadapi oleh usahawan dalam menghadapi masalah millennium bug yang mungkin berlaku. Dan juga mereka usahawan-usahawan IT ini diadakan networking yang mana perjumpaan sentiasa diadakan di antara mereka, di kalangan mereka sendiri dan juga di kalangan mereka dengan agensi-agensis yang telah dikatakan tadi.

Ada satu lagi perkara yang amat sukacita saya nyatakan di Dewan iaitu tentang perkhidmatan teksi. Ini dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Yan dan Yang Berhormat dari Bukit Bintang. Masa kini di kementerian kita ada 12,794 lesen teksi yang mana 60% daripadanya telah diberi kepada syarikat dan 40% kepada individu-individu. Permit-permit lesen yang telah diberi kepada individu ini susah untuk dipantau, kerana mereka keluar mengikut masa, kadang-kadang kita hantar surat, kita harus hantar surat kepada hampir 5,000 pengusaha-pengusaha teksi dan perkhidmatan mereka tidak dapat dikawal dengan baik. Sebab itulah keputusan Jemaah Menteri bertarikh 20 November 1996 telah memberi kuasa kepada kementerian agar teksi diuruskan secara profesional. Sejak dari itu kementerian tidak lagi memberi permit kepada individu.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Keadaan sekarang ini lain macam. Okeylah kita bagi permit teksi kepada syarikat, syarikat pula secara tidak langsung jual permit kepada pemandu. Dia walaupun bukan jual, tetapi cara berniaga dia, ini business style, taktik. Pemandu ini dia kena cari RM45 untuk hendak cover sewa teksi, itu tidak termasuk minyak, tidak termasuk tayar, tidak termasuk duit makan dia lagi. Kadang-kadang dia bekerja daripada pagi sampai petang baru lepas duit sewa. Lepas itu anak isteri hendak makan di rumah, duit anak hendak pergi sekolah. Jadi saya hendak minta kalau boleh, tak apalah kementerian kata bagi melalui syarikat, bagus, tak apa tetapi pastikan harga kadar sewa yang dikenakan oleh syarikat kepada pemandu teksi ini berpatutan, jangan keterlaluan. Jadi kita dok 'hisap darah' mereka tak patut.

Jadi bila puak-puak ini 'pi deras' teksi dalam pekan kita marah. Dia kata, kalau lambat encik, duit sewa tidak lepas lagi ni. Tengah hari ini tidak tahu hendak makan apa. Encik sudah tentu Chinese food atau Japanes Restoran, kami ini warong tidak tentu lagi. Jadi kalau boleh saya hendak minta pihak kementerian kaji balik, panggil balik kepala-kepala syarikat ini bagi harga berpatutan supaya depa dapat menarik lagi pun teksi ini diberi kepada pemandu itu, pakai lima tahun kereta ini diserahkan balik kepada pemandu tetapi lima tahun fahamlah kereta macammana. Kita buka pintu kiri, pintu kanan terbuka, kita tutup pintu kanan, pintu kiri terbuka, jadi jenis ini - kita tahulah kereta kita.

Jadi macammana pihak kementerian, cari satu formula, kasihan ini puak-puak teksi. Dah itu bila mai tentang reformasi, depa ini jual bubuh tape masuk dalam tu. Depa jointlah depa kata, depa blaim kerajaan. Kerajaan juga salah tetapi yang silapnya tauke-tauke teksi bukan kerajaan. Tetapi bila mai keadaan macam ini dia kata kerajaan tidak bela. Saya biasa naik teksi Dato', dari airport Pulau Pinang sampai Alor Star, kepala saya ini bila keluar teksi jalan melelong, dia punya kompelain pasal kerajaan, ya ni, tidak kena, yang tu tidak kena last sekali bila sampai ke rumah, baru saya tanya, apa yang bagus kerajaan ini, dia ada apa pun tidak bagus ni. Itu dia, yang kita bagi teksi kepada mereka. Jadi yang ini saya harap, kes makan, kes rezeki kalau kita tidak kira, dengan rakyat dengan pemandu teksi maka masalahlah kita. Jadi hak itu saya minta pihak kementerian tolonglah kaji balik, panggil tauke-tauke teksi ini. Terima kasih.

**Dato' Idris bin Jusoh:** Terima kasih Yang Berhormat dari Yan. Tetapi la ni Yang Berhormat dari Yan memang kita sudah buat perubahan-perubahan ini tetapi mungkin Yang Berhormat dari Yan tidak sabar, kalau Yang Berhormat sabar, saya hendak

khobar semua sekali apa yang telah kita buat masa gawat Yang Berhormat dari Yan. Kalau dia boleh cakap utara, saya hendak cuba cakap utara Yang Berhormat.

Terim kasihlah Yang Berhormat dari Yan, cuma kita memang mengambil langkah-langkah daripada Kementerian. Kita memahami masalah-masalah yang dihadapi oleh mereka. Sebab itulah pejabat saya menjadi pejabat yang sentiasa dikunjungi oleh bukan hanya oleh pengusaha-pengusaha teksi sahaja, tetapi juga pemandu-pemandu teksi untuk mengetahui masalah-masalah mereka. Saya mempunyai open door policy, dengan izin. Kepada pemandu-pemandu teksi untuk menyuarakan pendapat mereka tetapi tidak laratlah, dia baru tiga tahun ini untuk mengatasi masalah, permit itu kita beri lima tahun dan untuk membaharu permit kalau dah ada permit lima tahun, lambat memakan masa. Sebab itulah di Kementerian kita telah mengambil beberapa langkah untuk memastikan yang keperluan-keperluan penumpang, keperluan-keperluan pemandu, pengusaha dan imej negara dipelihara. Kalau dahulu dikatakan oleh Yang Berhormat dari Yan tadi, tutup pintu kiri terbuka pintu kanan. Sebab itulah sekarang kita tidak jumpa lagi kereta-kereta yang bumpemnya terseret di jalan raya. Masuk kereta nampak jalan raya, kalau lantainya tembus. Pernah saya naik teksi, saya katakan dahulu, saya terpaksa pegang pintu kerana pintu itu tidak lekat Yang Berhormat dari Yan. Saya sendiri pernah kena naik teksi dia punya air habis. Saya kena pikul anak saya satu kilometer balik rumah. Saya pegang lagi dia punya, apa ni teksi airport dahulu saya masih ada lagi dia punya kupon untuk dijadikan kenang-kenangan pada saya sendiri.

Sebab itulah Kementerian menghadkan umur tidak lebih daripada 7 tahun. Kita mendaftarkan pemandu-pemandu teksi di Kementerian dan memastikan mereka merasa lebih bertanggungjawab apabila mereka memandu. Kita mengadakan kursus kepada pemandu-pemandu agar mereka mengetahui tanggungjawab mereka. Apakah undang-undang, apakah mereka mengetahui kawasan Kuala Lumpur tidaklah hendak pergi ke Petaling Jaya Seksyen 22 tidak boleh pergi. Inilah kita mengadakan kursus-kursus kepada mereka. Kita mengadakan piagam pemandu agar pemandu lebih bersopan santun. Agar pemandu lebih mengutamakan penumpang-penumpang, kita memastikan mereka memakai pakaian seragam. Kalau dahulunya ikut suka hati mereka hendak pakai baju tetapi sekarang kita telah melihat pemandu-pemandu teksi telah memakai pakaian seragam. Kita pastikan, kita mengawal kadar sewa kereta kepada permit-permit baru supaya kadar sewa tidak melebihi RM45 sahaja sehari Yang Berhormat dari Yan. Ini bukan semualah....., dia hendak bangunlah itu...

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Penjelasan, penjelasan. Tuan Yang di-Pertua, contoh teksi 'jambul' yang dri airport -KLIA teksi limousine. Saya tanya, kenapa mahal sangat tiket dari airport ke Kuala Lumpur RM80. Dia kata, yang mahal ni encik, sebab ada 'jambul' di atas [Ketawa] Nak bayar kos 'jambul' itu. Saya tanya, 'jambul' ni buat apa? Dia kata, 'jambul' ini nak detect teksi ini pergi mana. Dia nak cari makan, nak pi mana Tuan Yang di-Pertua, takkan dia pi makan angin. Tentu dia kerja, nak cari pi passenger. Jadi kadang-kadang depa bubuh benda-benda yang canggih di atas bumbung kereta itu, passenger yang kena bayar. Kemudian pemandu teksi ini pun kena bayar RM80. Cuba fikir, RM80 satu hari. Kalau hari kapal terbang tidak ada, tak 'haru' puak-puak ini Tuan Yang di-Pertua, Itu satu, Yang kedua, Kementerian ini kena jaga juga, kadang-kadang kita dok rekomen kawan-kawan dapat permit teksi.

Satu lagi, teksi-teksi ini, biasanya dalam kawasan saya Dato', 30 tahun duduk kepek steering. Kedah - 'kepek steering' maknanya 'pulas steeringlah'. Dia minta permit teksi tak berupaya, dia sewa 30 tahun dah, daripada muda sampai ranum bawa teksi, cuba Dato' bayangkan. Kita rekomen ni tak sangka, pun tak dapat. Jadi saya nak bangkit yang ini, kemudian esok, lusa, saya hendak jumpa Dato'. Dato' tolonglah tengok. Dia pun orang kuat kita. Terima kasih.

**Dato' Idris bin Jusoh:** Terima kasih, Yang Berhormat dari Yan sekali lagi. Dia juara pemandu-pemandu teksi Kuala Lumpur - mungkin. Mungkin yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi ialah permit kereta sewa di kampung-kampung. Di Yan tidak ada teksi, yang saya tahu di Yan ada kereta sewa sahaja. Mungkin, insya-Allah, kalau betul-betul memang kita beri keutamaan kepada pemandu-pemandu teksi yang menyewa permit orang lain. Kementerian telah membuat keputusan kepada pemandu-pemandu yang menyewa permit orang lain, insya-Allah bawalah jumpa saya. Insya-Allah kita akan beri pertolongan. Insya-Allah, Yang Berhormat dari Yan pun bila pilihan raya akan datang ini dapat bertambah undi-undinya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Bagan bangun.

**Tuan Lim Hock Seng:** Minta penjelasan.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Tak selesai Yan lagi, Bagan bangkit buat apa?

**Tuan Lim Hock Seng:** Saya hendak sampaikan, Kuala Lumpur bukan setakat Yan sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun peraturan kawalan teksi telah ada, macam menjaga imej negara dan nama baik teksi ini, tetapi adakah kementerian menghantar pasukan penguatkuasa untuk menjalankan spot check misalnya, satu malam saya menaiki bas ekspres dari Butterworth, sampai di Puduraya pukul 2.30 pagi. Saya minta sebuah teksi untuk balik ke Subang Jaya dan saya tanya dia berapa harga. Dia kata "bayar RM25". Saya tidak mahu. Saya kata "ikut meter, tambah lagi 50%". Dia tidak mahu, semua tak mahu, bukan satu sahaja tidak mahu, satu baris semua tidak mahu. Akhirnya sebuah kereta sapu, saya pun tidak tahu dia 'sapu'. Dia satu orang datang tanya saya "Encik mahu pergi mana?" Saya cakap "Subang Jaya". "Bayar saya RM15 sudah". Saya ingat ini teksi apa, pasal tidak serupa orang lain. Orang semua minta RM25, dia minta RM15. Terus saya ikut dia, dia bawa ke lorong sana, dia hantar saya ke Subang Jaya, RM15. Naik kereta itu baru tahu dia 'sapu'.

Lagi satu contohnya, adakah kementerian menghantar pasukan pergi ke Terminal 3, di hadapan Terminal 3 sebelah jalan bawah jejantas itu. Teksi banyak tunggu di sana, tetapi tidak ada orang mahu jalan ikut meter. Semua mahu cakap satu harga, tidak mahu ikut meter. Jadi apa gunanya peraturan-peraturan yang ada tetapi pemandu-pemandu teksi tidak mahu ikut dan kerajaan tidak ambil tindakan terhadap mereka. Inilah yang akan menjatuhkan imej negara. Orang tempatan, dia buat macam ini bagaimana pula orang asing?

**Dato' Idris bin Jusoh:** Ini masalah pembangkang. Dia tidak tahu kita telah mengambil tindakan sehingga kini banyak permit yang telah kita batalkan. Dia pula pergi naik 'prebet sapu'. Ini masalah dia. Sepatutnya dah tahu teksi tidak mahu pergi, beri nombor kepada kita. Yang mana betul-betul tidak mahu mengambil penumpang, memang kita akan mengambil tindakan yang serius, jangan pergi naik prebet sapu pula. Itu sudah menyalahi undang-undang dan memang kita handicap, dengan izin, tentang jumlah penguatkuasaan ini. Kita hanya ada 17 pegawai penguat kuasa yang mengadakan penguat kuasa seluruh negara kita. Penang lagi, Bagan lagi, Kuala Lumpur lagi, Johor, tetapi jika tidak ada rakyat Malaysia yang ingin memberi maklumat, kita tidak boleh dapat menjalankan penguatkuasaan yang berkesan. Walau bagaimanapun di masa-masa akan datang kita harap Yang Berhormat dari Bagan boleh memberi maklumat-maklumat kepada kementerian dan kita boleh mengambil tindakan yang lebih berkesan.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Terima kasih, Yang Berhormat. Saya minta, adakah dengan ini menunjukkan Yang Berhormat dari Bagan tidak tahu menjalankan tugas. Sebenarnya kita sebagai Ahli Parlimen, kita boleh membantu kementerian dengan membuat laporan ataupun kerana mereka tengok muka Yang Berhormat muka pembangkang, maka mereka tidak mahu bawa. Mungkin..Yang Berhormat bersetuju dengan saya? *[Ketawa]*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Bagan bangun pula.

**Dato Idris bin Jusoh:** Nanti saya jawab dulu?

**Tuan Lim Hock Seng:** Tak payahlah, sekali boleh jawab, jawab dia, jawab saya juga. Tuan Yang di-Pertua, saya bawakan perkara ini dan jikalau Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak percaya, bolehlah satu malam kami pergi ke sana, Puduraya. Tiap-tiap malam ada di sana. Saya boleh tentukan, tiap-tiap malam ada berlaku hal ini. Kita pergi bersama-sama. Jikalau hendak saya mencatatkan nombor, masa, AP nombor semua, nanti mungkin ada lawan, bergaduh, tumbuk pula. Saya pernah nampak ada pemandu teksi bergaduh dengan penumpang. Dia kata "jangan mahu jalan dengan meter". Penumpang tidak mahu. Tidak mahu, tidak apa, saya tulis nombor nanti saya report kepada kementerian atau kerajaan. Pemandu teksi itu bergaduh dengan penumpang itu, bertumbuk-tumbuk sana, mahukah saya buat perkara ini? Walaupun boleh kata secara diam-diam saya tulis, tetapi siapa mahu menjalankan hal ini dengan membebaskan diri sendiri, dengan membangkitkan berbagai-bagai kesusahan, nanti kena panggil untuk temu duga untuk soal siasat, ini dan itu. Mungkin kalau hendak pergi ke court, hendak pergi ke court lagi. Ha, inilah orang tidak mahu, baiklah menggaji lebih kakitangan untuk pergi buat spot check. Jikalau sudah tahu tempat itu ada berlaku masalah ini, pergilah spot check di sana. Tidak payah tunggu orang ramai untuk membuat laporan.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Penjelasan, Timbalan Menteri. Penjelasan, sekejap lagi Timbalan Menteri jawab.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat hendak minta penjasankah atau hendak buat penjelasan?

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Saya hendak minta penjelasan kenen balik kepada 'menteri' itu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Dari siapa?

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Dari Timbalan Menteri kenen balik ke Bagan..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Dari Bagan tidak boleh.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Tidak boleh, sebab Bagan sama tarafnya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Dari Timbalan Menteri, saya benarkan.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Terima kasih. Sebenarnya Dato', bermaknanya Bagan telah gagal menjalankan tugas beliau sebagai Ahli Parlimen. Dia dapat elaun tiap-tiap bulan, tidak berani. Benda macam itu sikit pun tidak berani. Apa salah kita ambil report, senyap-senyap kita beritahu menteri, pergi report ataupun naik teksi terus suruh dia hantar ke Balai Polis Bandar, kita masuk sana kita buat report, jadi

kalau Yang Berhormat seorang pemimpin dalam DAP termasuk Kepong, kalau tidak berani menghadapi cabaran yang begitu kecil, Yang Berhormat tidak layak jadi wakil rakyat. Yang Berhormat tidak mahu susah, tidak mahu susah dalam menjalankan tugas dan Yang Berhormat juga tiap-tiap malam pergi Pudu buat apa?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat tidak boleh cagak kepada Bagan dengan begitu sahaja.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Yang Berhormat Timbalan Menteri setuju?

**Dato' Idris bin Jusoh:** Setuju, setuju, saya setuju, Kepong tidak payah bangulah, duduk, duduk. Jadi sebab itulah saya mengatakan tadi jika setiap rakyat dan penumpang memberi maklumat kepada kementerian, insya-Allah kita akan dapat menjalankan tanggungjawab dengan baik, dengan lebih teliti. Memang wujudnya perkara-perkara demikian seperti mana yang dikatakan oleh Yang Berhormat dari Bagan tadi dan saya akan cubalah ke sana untuk meninjau sendiri. Kita telah beberapa kali membuat tinjauan di Puduraya dan juga di Hentian Putra untuk pastikan perkara ini tidak berlaku dan saya akan beri maklumat ini kepada pegawai penguat kuasa supaya penguatkuasaan di tempat-tempat berikut akan dipertingkatkan lagi.

Untuk memastikan agar pemandu-pemandu mendapat pendapatan lebih baik, sebab itulah lebih setahun yang lalu kementerian telah menaikkan tambang teksi yang mana mengikut jangkaan, jika pemandu itu bekerja 8 jam sehari, mereka akan mendapat ganjaran sebanyak RM1,200 sebulan. Dua, tiga hari yang lalu pun di Dewan ini ada seorang Yang Berhormat mengatakan yang pemandu airport limo tidak mendapat ganjaran yang baik. Pada tengah hari itu kebetulan saya ke airport, saya terus bertembual dengan pemandu-pemandu daripada airport. Di sana saya berjumpa dengan former remisier, dengan izin, bekas-bekas remisier, bekas-bekas peniaga yang memandu teksi airport limo yang memberitahu saya mereka mendapat pendapatan hampir RM1,500 sebulan. Ini merupakan satu pendapatan yang agak lumayan.

Sebab itulah saya mengatakan kita di kementerian memastikan agar industri itu akan menjadi bertambah baik. Kita menaikkan tambang, kita pastikan agar pengusaha-pengusaha mengadakan kebajikan kepada pemandu. Kita memantau syarat perkhidmatan di antara majikan dengan pengusaha. Sebab itulah kita pastikan agar pengusaha mencarum KWSP dan Socso kepada pemandu-pemandu. Kita pastikan agar pengusaha memberikan kemudahan perubatan kepada pemandu-pemandu. Kita pastikan mereka juga kalau sebelum ini tidak ada cuti tahunan, cuti sakit, rehat tahunan, sekarang ini mereka dimestikan memberi cuti rehat tahunan sebanyak 12 hari kepada pemandu-pemandu.

Justeru itu dengan langkah-langkah yang telah diambil oleh kementerian kebelakangan ini kita lihat sudah ada pengusaha-pengusaha yang memberi anugerah pemandu cemerlang kepada pemandu-pemandu mereka. Ada di antara mereka yang telah mendapat anugerah berupa hadiah pergi mengerjakan Umrah, hadiah bercuti di Langkawi, Sabah, Sarawak dan sebagainya, sebagai imbuhan kepada pemandu-pemandu yang memberi perkhidmatan yang baik kepada syarikat mereka.

'La ni', Yang Berhormat dari Yan untuk memastikan yang kemudahan-kemudahan kepada pemandu-pemandu itu bertambah baik, baru-baru ini kementerian telah memberi 100 permit teksi kepada sebuah syarikat bernama Avenue Drive kepunyaan pemandu-pemandu sendiri. Dalam syarikat ini pemandu-pemandu tidak perlu lagi membayar sewa harian, mereka hanya perlu membayar yuran pengurusan sebanyak RM150 sahaja sebulan kepada syarikat tersebut untuk menguruskan urusan-urusan berkenaan dengan teksi mereka. Kita berharap jika syarikat ini berjaya memberi

perkhidmatan yang baik, insya-Allah kita akan menambah permit mereka dan masalah-masalah yang dihadapi oleh pemandu itu akan berkurangan. Ini juga akan memberi satu tamparan kepada pengusaha-pengusaha yang tidak ingin mengurangkan sewa harian mereka. Itu boleh, Yang Berhormat dari Yan?

Yang Berhormat dari Senai ada mempersoalkan tentang Giat MARA yang mengatakan banyak daripada pelatih yang lulus daripada kursus Giat MARA tidak pandai menjadi usahawan. Sememangnya asasnya mereka ini diberi latihan kemahiran bukan latihan keusahawanan. Walau bagaimanapun, kebelakangan ini pihak Giat MARA telah mengadakan kemahiran pengurusan kepada pelatih-pelatih mereka. Ini bermula pada 15 Januari tahun lalu, di mana semua pelatih Giat MARA didedahkan kepada cara-cara penubuhan syarikat, cara-cara pengurusan kewangan, pengurusan pemasaran dan juga pengurusan pengeluaran. Ada juga di antara mereka setelah keluar dari Giat MARA telah menubuhkan syarikat-syarikat mereka sendiri dan sehingga kini kita telah mempunyai 1,070 syarikat yang telah ditubuhkan oleh bekas pelatih Giat MARA itu sendiri. Pihak Giat juga telah mengadakan satu program yang dipanggil Program Putih, yang mana lepasan Giat MARA, IKM dan sebagainya diberi latihan yang lebih intensif untuk menjadikan mereka usahawan-usahawan.

Untuk soalan daripada Yang Berhormat dari Parit Sulong tentang perkembangan syarikat multimedia yang masih didorong oleh market forces yang mana mengatakan syarikat bumiputera perlu diberi pinjaman modal. Sebenarnya kita ada Dana Pengkormersialan R&D yang diwujudkan sebagai insentif kepada industri untuk mengkormersialkan hasil-hasil pelaburan dalam penyelidikan dan pembangunan. Ini berbentuk geran sebahagian dan para usahawan bolehlah menghubungi Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia (MTDC) untuk mendapatkan bantuan.

Yang Berhormat dari Bukit Mas juga mencadangkan supaya MARA mendirikan IKM di kawasan Bukit Mas kerana katanya kawasan ini adalah kawasan yang besar. Buat masa ini Institut Kemahiran Mara (IKM) hanya dibina sebuah sahaja bagi setiap negeri, untuk negeri Sarawak IKM telah ditubuhkan di Petra Jaya, Kuching. Di sana terdapat lapan jenis kursus yang ditawarkan, oleh itu Yang Berhormat dari Bukit Mas tidak ada 'canlah' kerana telah dibina di Petra Jaya.

Memandangkan kawasan Bukit Mas adalah kawasan yang besar MARA juga telah menubuhkan Pusat Giat bagi setiap kawasan Parlimen untuk membantu masyarakat tempatan menjalankan aktiviti latihan kemahiran. Kini terdapat sebuah Pusat Giat di kawasan berkenaan, ia ditubuhkan pada 1 September 1993 beralamat di No. 1, Kuarters Kerajaan, Pejabat Daerah Kecil Sundar, Sundar Sarawak.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat dari Bukit Mas bangun.

**Tuan Michael Lisa Kaya:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya minta penjelasan. Sebetulnya saya mencadangkan supaya MARA dapat mempertimbangkan oleh kerana kawasan saya Bukit Mas itu di sebelah hujung Sarawak dan kalau kita bandingkan jarak dari Kuching ke Limbang, seperti dari Alor Setar ke Johor Bharu dan oleh kerana itu pada mesyuarat yang lalu saya menjemput supaya Pengerusi MARA datang ke kawasan saya dan Yang Berhormat juga pergi ke sana. Saya mencadangkan kalau boleh supaya ditubuhkan satu IKM kalau tidak cara yang lain supaya orang di kawasan utara Sarawak ataupun di sebelah selatan negeri Sabah, Beaufort, Sipitang, Keningau, dapat pergi ke kawasan saya untuk melanjutkan pelajaran khusus untuk bumiputera kerana di sebelah sana banyak orang daripada masyarakat bumiputera. Saya minta penjelasan dari Yang Berhormat Dato' Timbalan Menteri.

**Dato' Idris bin Jusoh:** Terima kasih, Yang Berhormat dari Bukit Mas, saya bersimpatilah dengan rayuan daripada Yang Berhormat dari Bukit Mas dan kita akan

membawa perkara ini kepada kementerian untuk pertimbangan. Walaupun negeri lain ada sebuah mungkin Bukit Mas yang dikatakan jauh, mungkin kita bawa kepada Majlis untuk pertimbangan selanjutnya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat dari Batang Lupar bangun.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Saya sebenarnya kena ada pencadang, jadi saya menyokonglah di Bukit Mas itu diadakan ITM oleh kerana dua, tiga faktor. Faktor yang pertama, lebih kurang 1,200 km dari Kuching. Faktor yang kedua, kalau orang dari Limbang ini hendak pergi ke Kuching kena menerusi Brunei, pasport sekarang sudah mahal harganya, jadi kalau hendak bawa budak menerusi Brunei, mahal sangat. Jadi ini mendorong kepada keperluan di kawasan Limbang, Lawas, jadi itu saya sokong Bukit Mas.

**Dato' Idris bin Jusoh:** Terima kasih, Yang Berhormat dari Batang Lupar. Seterusnya Yang Berhormat dari Yan ada mengatakan tentang pelajar-pelajar yang menentang kerajaan. Sebenarnya Pengerusi MARA telah dua kali membuat kenyataan akhbar agar pelajar-pelajar MARA tidak terlibat dalam aktiviti menentang kerajaan dan sehingga kini kita tidak menerima apa-apa laporan mengatakan penglibatan pelajar-pelajar MARA dalam aktiviti yang kurang sihat ini.

Untuk cadangan Yang Berhormat dari Rompin dan Kangar tentang mengadakan program untuk siswazah-siswazah yang menganggur, lepasan universiti yang tidak dapat mencari kerja. Sebenarnya kementerian telah melancarkan program ini pada 1 April 1998 yang diberi nama Skim Usahawan Siswazah (SUS) yang mana sehingga kini kita telah mendapat permohonan sebanyak 1,379 siswazah untuk menyertai skim ini dan daripada itu 742 telah dijemput untuk menghadiri latihan. Walau bagaimanapun, daripada 742 yang dijemput untuk mengikuti latihan hanya 269 sahaja yang telah mengikuti latihan.

Dalam pada itu kita membuat beberapa anggapan yang tidak tepat di mana kita rasakan oleh kerana negara kita menghadapi kegawatan ekonomi ramai di antara siswazah tidak akan mendapat kerja dan kita menawarkan gaji yang hanya dilingkaran RM800 sahaja yang tidak digemari oleh mereka. Apabila mereka bekerja di bawah skim ini, seminggu, dua minggu selepas mereka bekerja dan apabila mereka mendapat tawaran gaji lebih baik mereka terus meninggalkan skim ini. Skim ini sedang direview, dengan izin di kementerian agar ianya menjadi lebih berkesan.

Yang Berhormat dari Pasir Mas menyatakan tentang konsep payung bagi kontraktor agar ianya dimansuhkan. Perkara ini adalah bukan di bawah bidang kuasa Kementerian Pembangunan Usahawan. Ianya di bawah bidang kuasa Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan saya tidak bercadang untuk menjawab soalan tersebut.

Yang Berhormat dari Sepang juga telah menyatakan tentang pelajar-pelajar. Sebenarnya pelajar-pelajar lepasan MARA sama ada daripada MRSM ataupun daripada institusi pengajian yang ditaja oleh MARA akan diberi keutamaan dalam mempertimbangkan kemudahan pinjaman terutama kepada golongan yang berpendapatan rendah. Bagi membantu golongan ini, pihak MARA telah bersetuju untuk mengeluarkan pinjaman pendahuluan sebanyak RM1,000 kepada pelajar-pelajar daripada keluarga miskin yang berpendapatan kurang daripada RM1,000 sebulan untuk mendaftar diri di IPT tempatan.

Pengiriman pelajar-pelajar ke luar negara di peringkat pra universiti dan ijazah pertama telah .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat ...

**Dato' Idris bin Jusoh:** .....dihentikan sejak tahun 1997.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin [Yan]:** Last, soalan last. Satu saya nak minta, saya nak minta buka apa, Tuan Yang di-Pertua, nak minta boleh tambah tak peruntukan itu daripada RM1,000 itu naik sikit. Pasal surat yang kita terima, ini pada bawah saya ini ada tiga, habis-habis tak ada pun RM1,400 itu minimum. Jadi, bolehkah kementerian mencadangkan naik lagi RM500 jadi RM1500, hak lain itu bolehlah mak bapa dia top-up. Terima kasih.

**Dato' Idris bin Jusoh:** Oleh kerana kegawatan, kementerian semalam memikirkan untuk mengurangkan, tapi Yang Berhormat dari Yan [*Ketawa*] suruh tambah. Ini tak apalah kita balik bincang semulalah tentang perkara ini.

Walau bagaimanapun, hingga kini 37 orang sahaja pelajar pra universiti telah dikirimkan ke luar negara pada tahun 1998 berasaskan kepada kecemerlangan akademik dan kursus-kursus yang kritikal sahaja.

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dan kita harap belanjawan ini akan dapat dimanfaatkan dengan sebaik-baiknya oleh Kementerian Pembangunan Usahawan. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Tuan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Jabatan Perdana Menteri.

#### 4.01 ptg.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan Belanjawan 1999 ini. Ahli-ahli Yang Berhormat dari Tanjong, Jelutong, Marang, Kubang Kerian, Cheras, Bandau, Tumpat, Tuaran, Yan, Kuala Pilah, Machang, Telok Intan, Balik Pulau dan Ledang telah menyentuh perkara-perkara di bawah tanggungjawab Jabatan Perdana Menteri.

Sesungguhnya Jabatan Perdana Menteri menghargai pandangan, teguran dan cadangan Ahli-ahli Yang Berhormat itu. Yang Berhormat Tanjong telah membangkitkan beberapa perkara berhubung dengan perkara-perkara berikut:

- (i) perbandingan Belanjawan 1998 dan Belanjawan 1999;
- (ii) perlucutan jawatan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar Ibrahim dan perlantikan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Berhormat Dato' Mustapa bin Mohamed, sebagai Menteri Kewangan I dan II;
- (iii) krisis keyakinan terhadap kebebasan dan kesaksamaan badan kehakiman;
- (iv) undang-undang ISA;
- (v) mob-rule atau dengan izin street violent;
- (vi) kecederaan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar Ibrahim;
- (vii) ruang untuk rakyat bersuara;
- (viii) bail-out dan kapitalisma kroni;
- (ix) Koridor Raya Multimedia (MSC);
- (x) laman-laman web di sektor awam;
- (xi) ketidakyakinan rakyat terhadap sistem kehakiman di negara ini; dan
- (xii) peraturan ketelusan yang dicadangkan oleh Pelan Pemulihan Ekonomi Negara (PPEN) dan Majlis Tindakan Ekonomi Negara.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk memperjelaskan satu persatu perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tanjong itu. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Tanjong, Belanjawan 1999 memang berbeza dengan Belanjawan 1998. Ini disebabkan masalah ekonomi yang sedang dihadapi sekarang sebagaimana yang telah dijelaskan banyak kali sebelum ini adalah akibat daripada spekulator mata wang asing dan manipulator pasaran saham. Oleh itu Belanjawan 1998 telah dirangka untuk mengatasi masalah yang dihadapi.

Walaupun kita tidak menerima bantuan IMF, tetapi kita telah cuba mengikut panduan dan nasihat yang diberikan oleh IMF dan ianya telah terbukti tidak berkesan malah menyebabkan keadaan ekonomi bertambah teruk. Oleh itu tindakan serta merta telah diambil dengan melaksanakan langkah-langkah yang lebih diyakini dan yang akan dapat merangsangkan pertumbuhan ekonomi. Berdasarkan pengalaman-pengalaman tersebut, dan melalui Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN), beberapa kaedah dan pendekatan yang lebih menyakinkan telah dirangka. Semua perkara ini telah diambil kira untuk penyediaan Belanjawan 1999.

Sebelum serangan oleh spekulator mata wang dan manipulasi pasaran saham, syarikat-syarikat yang besar dan berdaya maju ini telah berjaya menjalankan urusan perniagaan mereka dengan baik dan menguntungkan. Syarikat-syarikat ini kemudiannya telah menghadapi masalah setelah serangan-serangan dilakukan oleh spekulator mata wang dan manipulasi pasaran saham ini. Syarikat-syarikat ini merupakan syarikat yang maju dan menyediakan pekerjaan kepada sebilangan besar rakyat dan merupakan penyumbang hasil cukai yang besar kepada kerajaan. Masalah-masalah yang dihadapi adalah bukan disebabkan oleh salah laku pentadbiran atau penyalahgunaan wang syarikat. Oleh itu syarikat-syarikat sebegini harus dibantu untuk memastikan ianya terus dapat meningkatkan aktiviti-aktiviti perniagaan mereka dan dapat terus menyediakan pekerjaan kepada rakyat kita.

Kerajaan tidak mempunyai niat atau maksud untuk menyelamatkan kepentingan individu tapi yang lebih penting ialah perniagaan syarikat, peluang pekerjaan, sumbangan dalam bentuk cukai pendapatan dan supaya syarikat-syarikat kita tidak diambil alih atau dimiliki oleh orang-orang luar atau asing dan supaya kita semua tidak hanya dapat menjadi pekerja sahaja dan bukan lagi pemilik syarikat.

Mengenai kesahihan perlucutan jawatan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar Ibrahim dan perantikan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebagai Menteri Kewangan I.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat Tanjong bangun.

**Tuan Lim Kit Siang:** Adakah daripada jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai rasional untuk bail-out dan lain-lain, bererti bahawa tidak langsung apa-apa syarikat di negara kita yang ada salah, ada penyalahgunaan kuasa, ada salah pengurusan, semua itu perfect, sempurna dan semua masalah ialah luaran, luar daripada syarikat, luar daripada negara, bukankah ini satu rasional yang tidak boleh diterima oleh sesiapa. Bahawa inilah satu cover-up, bukan sahaja satu bail-out, satu cover-up. Kenapa tidak mahu satu siasatan terbuka kepada semua syarikat yang akan diberi bantuan khas, dibail-out supaya boleh menjamin bahawa segala bantuan ialah kepada syarikat-syarikat yang ada merit bukan kepada syarikat-syarikat terbesar, kepada semua, besar atau kecil.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, saya bercakap tadi bukan secara umum menyatakan bahawa syarikat dalam negara ini tidak ada yang berhadapan dengan masalah-masalah disabitkan oleh kerana salah urus kewangan dan lain-lain. Saya cuma menyatakan di sini iaitu bahawa beberapa syarikat besar yang kita

bantu ini ialah kerana, pertamanya, mereka banyak membayar cukai kepada kita dan banyak memberi pekerjaan kepada ramai orang, tapi saya jelas menyatakan di sini bahawa dalam jawapan saya tadi iaitu kita tidak akan beri bantuan kepada mana-mana syarikat yang melakukan salah laku dari segi mengurus kewangan dan lain-lain dalam jawapan saya tadi.

Jadi bukan saya menyatakan bahawa tidak ada langsung syarikat di Malaysia ini yang terbabit dengan kesalahan-kesalahan itu. Saya cuma menyatakan bahawa kita memberi bantuan kepada syarikat-syarikat ini, tetapi kita tidak akan beri bantuan kepada mana-mana syarikat yang terbabit dengan salah urus pentadbiran dan kewangan. Jadi itulah jawapan saya.

**Tuan Lim Kit Siang:** Baik, sebagai contohnya perkara Renong. Sebenarnya masalah Renong bukan masalah yang baru. Dalam tahun lalu, bulan November apabila ada satu usaha untuk menyelamatkan Renong dengan keputusan UEM untuk membeli saham 30% sudah mencetuskan satu krisis, satu krisis yang begitu besar dalam bursa saham, dalam krisis kepercayaan dan sekarang lagi oleh kerana usaha itu untuk menyelamatkan Renong gagal. Sekarang kita lihat percubaan yang kedua untuk menyelamatkan Renong. Bukankah ini semua semacam Bank Bumiputra dalam 12 tahun, 3 kali untuk bail-out. Semua usaha-usaha yang tidak boleh dipertahankan daripada segi merit, daripada segi viability.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Yang Berhormat, saya ingat soalan ini telah pun dijawab. Dalam jawapan Menteri Kewangan semalam telah pun dibangkit, jadi saya tidak mahu 'repeattative'lah ya. Jadi saya harap supaya kita dapat terus benda yang lain kerana perkara ini telah pun dibincang banyak kali dalam Dewan ini dan telah pun diberi jawapan walaupun mungkin tidak memuaskan hati Yang Berhormat. Jadi saya hendak terus pergi kepada perkara yang lain.

Mengenai kesahihan perlucutan jawatan Dato' Seri Anwar Ibrahim dan perlantikan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebagai Menteri Kewangan I, dimaklumkan perlucutan jawatan telah disahkan melalui gazette atas nama Akta Tugas-Tugas Menteri 1969, Perintah Menteri-Menteri Kerajaan Persekutuan (Pindaan) Tahun 1998 yang telah dikeluarkan di atas titah perintah Yang di-Pertuan Agong pada 5 September mengikut bil. PM(S)11456/13 Jilid.2 PN(PU2)18/13 dan ditandatangani oleh Ketua Setiausaha Negara. Arahan berkuat kuasa pada 3 September 1998.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat ya, Jelutong.

**Tuan R. Karpal Singh:** Terima kasih. Gazette itu ada dikeluarkan bahawa The Ministry of Function Act 1969. Di mana menteri atau Yang di-Pertuan Agong ada diwajibkan untuk wartakan pertukaran kementerian jika seorang menteri pergi cuti luar negeri, siapa yang ganti dia dan sebagainya, bukan untuk seorang yang ada dipecat daripada jawatannya dan adakah nasihat diberi kepada Yang di-Pertuan Agong pada 2 September sebelum jawatan bagi Menteri Kewangan masa itu dan Timbalan Perdana Menteri, nasihat diberi kepada Yang di-Pertuan Agong dan Yang di-Pertuan Agong yang jadi pihak yang membatalkan kedua-dua jawatan menteri ini.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Seperti yang telah dijawab oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia pada 23 September yang lepas, iaitu nasihat telah pun diberikan kepada Yang di-Pertuan Agong berkenaan dengan perkara ini. Jadi seperti mana Yang Berhormat tahu iaitu di negara Malaysia ini, kita mengamalkan demokrasi berparlimen, raja berperlembagaan bermakna iaitu bahawa dia sekadar hanya memberikan makluman kepada Agong itu sudah memadai untuk menyatakan bahawa nasihat telah diberi. Dia tidak ada satu bentuk dalam kata suratkah, bagaimana nasihat itu diberi. Jadi sebab itu dari sudut pandangan kerajaan, kita telah pun menasihatkan kepada

Agong pada 2 September seperti mana yang telah disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

**Tuan R. Karpal Singh:** Kenyataan surat khabar yang ada dikeluarkan oleh Jabatan Perdana Menteri bertarikh 2 September, di mana diumumkan jawatan Menteri Kewangan dan Timbalan Perdana Menteri ada dilucut dan Yang di-Pertuan Agong ada dimaklumkan, bukan Yang di-Pertuan Agong ada dinasihatkan dan atas nasihat itu kedua-dua jawatan menteri ini ada dilucutkan. Adakah itu benar, don't mislead this House, kerana tidak ada, tidak ada nasihat diberi sebelum kedua-dua jawatan ini dilucutkan. Ada dimaklumkan sahaja dan dalam perkara 43(5) apa yang ada di sana adalah. Ini, "the revocation of the post of any minister shall be on the advice of the Prime Minister by the Yang di-Pertuan Agong" bukan maklumkan, memberi nasihat dan nasihat itu boleh diterima atau tidak boleh diterima oleh Yang di-Pertuan Agong. Yang di-Pertuan Agong adalah pihak yang melucutkan satu jawatan bagi seorang menteri.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, saya seperti mana yang saya sebut tadi, saya tidak 'mislead House' sebab saya sebut tadi bahawa kita bukanlah satu specified form, apakah yang dikatakan sebagai nasihat dan apakah sebagai makluman. Jadi Yang Berhormat, saya sebut tadi bahawa di negara kita, kita mengamalkan sistem demokrasi berperlembagaan yang mana Yang di-Pertuan Agong tidak ada kuasa, Yang Berhormat pun belajar 'constitutional law' waktu kita ambil undang-undang dulu, sebenarnya apa yang Perdana Menteri harus buat cuma maklumkan sahaja dan maklum itu nasihat kerana Yang di-Pertuan Agong sebenarnya ia tidak ada kuasa untuk menolak apa yang telah diputuskan oleh Perdana Menteri dan ini adalah hak Perdana Menteri. Jadi sebab itu kadangkala maklum itu pun merupakan satu nasihat sebab tidak pernah dalam sejarah kita, soal on the advice ini, kalau kita tengok dalam undang-undang di negara Britain pun on the advice sebenarnya itu sudah pasti diterima. Jadi di sini juga iaitu bila kita maklum, mesti diterima. Yang perlu hanya dimaklumkan kepada Agong.

**Tuan R. Karpal Singh:** Nasihat, nasihat dan maklumkan, ini ada perbezaan. Itu, boleh terima itu? Ada perbezaan bukan? Dan maklumkan selepas melucutkan jawatan dia oleh Perdana Menteri bukan oleh Yang di-Pertuan Agong. Bukan sebelum tetapi selepas. Walaupun maklumkan boleh diterima, in logical, boleh diterima sebagai nasihat tetapi selepas fact accomply, bukan putting the horse before the cart. Putting the cart on the horse. Itu apa yang jadi.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Kita dengan raja ini takkan kita kata Perdana Menteri perintah kepada Agong untuk terima, kita guna ayat yang baik, nasihat, nasihat itu macam orderlah. Itu sahaja. Ayat ini juga macam di United Kingdom, dia tidak akan kata Perdana Menteri orders the Queen, advice the Queen, sebab 'advice' ini kata lembut dari segi memaklum. Memang dari segi adat kita, kita hendak sebut maklum, takkan kita hendak kata maklum, kita nasihat, 'nasihat' itu bunyinya lebih sedap daripada maklum ataupun order. Jadi sebab itu kita menggunakan perkataan 'nasihat' dan saya harap Yang Berhormat jangan fikirkan bahawa nasihat ini seperti advice, 'advice' yang dimaksudkan dengan advice. Kita 'nasihat' kerana itu merupakan perkataan yang baik yang boleh kita berikan untuk memberi arahan kepada Agong. Jadi nasihat itu sebenarnya arahan kepada Agong.

**Tuan R. Karpal Singh:** Timbalan Menteri adalah seorang lawyer.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Saya belum jawab satu lagi, satu lagi.

**Tuan R. Karpal Singh:** No, no, no.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Lepas ini bangun, tiada masalah.

**Tuan R. Karpal Singh:** No, no, no.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Ini satu lagi.

**Tuan R. Karpal Singh:** Sudah beri jalan tadi.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Takutkah, sudah beri saya jawab dahulu.

**Tuan R. Karpal Singh:** No, no, no.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Takut, takut, takut.

**Tuan R. Karpal Singh:** Cannot, once I go on the way, ini Peraturan Mesyuarat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Tidak apa. Tidak apa Yang Berhormat.

**Tuan R. Karpal Singh:** Alright, saya terima 'maklum' boleh jadi advice. Adakah makluman diberi kepada Yang di-Pertuan Agong sebelum atau selepas perlucutan jawatan itu. Just answer that. Ha, yes or no. Jangan main-main. Sebelum atau selepas jawatan dia dilucutkan. Jangan lebih daripada itu, yes or no.

**Ahli Yang Berhormat:** [Ketawa].

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Sebelum, selepaskah, apabila kita maklum, kalau kita sebagai contohlah kalau macam Perdana Menteri dia umum dulu, ya, dia umum seperti juga macam perlantikan menteri-menteri. Bila kita umum dulu, kemudian baru kita angkat sumpah di hadapan Agong, itu biasa. Macam sayalah kali pertama jadi Timbalan Menteri, diumumkan dalam surat khabar, diumumkan dalam televisyen, diumumkan dalam radio tetapi itu pada hari Jumaat, hari Isnin itu besok baru angkat sumpah. Baru betul jadi Timbalan Menteri atau jadi Menteri. jadi ini soal prosedur sahaja, jadi tidak berbangkit sama ada valid, tidak valid. Kita boleh umum dulu, kemudian kita baru angkat sumpah, itu biasa tidak ada masalah, sebab macam kita jadi Ahli Parlimen, kita dipilih dulu oleh rakyat jadi Ahli Parlimen lepas itu baru angkat sumpah. Itu biasa, dulu atau akhir tidak berbangkit. Tidak menjejaskan kesahihan perlantikan jawatan-jawatan menteri itu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Ya, Tanjung Karang.

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Terima kasih, saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kalau mengikut daripada Jelutong, makluman kepada Yang di-Pertuan Agong pada 2 haribulan dan kalau saya tidak silap, jawatan Menteri Kewangan yang baru, Menteri Kementrian I, Menteri Kewangan II ini, dilantik pada 5 haribulan kalau tidak silap, bermakna ada tiga hari jarak di situ. Jadi bermakna, dalam tiga hari itu, saya rasa apabila lantikan Menteri Kewangan yang baru dibuat, saya rasa Yang di-Pertuan Agong telah mengikut Perlembagaan negara kita. Dalam Perlembagaan 43(2)(b) bermakna atas nasihat Perdana Menteri, Yang di-Pertuan Agong hendaklah melantik menteri-menteri lain dari antara mana-mana ahli Majlis Parlimen. Jadi, di situ sudah jelas nampak, dia maklum bermakna tiga hari pada masa itu Agong sudah tengok, dia terima dengan makluman yang diberi maka dia lantik pada 5 haribulan dan ini tidak bercanggah dengan Perlembagaan. Saya hendak tanya pandangan Yang Berhormat Timbalan Menteri, mungkinlah kalau hendak kira kata bekas Timbalan Perdana Menteri hendak kira tarikh bersara dia, kalau tarikh bersara dia mungkin kena mulai daripada 5 haribulanlah bukan daripada 2 haribulan saya rasa. Jadi yang Jelutong bangkitkan ini yang sudah tiga kali dia bangkitkan dalam Dewan, naik jemu kita dengar, benda yang sama, ini bukannya mahkamah hendak buktikan betul atau tidak. Ini hanya pentadbiran, saya yakin dalam tempoh tiga hari itu, maka nasihat atau maklum itu, Yang di-Pertuan Agong fikirkan bahawa makluman itu sebagai nasihat dan dia telah melantik Menteri Kewangan yang baru mengikut Perlembagaan 43(b). Jadi saya ingat tidak ada bercanggah dengan Perlembagaan.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, yang itulah saya hendak jelaskan ini pun iaitu bahawa [*Ketawa*] – sebab saya sudah kata iaitu bahawa titah perintah keluar pada 5 September, mengikut bilangan PNF tadi dan ditandatangani oleh Ketua Setiausaha Negara kerana arahan berkuat kuasa itu kepada tiga. Jadi tidak berbangkitlah soal sebelum ke, selepas ke .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Ya, Tanjong.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, ini satu perkara yang sangat serius dan apa Yang Berhormat Timbalan Menteri kemukakan nampaknya satu teori constitutional yang sangat bahaya subvert yang boleh disifatkan sebagai sangat subversif dan tentu akan memeranjatkan semua peguam dan pakar-pakar Perlembagaan di dalam atau di luar negeri. Di mana Yang Berhormat Timbalan Menteri kata bahawa ‘maklum’ sama dengan ‘nasihat’ tetapi apa yang lebih mustahak di sini, sungguhpun tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada sebut mengenai gazet, itulah gazet oleh Ketua Setiausaha yang tidak bersangkutan paut secara langsung dengan sama ada Perkara 43(5) ada diikuti dan 43(5) berbunyi,

*“Tertakluk kepada Fasal (4), Menteri-menteri yang lain daripada Perdana Menteri adalah memegang jawatan selama diperkenankan oleh Yang di-Pertuan Agong melainkan jika perlantikan mana-mana Menteri telah dibatalkan oleh Yang di-Pertuan Agong atas nasihat Perdana Menteri tetapi mana-mana Menteri boleh meletakkan jawatannya”.*

Oleh kerana tidak ada perletakan jawatan perkara di sini ialah sama ada Yang di-Pertuan Agong adalah membatalkan Yang Berhormat dari Permatang Pauh sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, ada dua langkah di sini yang pertama, adakah nasihat diberi kepada Yang di-Pertuan Agong oleh Perdana Menteri untuk melucutkan atau untuk membatalkan perlantikan Yang Berhormat dari Permatang Pauh.

Kedua, sama ada selepas nasihat diberi Yang di-Pertuan Agong adalah bertindak atas nasihat itu untuk membatalkan kedudukan Yang Berhormat dari Permatang Pauh selaras dengan Perkara 43(5). Itu kita mahu tahu sahaja, bukan sama ada gazet dikeluarkan pada tiga hari atau empat hari kemudian. Tetapi pada 2 September – pertama, adakah nasihat diberi oleh Perdana Menteri kepada Yang di-Pertuan Agong untuk membatalkan, kalau ada, masa bila? Yang kedua, apabila dinasihatkan adakah Yang di-Pertuan Agong bertindak atas nasihat itu untuk membatalkan perlantikan? Kalau tidak ada nasihat diberi, ‘maklum’ sahaja oleh kerana tindakan sudah dibuat bukannya ini bercanggah dengan Perkara 43(5) dan yang lebih mustahak ialah saya mahu tanya, pendapat yang diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa ‘maklum’ cukuplah tidak payah apa-apa nasihat dan tindakan atas nasihat. Adakah pendapat Yang Berhormat Timbalan Menteri sendiri atau pendapat Peguam Negara. Adakah ini satu pendapat rasmi kerajaan atas pendirian Peguam Negara. Ini mustahak oleh kerana apa yang kita bincang di sini akan menjadi satu panduan oleh peguam-peguam dan pakar-pakar Perlembagaan sama ada Perlembagaan kita ‘constitutional law’ kita diturunkan sampai kepada satu tahap di mana ‘advise’ ialah ‘information’ dan tidak perlu untuk Yang di-Pertuan Agong bertindak.

Kalau begitu bukan kita sampai kepada satu tahap di mana Perdana Menteri sudah ketepikan jawatan Yang di-Pertuan Agong. Tidak perlu lagi Yang di-Pertuan Agong, inilah sangat dangerous, sangat berbahaya, sangat subversif kepada sistem prinsip constitutional monarchy. Kita di sini tidak mengeluarkan hak Perdana Menteri untuk melantik sesiapa, lucut sesiapa dalam Kabinet. Itu hak dia. Itulah mengikut sistem parliamentary democracy dan kuasa Perdana Menteri tetapi mesti mengikut cara, kaedah, Perlembagaan yang kita ada. Kalau tidak ikut cara, kaedah Perlembagaan yang kita ada, itulah unconstitutional.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, tidak ada 'unconstitutional'nya sebab saya hendak beritahu tadi kita tidak ada satu specified form apakah yang dikatakan itu 'nasihat', kena isi borangkah, masuk dalam surat apakah. Yang penting ialah kalau Perdana Menteri berjumpa dengan Yang di-Pertuan Agong dia berkata, "Ya Tuanku saya hendak pecat Dato' Seri Anwar," sebagai contoh. Kita boleh ambil itu sebagai maklum, sebagai nasihat kerana tidak perlu jawapan daripada Yang di-Pertuan Agong. Apa yang mereka bincang berdua itu tidak perlu dizahirkan kepada orang tetapi yang pentingnya dimaklumkan kepada Yang di-Pertuan Agong, bermakna nasihat kepada dia. Sebab saya percaya ayat-ayat yang digunakan oleh Perdana Menteri kepada Yang di-Pertuan Agong ialah mengatakan bahawa "Saya hendak pecat Dato' Seri Anwar". Jadi itu boleh dibaca sebagai maklum dan juga boleh dibaca sebagai nasihat.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Parit Buntar bangun.

**Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman:** Tuan Yang di-Pertua, saya bukanlah seorang peguam tetapi bolehlah dikatakan setengah peguam, sebab belajar undang-undang tidak habis.

Dalam peruntukan Perlembagaan apabila Perdana Menteri memaklumkan kepada Yang di-Pertuan Agong tentang pemecatan seorang menteri, kemudian Yang di-Pertuan Agong 'take note', dengan izin. Saya ingin tahu sama ada the very act of taking note, dengan izin, boleh conclude sebagai satu persetujuan untuk pemecatan. Kemudian lagi satu hakikat apabila seorang menteri baru dilantik, apakah ini boleh diiktiraf sebagai sudah diterima perletakan jawatan itu, kalau tidak dia tidak boleh lantik. Tidakkannya kita sampai ada tiga orang Menteri Kewangan. Jadi itu penjelasan yang saya minta.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, saya sudah sebut tadi iaitu bahawa perkara ini tidak ada specified form yang mengatakan macam mana. Jadi kalau hendak dijadikan nasihat, ini ayat yang mesti digunakan kepada Yang di-Pertuan Agong, cakap dengan ayat yang macam ini - itu baru nasihat. "Dengan ini saya nasihatkan kepada Tuanku," itu baru dikira nasihat. Sebenarnya di dalam kita menjalankan kerajaan kita, pentadbiran kita, kita maklum dan Yang di-Pertuan Agong tahu kedudukan beliau iaitu bahawa cukup bagi dia dimaklumkan apa yang dilakukan oleh Perdana Menteri, yang dibacakan sebagai nasihat. Jadi sebab itu kalau kita hendak argue perkara ini tidak habis .....

**Tuan Lim Kit Siang:** *[Bangun]*

**Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, .....

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** .....sebab saya boleh mempertahankan iaitu bahawa maklumat itu merupakan nasihat kerana kita menggunakan perkataan yang baik untuk raja kita.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, ada dua orang peminat ini. Hendak beri jalan kepada siapa?

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta *[memandang ke arah Yang Berhormat dari Pokok Sena]*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Pokok Sena.

**Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Tuan Yang di-Pertua, saya jawab bukan sebagai lawyer tetapi 'lawyer buruk'. *[Ketawa]* Saya hendak tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang dok bangkit perkara ini, adakah tuan tubuh Yang

di-Pertuan Agong itu kompelin apa-apa yang tidak puas hati [Ketawa] Kalau dia tidak kompelin, dia tidak kata apa, yang depa ini dok sibuk peduli apa. [Ketawa]

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, jawapannya kerana Yang di-Pertuan Agong faham dia punya peranan dan tugasnya. Sebab itu dia tidak pernah kompelin tetapi yang banyak kompelin ialah daripada pembangkang.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Kita di sini bukan mahu ada satu borang Yang di-Pertuan Agong. Bagaimana Yang di-Pertuan Agong akan bertindak 'royal form' tidak, tetapi tindakan daripada peringkat ke peringkat perlu diikuti supaya satu keperluan dalam Perlembagaan disempurnakan, act be perfected. Di sini ada dua step, yang pertama ialah ada nasihat diberi oleh Perdana Menteri kepada Yang di-Pertuan Agong. Kedua, di mana Yang di-Pertuan Agong bertindak atas nasihat – dua step. Tetapi di sini sungguhpun Yang Berhormat Timbalan Menteri kata, langkah pertama ada diambil oleh kerana 'maklum' ialah 'nasihat'. Itulah pendapat Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa 'maklum' ialah 'nasihat'. Saya tidak boleh terima tetapi hypothetical dia menerima 'maklum' bentuk itu serupa 'nasihat' tetapi adakah langkah yang kedua diambil di mana Yang di-Pertuan Agong adalah dengan tandatangan revoke, perlu satu tindakan, satu act supaya apa yang diperlukan dalam Perlembagaan be perfected. A perfect act, ini tidak be perfected.

Sebenarnya apabila kita ada perkara maklum, maklum itu ialah keputusan sudah dibuat. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu cara maklum itu adakah secara tulisan dihantar daripada Jabatan Perdana Menteri kepada Yang di-Pertuan Agong atau secara persendirian di mana Perdana Menteri ada mengadap Yang di-Pertuan Agong. Bagaimana?

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Saya sudah cakap tadi bahawa kita tidak ada satu definisi 'nasihat'. Saya ingat masalah ini tidak akan berbangkit kalau Yang Amat Berhormat Perdana Menteri hari itu beri jawapan di sini dia kata "Saya sudah nasihat kepada Agong tentang perkara ini." Saya ingat tentu tidak berbangkit sebab perkataan 'nasihat' digunakan. Tetapi ia berbangkit hari ini kerana Perdana Menteri kata "Saya telah maklum." Itu sahaja. Jadi, penggunaan perkataan ayat 'nasihat' dan 'maklum'.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Saya sudah jelas tadi bahawa kita ada ayat-ayat yang kita gunakan untuk raja-raja kita yang digunakan kepada orang ramai, tetapi kepada raja lebih manis kalau kita kata kita 'nasihat' daripada kita 'maklum'kah ataupun 'arah'kah. Tetapi sebenarnya hakikatnya ialah kita arah kepada dia. Dia hanya terima arahan. Dia tidak ada hak untuk menolak apa juga keputusan yang telah dibuat oleh Perdana Menteri, kerana Perdana Menteri yang dipilih oleh rakyat untuk menjadi pemimpin dalam negara ini. Sebab itu saya ingat hujah ini tidak kehabisan. Sebab itu saya rasa saya sudah maklumkan di sini tentang perkara ini. Izinkanlah saya untuk pergi kepada yang lain pula sebab banyak lagi Yang Berhormat bangkitkan yang saya hendak jawab.

Tuan Yang di-Pertua, perlantikan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Berhormat Dato' Mustapa bin Mohamed....

**Tuan R. Karpal Singh:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Jelutong bangun, Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Beri saya habiskan satu yang ini. Saya tidak beri jalan, you fahamkan. Beri saya habis, adalah progressnya, kalau tidak terbantut di situ.

Perlantikan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Berhormat Dato' Mustapa bin Mohamed sebagai Menteri Kewangan I dan Menteri Kewangan II disahkan melalui gazet atas nama Akta Tugas-tugas Menteri 1969, Perintah Menteri-menteri Kerajaan Persekutuan (Pindaan) No. 2, 1998 yang dikeluarkan di atas Titah Perintah Yang di-Pertuan Agong pada 8 September 1998 mengikut Bil. PM(S) 11456/13 Jld. 2 PM(PU2) 18/13 dan ditandatangani oleh Ketua Setiausaha Negara. Arahan ini berkuat kuasa pada 7 September 1998.

**Tuan R. Karpal Singh:** Kami semua tahu mengenai gazet itu. Apa yang penting adalah saya mahu dapat tahu apa yang dikatakan tadi nasihat ada diberi kepada Yang di-Pertuan Agong. Saya mahu dapat tahu ini sahaja, sebelum atau selepas kedua jawatan bagi menteri ini dilucutkan, sebelum atau selepas, itu sahaja. Can you be frank with this House. Lisan atau melalui surat, sebelum atau selepas?

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Okay, Yang Berhormat. Perkara ini adalah perkara serius. Saya tidak ada maklumat pada saya di sini. Jadi, saya tidak boleh jawab spontan di sini. Sebab Yang Berhormat hendak tanya satu perkara yang spesifik, kita boleh minta maklumat selepas ini. Tuan Yang di-Pertua....

**Tuan Lim Kit Siang:** Penjelasan, yang akhir.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tidak payah akhir, boleh lagi.

**Tuan Lim Kit Siang:** Harap akhir mengenai perkara ini. Yang Berhormat Timbalan Menteri kata kalau hari itu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak gunakan perkataan 'maklum' tetapi menggunakan perkataan 'nasihat', perkara isu tidak timbul. Itu tidak tepat, itu tidak betul. Oleh kerana tadi saya sudah sebut ada dua langkah. Langkah yang pertama ialah diberi oleh PM kepada Yang di-Pertuan Agong. Langkah yang kedua ialah tindakan Yang di-Pertuan Agong atas nasihat itu. Adakah langkah yang kedua dibuat supaya satu perfect act di bawah Perlembagaan, itu wujud, dan kalau ada revokasi, bukankah satu pembatalan itu perlu digazetkan. Oleh kerana inilah satu tindakan Yang di-Pertuan Agong yang dibuat di bawah Perlembagaan dan tindakan itu untuk membatalkan perlantikan sesiapa menteri perlu digazetkan, bukan sahaja satu gazet yang dibuat oleh Chief Secretary mengenai perlantikan menteri-menteri yang lain. Ini khusus, bukankah ini perlu digazetkan bahawa ada satu pembatalan dibuat. Tadi saya ada tanya mengenai pendirian constitutional yang ada dibuat dikemukakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah ini pendirian daripada Peguam Negara atau kamar Peguam Negara atau sendiri?

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, Perdana Menteri mengatakan bahawa dia telah maklumkan dan ini merupakan nasihat. Itu kita pakai sebagai perkara yang benarlah. Sebab Perdana Menteri mengatakan bahawa dia sudah maklum. Itu kita guna pakai sebagai nasihat kepada Agong. Jadi, tidak berbangkit di sini soal sama ada ini pandangan kamar Peguam Negara dan sebagainya. Kalau Yang Berhormat rasa tidak puaskah perkara ini boleh kita bangkitkan menerusi apa-apa tindakan dalam mahkamah sebagai persoalan untuk dijawab. Jadi, sebab itu kalau Yang Berhormat merasakan bahawa perkara ini unconstitutional, itu terpulang kepada Yang Berhormat untuk mengambil apa juga remedy yang ada. Jadi, kepada kita, kalau tanya kepada kerajaan, kita telah menasihati dia. Itu pendirian kita. We have advised. Yang lain apa tadi?

**Tuan Haji Noh bin Omar:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, Tanjong Karang bangun. Hendak beri jalan?

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Terima kasih. Saya hendak dapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Daripada sejarah kita, dalam Arkib Negara ataupun di mana-mana sejak kita merdeka, kita dapati terlalu banyak reshuffle Cabinet,

dibuat rombakan Kabinet, dibuat pertukaran menteri begitu banyak. Jadi, memang menjadi satu convention, ataupun ada disimpan di mana-mana Arkib atau di mana-mana tempat yang setiap menteri apabila reshuffle Cabinet mesti ada surat pembatalan itu diberi kepada menteri-menteri yang tidak terlantik semula menjadi menteri. Banyak reshuffle Cabinet, kali ini mungkin tidak berlaku. Sebelum ini selalu. Jadi, ini mungkin Yang Berhormat dari Tanjong hendak tahu barangkali. Jadi, kalau dahulu tidak ada, mengapa sekarang hendak mesti ada. Apa special bekas Menteri Kewangan yang ada. Kalau tidak ada convention mesti ada surat pembatalan daripada Agong, saya rasa kita kena terima sebagai satu convention. Jadi, kalau itu ada memang patutlah kita layan apa yang dia hendak. Tetapi kalau tidak ada, tidak perlulah satu kes ini dibesar-besarkan.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Sebenarnya perkara ini procedural, it follows. Maknanya kalau macam kita menasihatkan kepada Agong untuk membubar Parlimen dan lain-lain itu mesti ada revokasi, itu it follows procedural. Ia bukan unconstitutional. Unconstitutional ialah kita membuat perkara yang tidak diizinkan oleh constitution itu. Sebagai contoh, mungkin kita melakukan satu perkara yang tidak diizinkan oleh constitution. Itu unconstitutional. Tetapi yang lain itu procedural, it follows.

**Tuan Lim Kit Siang:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, Yang Berhormat beri jalan?

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Sabar Yang Berhormat. Sudah lama, bolehlah. Ini banyak lagi. 'Kurang keyakinan' ada lagi.

**Tuan Lim Kit Siang:** Okay.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Kurang keyakinan. Sebab saya hendak....

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Saya ingat saya keluarlah, 'boring'lah. *[Sambil keluar daripada Dewan]*

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tidak mengapa.

**Tuan Lim Kit Siang:** *[Menyampuk]*

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Yang Berhormat hendak jawapan sayakah atau jawapan dia.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Dia tidak mahu beri, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Kedua-dua.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tidak payahlah.

**Tuan Lim Kit Siang:** *[Menyampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Tanjong.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada beri contoh, itu procedural. Itu bukan procedural. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada kata sebagai nasihat oleh Perdana Menteri kepada Yang di-Pertuan Agong untuk membubarkan Parlimen. Tentu, kalau itu tidak digazetkan bahawa Yang di-Pertuan Agong sudah ada bertindak atas nasihat itu, pembubaran ini tidak sah. Sama apabila ada nasihat diberi kepada Perdana Menteri untuk melucutkan atau membatalkan sesiapa menteri, mengikut Perlembagaan 43(5), kalau pembatalan ini tidak dibuat oleh Yang di-Pertuan Agong dan tidak digazetkan, ini tidak sah juga.

Tadi Yang Berhormat dari Tanjong Karang ada kata bahawa masa dahulu apa keadaan. Tetapi sebenarnya peruntukan ini ialah satu pindaan yang baru. Dahulu tidak ada bahagian ini, "melainkan jika perlantikan mana-mana menteri telah dibatalkan oleh Yang di-Pertuan Agong atas nasihat Perdana Menteri." Ini pindaan baru dalam Perlembagaan yang menunjukkan itu adalah maksud dia, ada tujuannya bahawa ini perlu diikuti.

Oleh kerana apa yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri sangat mengelirukan keadaan, adakah kerajaan rela rujukkan perkara ini kepada Mahkamah Persekutuan supaya ada satu opinion di bawah Fasal 130 untuk merujuk kepada Mahkamah Persekutuan oleh Yang di-Pertuan Agong supaya perkara ini dijelaskan. Di sini kita tidak mahu, tujuan kita membangkitkan hal ini kerana kita mahu mencari perkara sahaja tetapi apa yang perlu ialah kita mahu menunjukkan kita mengikut semangat Perlembagaan dan bahawa apa-apa kekeliruan patut dijelaskan. Adakah kerajaan rela bawa kes ini kepada mahkamah, on its advisory opinion?

**Dato' Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Kerajaan rasa tidak ada masalah dalam hal ini, sebab itu buat apa yang kita hendak bawa ke mahkamah, siapa yang merasakan ada kekurangan dialah bawa ke mahkamah, itu terpulang kepada Yang Berhormat. Sebab dari segi kita, mengapa kita hendak bawa pergi ke Mahkamah Persekutuan tentang perkara yang kita mempunyai keyakinan bahawa kita betul. Jadi, kalau ada benda yang kelemahan, kekurangan, itu Yang Berhormat initiate, dengan izin, you are free to initiate and get an opinion.

Tuan Yang di-Pertua, dakwaan Ahli Yang Berhormat dari Tanjong mengenai krisis keyakinan terhadap .....

**Tuan R. Karpal Singh:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Jelutong bangun lagi Yang Berhormat.

**Dato' Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Yang Berhormat, banyak lagi ini Yang Berhormat. Ini ada keyakinan kehakiman, saya akan beri. Nanti dalam keyakinan nanti boleh bangkitkan sekali. Beri saya habiskan dahulu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Dia tidak beri sekarang Yang Berhormat.

**Dato' Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Dakwaan Yang Berhormat dari Tanjong .....

**Tuan R. Karpal Singh:** Point of order.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Point of order yang ke berapa Yang Berhormat?

**Dato' Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Point or order ke berapa?

**Tuan R. Karpal Singh:** Point of order.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, ke berapa Yang Berhormat?

**Tuan R. Karpal Singh:** Peraturan Mesyuarat 1 dalam Peraturan-peraturan Mesyuarat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya.

**Tuan R. Karpal Singh:** Selepas satu pilihan raya, semua Ahli Yang Berhormat yang ada dipilih, yang tidak masuk Senate, yang ada masuk ke Dewan ini, adalah diwajibkan untuk mengikut Peraturan Mesyuarat 1c, Ahli-ahli Mesyuarat mengangkat

sumpah mengikut seperti yang dibentangkan dalam Jadual Keenam dalam Perlembagaan; dan format sumpah itu adalah di antara lain untuk mempertahankan Perlembagaan.

Apa yang timbul hari ini, Timbalan Menteri, Pokok Sena termasuk Tanjong Karang, ketiga-tiga ini tidak mempertahankan Perkara 43(5) Perlembagaan dan oleh itu tindakan harus diambil ke atas ketiga-tiga ini. *[Ketawa]*

**Beberapa Ahli:** Hoi!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, ya, itu bukan point of order untuk kita buat ...

**Tuan R. Karpal Singh:** Tidak menunaikan sumpah yang ada diangkat oleh ketiga-tiga 'ekor' ini dalam Dewan ...

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Tuan Yang di-Pertua, minta tarik balik 'ekor' itu Tuan Yang di-Pertua, ini 'bai' tarik balik 'ekor'.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** 36(6) – tarik baliklah!

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Ya, betul 36(6)! Biadap!

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Ini sudah melampau ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat Jelutong, minta duduk dahulu.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Saya minta Yang Berhormat Jelutong tarik balik ...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat!

**Tuan R. Karpal Singh:** Ini jadi subversion of the Constitution, dia faham! Semua faham, tetapi apa yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak sah, tetapi tiga-tiga ekor mahu ikut Perdana Menteri.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Yang Berhormat, saya minta tarik balik 'ekor'!

**Tuan R. Karpal Singh:** Terus-terang!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Okay Yang Berhormat!

**Beberapa Ahli:** Halau dia, halau dia daripada Dewan!

**Tuan R. Karpal Singh:** Tidak payah jadi seorang lawyer! Apa jadi ...

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Ini 'ekor' jangan pakai ha! Ini bukan Magnum.

**Tuan R. Karpal Singh:** Apa jadi isi kandungan Perkara 43(5) ..*[Pembesar suara ditutup]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat Yan, minta duduk dahulu.

**Tuan R. Karpal Singh:** ..atas nasihat selepas itu melucutkan, bukan apa yang dinyatakan tadi ...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat Jelutong!

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Okay, Tuan Yang di-Pertua, ...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Minta duduk! Saya serahkan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri! Yang Berhormat Timbalan Menteri, ...

**Tuan R. Karpal Singh:** Tuan Yang di-Pertua pun wajib untuk mempertahankan Perlembagaan ....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, point of order yang dibangkitkan itu bukan untuk saya mengulas, Yang Berhormat hanya mengambil kesempatan ....

**Tuan R. Karpal Singh:** Ini Perlembagaan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, saya .....

**Seorang Ahli:** Hoi, jangan argue dengan Speaker.

**Tuan R. Karpal Singh:** Apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak sah, tidak boleh.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Bila you jadi Perdana Menteri, you buatlah you punya cerita.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Point of order Yang Berhormat bangkitkan itu bukan untuk saya putuskan, Yang Berhormat hanya ambil kesempatan untuk bertanya berkaitan dengan peruntukan itu biasanya .....

**Tuan R. Karpal Singh:** Oh, ini point of order, mengambil tindakan ke atas ketiga-tiga ini untuk .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, minta duduk! Sudah selesai!

**Tuan Michael Lisa Kaya:** Jangan soal Speaker.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Yang Berhormat, saya minta lutong ...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, saya sebagai Speaker tidak ada kuasa untuk mengambil tindakan kepada Ahli-ahli, tindakan itu adalah tertakluk kepada Disciplinary Committee dalam House, bukan saya, kecuali kalau ada .....

**Tuan R. Karpal Singh:** Ketia-tiga ini harus dibawa kepada Privileges Committee untuk tindakan diambil ke atas mereka.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Itu terpolang kepada Yang Berhormat untuk merujuk mereka.

**Tuan R. Karpal Singh:** Tujuan .....kepada ketiga-tiga ini sebagai Ahli .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Cukuplah Yang Berhormat!

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Point of order!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya hendak tanya satu perkara ya, supaya kita boleh mengatasi. Kalau sekiranya Yang Berhormat fikirkan jawapan Yang Berhormat itu memakan masa lebih dari pukul 5.30 petang yang dijadualkan, kita kena buat Usul awal untuk sambung.

**Dato' Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Lebihlah, kalau seekor ini cakap panjang sangat, lebihlah.

**Tuan Michael Lisa Kaya:** Tidak payah beri jalanlah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Terpujang kepada Yang Berhormat, Yang Berhormat kena assess sama ada memerlukan masa yang lebih atau bagaimana.

**Dato' Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Ya, saya rasa perlu masa yang lebih sedikit.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Point of order.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Perlu masa sedikit ya.

**Dato' Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Kita akan ambil perhatian.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Tuan Yang di-Pertua, point of order!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, Yang Berhormat!

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Saya hendak minta Ahli Yang Berhormat dari Jelutong, minta tarik balik, bila dia panggil seseorang itu 'ekor', dia anggap orang itu binatang, hanya binatang sahaja yang ada ekor. Jadi, adakah lutong menganggap ketiga-tiga padang terap ini binatang?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Cukup Yang Berhormat.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** 36(4), saya minta Yang Berhormat tarik balik, kalau tidak Yang Berhormat, kami hendak serang habis-habisan hari ini!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat Yan, minta duduklah.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Okay.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat Jelutong, saya jelas dengar tadi Yang Berhormat katakan 'ekor', jadi seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum sebagai peguam tahu yang perkataan ini sudah kita buat ruling banyak kali, tidak boleh digunakan. Minta Yang Berhormat tarik balik.

**Tuan R. Karpal Singh:** Menentukan ketiga-tiga ini ada ekor, saya menarik balik perkataan 'ekor' tadi.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Tuan Yang di-Pertua, ...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ahli Yang Berhormat Yan, cukuplah. Sila, sila. Cukuplah Yang Berhormat.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Okay, dia minta maaf, okay. Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat sahaja, di padang pasir unta tua pun bodoh macam Jelutonglah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, sila teruskan.

**Seorang Ahli:** Bodoh boleh ha?

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Saya kata unta.

**Dato' Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Saya lihat dia ini hendak jadi prosecutor dan hendak jadi hakim. Saya tidak mengatakan bahawa saya bersetuju dengan apa yang dicakapkan itu betul. Jadi, selagi saya mempertahankan kedudukan saya bahawa saya betul, saya tidak subvert the Constitution. Jadi, tidak perlu dia bangkitkan perkara inilah.

Tuan Yang di-Pertua, dakwaan Ahli Yang Berhormat dari Tanjong mengenai krisis keyakinan terhadap kebebasan dan kesaksamaan badan kehakiman negara ini, adalah tidak benar kerana badan eksekutif tidak pernah mengamalkan atau menguasai kebebasan badan kehakiman.

Sesiapa sahaja yang bersalah akan diambil tindakan mengikut peraturan dan undang-undang yang sedia ada, mereka mempunyai hak untuk membela diri mereka di mahkamah. Hakim-hakim adalah bebas mengendalikan dan membuat keputusan mereka tanpa campur tangan dari mana-mana pihak.

Cadangan Ahli Yang Berhormat dari Tanjong supaya Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) dihapuskan, sukacita dimaklumkan ....

**Tuan Lim Kit Siang:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, ya.

**Tuan Lim Kit Siang:** Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri berkata di sini bahawa di negara kita tidak pernah berlaku krisis keyakinan terhadap kehakiman sama ada kebebasan atau integriti kehakiman, bukan sahaja apa yang berlaku sebelas tahun dahulu dengan pemecatan Tun Salleh Abas dan dua orang hakim Supreme Court tetapi kemudiannya dan sekarang tidak mahu sebut mengenai de merit case Anwar Ibrahim, tetapi perbicaraan Anwar Ibrahim bukan sahaja Yang Berhormat dari Permatang Pauh tetapi negara on trials, sistem keadilan on trial dan kenapa kerajaan tidak rela untuk menerima hakikat bahawa itulah apa yang berlaku sekarang dianggap bukan sahaja rakyat jelata tetapi juga di dunia bahawa keyakinan kepada sistem keadilan ialah dalam satu krisis yang besar dan kenapa tidak rela untuk menanggapi masalah ini?

**Dato' Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, saya jawab tadi, saya kata bahawa tidak berlaku krisis keyakinan terhadap badan kehakiman negara, dari segi badan eksekutif tidak pernah mengamalkan atau menguasai kebebasan badan kehakiman, itu yang saya sebut iaitu bahawa kalau dipertikaikan badan eksekutif menguasai kehakiman, ini merupakan krisis keyakinan, ini yang saya sebutkan bahawa tidak pernah berlaku di sini di mana badan eksekutif mengamalkan atau menguasai kebebasan badan kehakiman. Jadi, kita kena fahamlah apa yang saya jawab ini, kalau sekiranya Yang Berhormat membangkitkan isu sebelas tahun dahulu iaitu bahawa seorang Lord President didakwa dan itu merupakan krisis keyakinan, saya rasa itu pandangan dari pembangkang, sebab dari segi kita dalam kerajaan - itu keperluan.

Jadi, krisis keyakinan ini sebenarnya kepada siapa ia dihalakan. Yang Berhormat sebut krisis keyakinan kerana setiap hari, saya masih ingat saya masuk dalam Parlimen setiap kali bersidang itulah Yang Berhormat sebut, krisis keyakinan terhadap kehakiman kita, tetapi saya lihat orang masih lagi pergi ke mahkamah untuk membuat keputusan dan tidak meninggalkan dan mengambil keputusan tidak mahu didakwa di mahkamah dan lain-lain lagi. Jadi, dari segi pandangan kerajaan tidak berlaku krisis keyakinan yang disebut hanya daripada Yang Berhormat sahaja daripada pihak pembangkang .....

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Kubang Kerian pula bangun.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Ini baik punya soalan. Tuan Yang di-Pertua, saya bukan lawyer. Undang-undang kita lihat ia berlaku misalnya keputusan terhadap Sukma dan Munawar. Selalunya rakyat, bila keputusan sahaja dibuat oleh mahkamah, rakyat terus percaya atau walaupun mereka tidak puas hati, mereka berdiam diri. Ini pertama kali bila keputusan dibuat, rakyat keluar ke jalan raya termasuk yang ramainya ahli-ahli UMNO. Ini bermakna bahawa.....

**Beberapa Ahli:** PAS tu... [*Menyampuk*]

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** UMNO, Dato' Seri Anwar bin Ibrahim itu UMNO.....

**Beberapa Ahli:** PAS... [*Menyampuk*]

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Dan ahli-ahli UMNO yang banyak ditangkap ISA dan dipecat pun UMNO. Janganlah tidak mengaku. Itu Datuk Kamaruddin Md. Nor – UMNO, Kamaruddin Jaffar – UMNO. Rakyat, kita kata rakyatlah senang, keluar dan tidak puas hati kepada keputusan mahkamah. Ini satu perkara yang kerajaan kena lihat secara sungguh-sungguh perkara ini. Sebab kalau setiap keputusan mahkamah dibuat, rakyat tidak puas hati, huru-hara negara kita. Kerajaan mesti memastikan sekarang supaya kewibawaan mahkamah dikembalikan. Itu permintaan kami, bukan kita hendak memihak kepada sesiapa. Kalau satu keputusan mahkamah dibuat rakyat keluar ke jalan raya, satu keputusan mahkamah dibuat rakyat keluar ke jalan raya, ini cukup merbahaya pada Malaysia pada masa yang akan datang. Jaminan kerajaan di sini mesti mengembalikan keyakinan itu.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Yang Berhormat dalam sebuah negara demokrasi, apakah kita hendak mengambil kira, katalah paling besar sekalipun 50,000 orang yang keluar, ya 50,000 keluar, yang 21 juta orang dok dekat rumah tu? Adakah suara mereka tidak penting? Saya ambil kira kalau makna satu keputusan mahkamah dibuat, 7 juta orang keluar, itu ya, betul. Kalau setakat 20,000 orang demonstrasi dalam demokrasi, itu suara minoriti.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Sekali lagi, sekali lagi.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Nantilah! [*Ketawa*]

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Nanti sekejap, ini permulaan 50,000, tidak lama lagi 2 juta. [*Ketawa*]

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tidak, jangan speculate, jangan speculate sebab kalau kita buat andian, kita speculate macam-macam kita boleh mengatakan 8 juta orang dijangka keluar tapi ini cuma mere speculation. Kita nak cakap tentang perkara hakikat. Yang keluar baru 20,000 orang dan 21 juta orang duduk di rumah, apakah pandangan mereka tidak penting? Kalau mereka memilih tidak mahu keluar bermakna bahawa tidak benar seperti Yang Berhormat sebut iaitu sudah berlaku krisis keyakinan kerana 20,000 orang keluar demonstrasi.

Yang Berhormat pun kena ingat juga bahawa ada perbezaan yang kena dakwa ini ialah Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, dia bukan satu orang yang tidak dikenali, tidak disayangi, jadi dia ada penyokong dan pengikut dia. Banyak orang telah didakwa dalam mahkamah tapi tidak ada siapa pun keluar hendak demonstrasi sebab orang tidak kenal yang didakwa itu. Si Ah Chong ke, Malik ke, orang tidak kenal tapi yang keluar 20,000 orang ini kerana mereka ada affinity mungkin terhadap Dato' Seri Anwar. Sebab itu kita tidak boleh ambil kira iaitu bahawa kehadiran 5,000, 10,000 orang demonstrasi itu sebagai penunjuk kepada bahawa orang sudah tidak ada yakin dengan keputusan mahkamah. Saya ingat itu betul-betul satu hujah yang tidak kuatlah asasnya yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat daripada.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Dia minta jalan lagi.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:....** Kubang Kerian.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Sekali lagi, lastlah, last. Tuan Yang di-Pertua, soal angka itu tidak penting. Begitu juga Perdana Menteri dilantik oleh hanya lebih kurang 1,000 perwakilan sahaja, siapa Presiden UMNO dialah Perdana Menteri dan dia Wakil Rakyat Kubang Pasu. Jadi Kubang Pasu menentukan Perdana Menteri, bukan seluruh rakyat Malaysia. Begitu juga yang hadir reformasi, walaupun saya tidak sokong, ini orang middle class. Middle class yang mewakili sebahagian daripada, terutama middle class Melayu, jadi mereka sudah mempertikai keputusan mahkamah, ertinya kewibawaan mahkamah mula terancam, ini merbahaya. Saya minta kerajaan beri jaminan pada masa akan datang supaya nanti bila dihukum pula siapa-siapa nanti, orang keluar ke jalan raya, ini merbahaya. Saya hendak tolong kerajaan, bukan hendak bangkang sini, ini silap sangka ini. *[Ketawa]*

**Beberapa Ahli: [Menyampuk]**

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Saya hendak tanya pada Yang Berhormatlah, saya hendak tanya pada dia, cara yang mana lagi yang paling baik untuk kita memilih Perdana Menteri. Katalah suatu hari PAS menang, PAS menang kerusi banyak. Tidakkah dia akan melantik presiden dia jadi Perdana Menteri. Sudah tentulah Presiden PAS akan menjadi Perdana Menteri kalau dia menang pilihan raya walaupun dia dipilih oleh ahli-ahli PAS sahaja. Jadi sistem apa lagi Yang Berhormat hendak kita carikan? Kalau PAS pun, saya percaya kalau Yang Berhormat Fadzil Noor bertanding di Kelantan, kalau dia bertanding di Kelantan dia ADUN Kelantan, dia akan jadi Menteri Besar sebab dia presiden, itu biasalah dan sistem kita betul. Kita memilih pemimpin kita dan rakyat memilih parti, parti mana yang dia hendak pastikan jadi Perdana Menteri. Tidak ada direct election, mana-mana negara pun tidak ada direct election yang mana rakyat pilih terus siapa yang mahu jadi Perdana Menteri. Dia memilih menerusi parti dan sudah tentulah presiden, ketua parti itu akan menjadi Perdana Menteri. Itulah sistem yang ada pada hari ini.

**Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: [Bangun]**

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat Pokok Sena pula bangun.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Dan Yang Berhormat, ha sekejap, Yang Berhormat kata middle class, Yang Berhormat ini tidak pro langsung kepada grassroot ke? Sikit, sedikit middle class, sedikit, middle class, apa orang bawah pandang tidak penting ke, orang kampung, orang di desa semua ini yang bukan middle class, yang daripada kelas bawah, petani, rubber tapper, dengan izin, Yang Berhormat tidak penting ke pandangan mereka? Middle class sahaja, oh! mesti ambil tindakan. Kalau middle class mengamuk, mesti ambil tindakan, yang di bawah ini macam mana? Petani tidak penting, nelayan tidak penting? Itukah Yang Berhormat hendak sebut, hendak mengatakan bahawa kita kena ambil kira sebab .....

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Ini anggapan yang terlalu salah.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tidak, tidak, boleh jawab. *[Ketawa].*

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Kita boleh debate perkara itu.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Saya jawab berdasarkan apa Yang Berhormat sebut. Sebab kami grassroot punya politician, sebab kalau pada hari ini beratus ribu nelayan keluar mengamuk, kami bimbang, itu kami akan serius. Tapi kalau

middle class yang mana kerajaan sudah tolong macam-macam, daripada kelas rendah jadi middle class, kalau dia hendak mengambil tindakan terhadap kita apa kita boleh buat? Apa pilihan kita? Kalau, kita sudah bantu dia jadi middle class, dia hendak lebih kuasa lagi, apa boleh kita buat? Kita hendak potong habis kita punya dasar supaya jangan ada middle class di kalangan orang Melayu ini? Saya ingat tidak mungkin. Jadi sebab itu Yang Berhormat, saya fikir dalam perkara ini kita kena ambil berat suara majoriti dan UMNO sebuah parti yang datang daripada grassroot. Kita tidak ambil kira sahaja, bila middle class mengamuk, oh, terus kena ambil tindakan. Ini kena ambil perhatian, yang bawah mengamuk tidak penting. Jadi.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ada dua Yang Berhormat bangun.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Parti UMNO ialah parti grassroot. Kita akan ambil kira pandangan orang-orang yang di bawah, yang jauh lebih ramai majoriti dan penting kepada kita dalam menubuh kerajaan.

**Beberapa Ahli:** *[Bertepuk]*

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Terima kasih, terima kasih Yang Berhormat Datuk Timbalan Menteri.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang mana satu ini.

**Beberapa Ahli:** *[Ketawa]*

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Bagi Rompin, Rompin, kita bagi Rompin, presiden, presiden.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Jadi minta penjelasan sedikit, Yang Berhormat Datuk Timbalan Menteri berhujah tentang middle class. Saya minta penjelasan, saya rasa saya pun tinggal dalam kawasan middle class juga. Hanya segelintir sahaja. Jangan terikut pada pandangan rakan-rakan kita. Tidak benar mengatakan bahawa middle class tidak menyokong kerajaan, dia silent majority middle class tetap dengan kerajaan dan kalau adapun segelintir isu-isu tertentu. Saya hendak penjelasan sedikit, takut mereka di sebelah sana salah guna kenyataan kita ini. Yang sebenar middle class tetap dengan kita. Segelintir sahaja, itu saya minta penjelasan sediki daripada Datuk Timbalan Menteri, hanya segelintir yang ada kepentingan-kepentingan tertentu, itu saya minta penjelasan.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Memang betul Yang Berhormat. Sebab apa selalunya yang minoriti ini, mereka tahu yang mereka minoriti dan bagi hendak menampakkan bahawa mereka itu mewakili suara besar, tapi kita tidak tertipu dengan perkara itu, sebab kita tahu bahawa majoriti yang diam, itu bersama dengan kita. Sebab itu kita lebih mengambil berat suara majoriti kerana memang perangai minoriti dalam Dewan ini pun dia berapa orang sahaja, 17 tapi dialah yang paling bising sekali kerana dia hendak tunjuk dia ada suara, serupalah. Jadi mentaliti pembangkang kita tidak boleh ambil kira sebab kita hendak ambil kira suara majoriti yang banyak menyokong Barisan Nasional.

**Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin penjelasan daripada Timbalan Menteri yang jaga tentang kehakiman. Saya hendak tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri selama ini di mahkamah itu berapa banyak kes satu hari itu di mana lawyer-lawyer ini tidak pernah menang ke? Bila depa kalah, depa pertikaikan mahkamah. Bila depa menang, senyap sahaja. Adakah di mahkamah ini, depa ini tidak pernah menang? Yang saya tahu selalu kadang-kadang dia menang, dia senyap sahaja. Bila dia kalah, dia pertikaikan mahkamah.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Saya tidak tahulah dia menang banyak ke, tapi saya percaya dia mesti ada kes, menang satu dua. Kalau tidak baik berhenti jadi peguam. Jadi bila Yang Berhormat sebut itu betul, yang hak dia menang, dia senyap, yang hak dia kena caj kurang dari RM2,000 untuk membolehkan dia terus jadi Ahli Parlimen, oh dia langsung tidak bising. Sebenarnya tidak adil kerana hendak bagi jadi Ahli Parlimen, saya tahu. Yang Berhormat Keningau, Tanjong, itu bila kena pada dia, okey senyap. Sebenarnya itulah tidak adil tapi tidak mengapa kepada kita. Apa ada hal? Dia hendak memihak kepada pembangkang, itu tidak mengapa. Pada kita, kita menganggap bahawa kehakiman tetap satu badan yang bebas daripada cengkaman badan eksekutif. Tuan Yang di-Pertua...-

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Penjelasan, tadi fasal mahkamah, tidak apa, itu lawyer part one buat. Saya hendak balik kepada tunjuk perasaan seperti Yang Berhormat kata tadi, adakah Yang Berhormat sedar di Malaysia, negara yang bertuah, di saat-saat itu itu mengandung anak dalam kandungan ibu itu telah mendapat subsidi daripada kerajaan. Yang Berhormat sedar atau tidak sedar, kalau hendak tahu saya boleh beri kuliah satu hari.

Yang keduanya, yang tunjuk perasaan ini ialah orang-orang penyokong PAS dan DAP. Mereka ini masa tak ada tunjuk perasaan pun menentang kerajaan, saya tahulah sangat, cuma Yang Berhormat dari Kubang Kerian, ia ni baik sedikit tidak joint Gerak. Yang Berhormat Dato' Fadzil Noor, sendiri anak dia dapat biasiswa kerajaan atau tidak, yang dok maki kerajaan hari ini, balik pergi tanya. Begitu juga dengan pemimpin PAS yang lain, jadi kalau dia kata semua rakyat bangun menentang kerajaan tidak patut, jadi PASlah yang meng 'initiate'kan Gerak dan dikongkong oleh DAP, kepala dia Tanjong, ekor dia Jelutong dan mengharu birukan negara, sedangkan dalam parti dia sendiri, Seputeh, keramat hidup bukan ada salah apa, bercakap Melayu pun tak telus, itu pun kena buang. Jadi cuba fikir kekejaman dalam DAP dan juga kekejaman dalam PAS menggerakkan hati rakyat supaya menentang kerajaan, Yang Berhormat setuju atau tidak setuju dengan saya?

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Orang Putih kata "Let the facts speak for itself" dengan izin. ...

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** All right...all right..

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Saya setuju dengan apa Yang Berhormat sebut. Jadi saya hendak pergi kepada ...

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Last one.

**Seorang Ahli:** Dah pukul 5.00 ini ...

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Yang Berhormat kita pergi perkara lain pula

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Ini last sungguh. Kalaulah Yan...

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Kena tanya saya bukan tanya Yan. Saya punya masa ini ...

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Kalaulah pandangan Barisan Nasional yang diplomasi itu seperti Datuk Ahmad Zahid Hamidi, Wan Hasni, Rahim Ghouse, dan lain-lain lagi itu mereka tidak mengaku sebagai orang UMNO tak apalah kami terimalah mereka tu sebagai orang PAS. Timbalan Menteri bersetuju?

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Yang Berhormat hendak ambil,, ambillah, yang mana hak kami yang kami tak mahu itu, boleh pergi ambil, fasal dia belum dibuang daripada UMNO lagi, yang mana kena buang tu pergi ambil, yang ada di Jakarta,

di Bangkok, di Manila, sila pergi ambil mereka, sebab kami tak mahu mereka duduk dalam parti kami, sila ambil, itu belum kena buang. Dia tak kena buang.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan Yang Berhormat dari Tanjong supaya Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) dihapuskan, sukacita dimaklumkan bahawa Akta ISA masih diperlukan, walaupun ancaman dari komunis telah berakhir. Ini adalah kerana masih terdapat golongan-golongan tertentu yang suka memainkan emosi rakyat untuk melakukan perkara-perkara yang boleh mengancam keselamatan dan ketenteraman awam. Perkara-perkara seperti sentimen, agama dan budaya adalah amat sensitif memandangkan rakyat kita adalah daripada pelbagai bangsa dan agama. Telah terbukti bahawa perkara-perkara ini sering dimainkan oleh pihak pembangkang untuk meraih simpati dan undi daripada penyokong-penyokong tanpa memikirkan keselamatan negara. Apabila berlaku perkara-perkara yang tidak diingini mereka dengan cepat menafikan sebarang penglibatan mereka.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Pokok Sena bangun.

**Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya Timbalan Menteri mendengar penjelasan Yang Berhormat tadi tidak ada rancangankah kerajaan hendak memperketatkan lagi ISA ini, sebab saya percaya dengan ISA inilah kita selamat boleh hidup, kalau tidak jadi 13 Mei - enam bulan sekali.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, memang ISA ini dah cukup ketat, dan saya percaya sememangnya daripada dahulu dia telah banyak memainkan peranan untuk memastikan iaitu keamanan yang kita rasai pada hari ini disabitkan kerana wujudnya ISA. Kalau tidak saya percaya mana ada sebuah negara dalam dunia ini, sebut sahajalah agama apa semua ada termasuk Sikh pun ada, Hindu, Buddha, Taoism, Confuciusnism, Islam, Christian, semua ada, jadi bermakna bahawa memang ada, dari segi bangsa, berbagai bangsa, China, India, Melayu, dan pada hari ini orang bangga dengan kita, sebab apa? Sebab kita dapat menunjukkan bahawa walaupun berbeza budaya, agama, bangsa dan bahasa kita tetap sebagai satu rakyat bangsa Malaysia dalam negara Malaysia kita ini. Sebab itu ISA perlu diwujudkan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai mob-rule, street violence, yang diperkatakan oleh Yang Berhormat dari Tanjong itu kerajaan berterima kasih, Yang Berhormat tidur ni, kerajaan berterima kasih kepada DAP kerana untuk pertama kalinya bersetuju dengan pihak kerajaan untuk tidak menyokong mob rule dan percubaan ala Indonesia dan sebarang percubaan hendaklah dibuat melalui peti undi dan secara amalan demokrasi, tetapi kita janganlah bertindak menyokong sebarang perhimpunan yang kononnya diadakan secara aman, yang mana akhirnya bertukar menjadi ganas. Apabila pihak berkuasa polis, mengambil tindakan setelah amaran yang mencukupi diberi, maka pihak polis pula dipersalahkan. Insiden di Kampung Bahru telah cukup membuktikan bagaimana perhimpunan yang diadakan secara aman telah bertukar kepada keganasan dan apabila ini berlaku pihak polis terpaksa bertindak dengan secara yang sepatutnya untuk memastikan keadaan keamanan sentiasa terkawal. Apabila telah berlaku keganasan semua pihak mengaku tidak terlibat, tetapi mereka lupa pada awalnya merekalah yang menyokong perhimpunan-perhimpunan tersebut diadakan, kononnya diadakan secara aman tetapi hakikatnya mereka sendiri menyedari ianya pada bila-bila masa sahaja akan bertukar menjadi ganas apabila emosi sudah tidak dapat dikawal lagi.

Tuan Yang di-Pertua, kes kecederaan Dato' Seri Anwar Ibrahim yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong suka dimaklumkan bahawa pasukan khas Polis Diraja Malaysia yang telah ditubuhkan bagi tujuan ini masih menjalankan siasatan mereka. Berhubung perkara mengenai ruang untuk rakyat bersuara kerajaan ingin menjelaskan bahawa penyokong-penyokong Dato' Seri Anwar Ibrahim telah mendapat liputan yang meluas daripada media-media antarabangsa yang utama seperti ABC, CNN,

dan CNBC. Liputan yang sebegini tidak pernah diberikan kepada pihak kerajaan. Walaupun media-media utama dunia ini membuat liputan mengenai penjelasan-penjelasan yang diberikan oleh kerajaan tetapi akhirnya mereka memutarbelitkan penjelasan-penjelasan yang dibuat oleh kerajaan. Media-media tempatan juga memberi ruang dan membuat liputan-liputan mengenai Dato' Seri Anwar Ibrahim dan penyokong-penyokong dan disiarkan melalui akhbar-akhbar. Malah kenyataan-kenyataan Dato' Seri Anwar Ibrahim daripada tempat tahanan melalui isteri beliau pun disiarkan oleh akhbar kita. Ini tidak termasuk berita-berita yang disampaikan oleh *Harakah* yang keseluruhannya menyalahkan kerajaan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tadi, Yang Berhormat Timbalan Menteri ada sebut mengenai apa yang berlaku di Kampung Bahru, di mana dalam ucapan saya, saya pun ada sebut oleh kerana ada saksi saksi yang boleh menyatakan apa yang berlaku pada hari itu apabila satu perhimpunan yang aman akibatnya ada peristiwa-peristiwa yang berlaku, adakah oleh kerana ada tuduhan-tuduhan bahawa pihak polis yang bertanggungjawab untuk menukarkan corak perhimpunan itu oleh kerana tindakan kekerasan mereka? Adakah kerajaan rela mengadakan satu siasatan terbuka dalam perkara ini, oleh kerana hak untuk berhimpun secara aman ialah patut satu hak yang kita iktiraf, ia satu hak yang terkandung dalam "*Universal Declaration Human Rights*" dan tahun ini ialah tahun untuk merayakan "*Universal Declaration*" iaitu ulang tahun ke-50 dan sebab itu Bangsa-Bangsa Bersatu adalah menamakan tahun ini sebagai Human Right Year 1998, jadi kenapa kita tidak boleh menghormati hak-hak rakyat untuk berhimpun secara aman.

Kedua, Yang Berhormat Timbalan Menteri ada kata mengenai siasatan yang masih diteruskan atas tuduhan bekas Timbalan Perdana Menteri dipukul dalam tahanan, kenapa sampai sekarang tidak ada apa-apa hasil, kenapa sampai sekarang tidak tahu berapa lama siasatan ini akan diambil dan mengapa tak rela mengadakan satu siasatan bebas oleh kerana siasat terhad mengenai pihak polis. Kenapa pihak polis boleh siasat sendiri dan bagaimana boleh dapat kepercayaan, dan bukannya semua ini menimbulkan soalan bahawa tidak ada transparency dan accountability di negara kita.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya hendak bangkitkan berkenaan dengan soal saksi. Kalau Yang Berhormat ada sebut saksi, macam mana saya hendak tahu saksi itu, dia sendiri tidak terlibat di dalam demonstrasi. Mungkin dia sudah partisan, dia sudah mempunyai sikap bahawa dia antikerajaan dan kalau Yang Berhormat sekarang panggil dua saksi, Pokok Sena boleh cari empat saksi. Jadi sebab itu dalam soal ini bukan mudah sebab saksi ini pun kita hendak kena tengok, saksi ini auta punya saksikah ataupun kalau kita menerima satu kenyataan daripada orang yang sememangnya telah antikerajaan, sudah tentu dia menceritakan benda yang tidak baik tetapi saya juga boleh cari empat lima orang lagi menjadi saksi yang menyokong kerajaan dia kata perkara itu tidak berlaku.

Jadi sebab itu Yang Berhormat kena ingat yang penting kepada kita dunia melihat kita bahawa apabila dia berdemonstrasi, Yang Berhormat tidak fikirkah bahawa polis cukup - 'exercise is strict', dengan izin, sebab kita tahu dunia melihat kita. Silap sikit sahaja sebab itu kalau sebab itu yang kena pukul ini polis, dia rela dipukul daripada kita pukul orang sampai dia cedera. Sebab kita takut sebab dunia melihat kita. Yang Berhormat fikirlah, polis dia tahu menerusi CNN, CNBC, ABC mereka sentiasa, saya dok tengok yang bawa photografer daripada luar negara berkelilau ada sahaja di mana mereka mengawasi, tengok apa yang berlaku. Takkanlah polis kita terlalu bodoh sampai sanggup pukul orang dan yang jelas akan ditunjukkan kepada dunia iaitu bahawa polis kita pukul orang. Saya tidak berfikir kita akan berbuat demikian. Saya yakin dan percaya bahawa pihak polis kita exercise extreme restraint, dengan izin, memastikan supaya jangan ada apa-apa perkara yang boleh walaupun sedikit dijadikan besar untuk menunjukkan bahawa kita di Malaysia merupakan sebuah negara yang kepada rakyatnya sendiri.

**Tuan Yang di-Pertua: [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin];** Kepong ni bangun.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Kepong ini hendak cakap apa? Nanti, saya cakap tidak habis, nantilah saya jawab Ketua Pembangkang. Yang Berhormat sebut kita kena beri keizinan untuk demo secara aman. Saya setuju Yang Berhormat tetapi ditahap manakah aman itu akan menjadi satu perkara keganasan, sebab crowd ini apabila ia menyerang, ia tengok tidak ada apa-apa dia akan bertambah berani dan Yang Berhormat dalam negara kita ini, kita ada Melayu, China, India, Hindu, Sik, Islam, Kristian bukan mudah hendak jaga. Dia akan mencari isu-satu sahaja isu, macam di Indonesia. Orang Cina di Indonesia bukan salah apa, salahnya korupsi yang berlaku di peringkat kerajaan tetapi dia tidak boleh pergi hendak menghalakan frustrasi dia kepada kerajaan, polis maka ia cari kaum minority, mula amanlah itu, daripada aman ke ganas. Macam mana kita hendak pasti kalau kita aman benda ini aman, kita releks tidak buat apa-apa, kalau ia jadi ganas pada ketika itu, kalau ia jadi ganas siapa yang bertanggungjawab, polis juga, tidak jaga keamanan dan macam-macam lagi. Sebab itu sukar untuk kita menyatakan bahawa demo itu aman atau tidak lebih baiklah, saya kata if we are to make mistake, we are on the right side. Kalau kita buat kesilapan pun tidak memberi demo secara aman kepada rakyat jelata, saya kira biarlah kita silap dari segi itu jangan kita silap berlaku lagi rusuhan kaum pada tahun 1969 yang saya minta supaya janganlah lagi berlaku di negara kita sebab kita merupakan rakyat Malaysia kongsi sama-sama dengan negara ini, oleh kerana itulah pada pemikiran kita majoriti lebih penting daripada minoriti yang memikirkan untuk mengadakan demo secara aman ini.

**Seorang Ahli: [Bangun]**

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Nantilah dulu saya tidak habis lagi. Yang Berhormat dari ...[Disampuk] Berkenaan dengan Yang Berhormat bertanya tentang siasatan Yang Berhormat dari Permatang Pauh. Saya ingin menyatakan di sini, memanglah Yang Berhormat sebab siasatan ini tidak boleh dibuat secara gelojoh, kalau rush siasatan akan banyak flows. Dunia melihat kita, tidak mengapalah kalau lambat sedikit, akhirnya ada siasatan dibuat. Saya masih ingat, Yang Berhormat selalu bising kepada saya, semasa ACA dahulu, ni bila Mat Taib hendak di..., akhirnya kita dakwa dia, kita menyiasat dia, biarlah yang penting jangan kita siasat tidak mengeluarkan keputusannya. Itu penting, tetapi walaupun ia makan masa makna ini satu siasatan yang sahlah yang betul-betul menyiasat dan seperti yang disebut oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, nobody will be spare, maknanya yang membuat perkara ini dia akan diambil tindakan sebab kita tahu Yang Berhormat, tidak payah tekan kita. Kita tahu dunia menunggu siasatan ini. Itu satu perkara yang amat mendukacitakan apabila mata Yang Berhormat Permatang Pauh ini lebam, kita rasa kita punya whole case habis kerana itu. Sebab itu kita serius dalam perkara ini, kita akan membuat siasatan yang rapi dan kalau dia makan masa sedikit pun Yang Berhormat, tunggulah sebab yang penting hasil siasatan itu akan dikeluarkan insya-Allah.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Memang Yang Berhormat tidak disedar, kita DAP tidak setuju dengan cara kekerasan untuk menyelesaikan masalah. Itu memang dasar DAP dan kita sentiasa amalkan dasar ini. Cuma saya bangkitkan di sini, dua minggu yang lepas mengenai laporan ke atas penyiasatan terhadap kecederaan bekas Timbalan Perdana Menteri. Tetapi setakat ini kenyataan daripada pihak Peguam Negara dan sebagainya kata tidak ada laporan dan bolehkah Yang Berhormat bagi Dewan yang mulia ini, untuk masalah seumpama ini berapa lamakah kita perlu untuk menyelesaikan masalah dan bilakah laporan ini dapat dikemukakan di dalam Dewan yang mulia ini.

**Seorang Ahli: Sabarlah, sabarlah...**

**Dr. Tan Seng Giaw:** *[Disampuk]* Saya tidak dengar, tidak dengar.

**Tuan Haji Mohamed bin Sabu:** Boleh jawab dengan soalan saya, sikit sahaja, pendek..

**Dr. Tan Seng Giaw:** Faham kah? *[Memandang kepada Y.B Chenderoh]*

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Laporan apa, laporan mata lebamkah?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ha, ya, ya

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Saya dah jawab sekali dengan Tanjong tadi.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tidak..saya bangkitkan dua minggu lepas, tetapi tidak ada jawapan?

**Tuan Haji Mohamed bin Sabu:** Sekali dengan ini pendek...boleh, boleh, tak?

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Ha, ha, sebab saya sudah jawab tadi, biarlah makan masa sedikit menyiasat, jangan kita...

**Tuan Haji Mohamed bin Sabu:** Ini betul-betul last.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Saya dah dapat arahan untuk menghabiskan ucapan saya baru muka 7, saya ada 34 muka surat.

**Tuan Haji Mohamed bin Sabu:** Ini betul-betul tolong kerajaan punya ni.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tidak payah tolong, kerajaan boleh melepaskan diri tanpa pertolongan

**Tuan Haji Mohamed bin Sabu:** Last, last

**Timbalan Yang di-Petua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Kubang Kerian, tidak boleh bargain Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, mengenai dakwaan Yang Berhormat bahawa kerajaan melaksanakan bail-out dan kapitalisme yang dikatakan berbau rasuah, kerajaan sentiasa bertindak kepada penerima dan pemberi rasuah sekiranya terdapat bukti-bukti yang kukuh untuk mendakwa pelaku-pelakunya. Akta-akta yang sedia ada adalah mencukupi untuk memastikan gejala-gejala ini sentiasa diawasi dan dibanteras. Malah kuasa Badan Pencegah Rasuah juga telah diperingkatkan untuk memudahkan mereka menjalankan siasatan. Mengenai Koridor Raya Multimedia, untuk makluman Ahli Yang Berhormat bahawa kerajaan akan terus memberi keutamaan kepada projek-projek yang dirancangan.

Dalam melaksanakan Koridor Raya Multimedia terutamanya pelaksanaan flagship application. Pembangunan Cyber Jaya dan Putrajaya berjalan lancar mengikut jadual walaupun kita dalam kegawatan. Malahan pelaksanaan sebahagian daripada projek tersebut adalah lebih awal daripada perancangannya. Mengenai laman web, homepage di sektor awam dipenuhi gambar-gambar menteri dan ketua pengarah yang dipamerkan kelihatan sungguh kosmetik, pandangan Yang Berhormat penggunaan teknologi maklumat seperti ini tidak membantu untuk mencapai matlamat penggunaan teknologi maklumat di dalam operasi kerajaan. Sebagai sebuah kerajaan elektronik, kerajaan haruslah menawarkan lebih dari apa yang ditawarkan sekarang. Beliau berpendapat bahawa kerajaan perlu memudahkan orang awam melakukan transaksi dengan kerajaan sehingga boleh melaksanakan dengan hanya menggunakan tetikus. Yang Berhormat menyuarakan kerisauan Yang Berhormat kerana kiosk maklumat yang dapat memudahkan penyiaran

maklumat kepada pengguna masih tidak kelihatan dan transaksi melalui laman web belum boleh dilaksanakan.

Bagi menghilangkan perasaan risau Yang Berhormat itu, sukacita dijelaskan bahawa untuk membolehkan transaksi dilaksanakan kerana melalui Internet ia memerlukan pembangunan infrastruktur tambahan yang lebih dari apa yang terdapat pada masa ini. Di antaranya ialah pewujudan certification authority (CA) bagi menyediakan kemudahan keselamatan yang diperlukan. CA akan memastikan transaksi yang dibuat selamat dan mendapat faedah yang sewajarnya kepada pengguna yang berkenaan. Seperti Yang Berhormat sedia maklum usaha untuk mewujudkan agensi tersebut sedang diusahakan dengan gigih. Jawapan balas terhadap kerisauan Yang Berhormat kerana tidak dapat melihat kemajuan projek penubuhan kiosk-kiosk maklumat di seluruh negara, sukacita dinyatakan bahawa rundingan dengan responding organization yang akan menjayakan projek kiosk kerajaan telah sampai ke tahap akhir, draf surat perjanjian sedang diteliti oleh pihak-pihak berkenaan. Sekiranya usaha tersebut berjaya projek kiosk dapat dimulakan dalam bulan Disember ini dengan penempatan 35 kiosk bagi fasa pertama di lokasi pilihan secara berperingkat. Untuk fasa kedua dan ketiga yang dijadualkan bermula pada pertengahan tahun depan, sebanyak 108 kiosk lagi akan disediakan menjadikan jumlah kiosk semuanya sebanyak 136 buah. Sekali lagi ciri-ciri keselamatan yang bersesuaian akan diwujudkan agar penggunaan tidak diragui. Kerajaan sedar bahawa isu keselamatan adalah penting untuk menggalakkan penggunaan kiosk di kalangan masyarakat kita.

Tuan Yang di-Pertua, seperti Ahli-ahli Dewan sedia maklum majlis menandatangani surat perjanjian pembangunan projek monitoring system telah diadakan pada 22 Oktober yang lalu. Majlis tersebut adalah titik permulaan pelaksanaan aplikasi kerajaan elektronik. Dengan bermulanya pelaksanaan projek tersebut maka aktiviti pembangunan projek kerajaan elektronik akan mula dapat dilihat oleh masyarakat negara ini. Terdapat empat lagi projek berkaitan dengan kerajaan elektronik yang akan dilaksanakan. Tarikh permulaan pelaksanaan projek-projek tersebut akan diumumkan kelak.

Yang Berhormat dari Tanjong juga telah membangkitkan kurangnya maklumat bersabit kerajaan elektronik. Kekurangan tersebut dikatakan akan memberi kesan ke atas rakyat biasa yang akan menganggap usaha ini sebagai satu pembaziran. Untuk makluman Yang Berhormat, sejak beberapa tahun yang lalu secara disedari atau tidak, masyarakat Malaysia telah pun menikmati kemudahan perkhidmatan kerajaan secara elektronik digital melalui perkhidmatan Public Service Network (PSN). PSN telah memudahkan masyarakat mendapatkan perkhidmatan pembayaran bil, pembaharuan lesen memandu, pembaharuan lesen memandu 'L', pembaharuan lesen perniagaan dan pembaharuan lesen kenderaan bermotor.

Saluran tersebut adalah hampir sama dengan saluran yang akan wujud di bawah kerajaan elektronik. Perbezaannya hanyalah pada cara untuk mendapatkan perkhidmatan tersebut. Melalui PSN pengguna perlu pergi ke kaunter pejabat pos yang terdekat untuk mendapatkan perkhidmatan. Di bawah kerajaan elektronik pengguna perlu pergi ke kiosk yang terdekat. PSN dan kerajaan elektronik memerlukan sokongan rangkaian elektronik untuk menjayakan transaksi yang diperlukan.

Untuk makluman Yang Berhormat perkhidmatan PSN telah mendapat sambutan yang sangat menggalakkan. Suku pertama tahun ini sebanyak 312,405 lesen memandu telah diperbaharui melalui perkhidmatan tersebut. 307 pejabat pos sekarang ini menyediakan perkhidmatan tersebut. Untuk pembaharuan lesen memandu 'L' pula bagi suku pertama tahun ini 312,400 pemegang lesen tersebut telah memperbaharuiya melalui PSN. Untuk pembaharuan lesen kenderaan bermotor pula, bilangan transaksinya berjumlah 386,784. Angka-angka ini jelas menunjukkan rakyat Malaysia telah menerima

perkhidmatan secara elektronik dan sambutan yang diberi sangatlah menggalakkan. Lanjutan dari kejayaan PSN kerajaan telah mula menumpukan perhatian kepada penggunaan teknologi kiosk untuk mewujudkan saluran komunikasi baru di antara masyarakat dan bisnes dengan kerajaan.

Proses pemilihan pembekal untuk teknologi tersebut telah hampir selesai. Pada masa ini kerajaan dalam proses untuk menentukan kadar pembayaran bagi perkhidmatan melalui kiosk. Bayaran perkhidmatan ini dikenakan hanya kepada transaksi kewangan. Belum ada rancangan untuk mengenakan pembayaran terhadap transaksi untuk mendapatkan maklumat bersabit kerajaan melalui kiosk.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan yakin pada masa ini masyarakat Malaysia memahami terhadap kemudahan yang telah disediakan oleh kerajaan untuk mereka. Usaha yang dilaksanakan melalui kerajaan elektronik juga telah dimaklumkan. Kerajaan akan memastikan segala usaha untuk menyenangkan masyarakat berurusan dengan kerajaan terus diperkembangkan. Ini selaras dengan aspirasi kerajaan untuk memberi keutamaan kepada proses yang penting kepada pengguna. Dengan pendekatan ini kerajaan akan terus berusaha untuk memastikan kualiti perkhidmatannya sentiasa berada di tahap yang boleh dibanggakan. Ini termasuklah usaha untuk meningkatkan lagi rupa bentuk laman web agar ianya tidak lagi statik, gambar-gambar menteri dan ketua pengarah yang dipamerkan akan diubah untuk menjadikan ianya lebih menarik lagi.

Yang Berhormat dari Tanjong juga telah membangkitkan ketidakyakinan rakyat terhadap sistem kehakiman negara ini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kekacauan politik pada masa ini adalah timbul dari orang yang mempunyai kepentingan masing-masing. Kekecohan bukanlah disebabkan orang ramai telah hilang keyakinan terhadap kebebasan dan kesaksamaan badan kehakiman ataupun kedaulatan undang-undang telah terganggu. Orang-orang yang mempunyai kepentingan ini dengan sengaja gagal atau enggan melihat secara objektif sistem pentadbiran keadilan dalam negara kita. Kenyataan-kenyataan yang dibuat mereka adalah berat sebelah, berpihak dan tidak mewakili pandangan majoriti rakyat negara ini. Ia juga tidak mencerminkan keadaan sebenar sistem perundangan dan pentadbiran keadilan. Kerajaan sentiasa berpegang teguh dan mengamalkan prinsip *rule of the law* dan *principle of natural justice*.

Pemecatan Dato' Seri Anwar Ibrahim telah dibuat dengan mengikut peruntukan Perlembagaan Persekutuan. Pemecatan beliau telah diperkenankan oleh Yang di-Pertuan Agong berkuatkuasa mulai 3 September 1998. Oleh itu tidak timbul sebarang persoalan untuk dirujuk kepada Mahkamah Persekutuan di bawah Perkara 130 Perlembagaan Persekutuan.

Mengenai peraturan ketelusan yang dicadangkan oleh PPN, MTEN yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tanjong, semenjak pelaksanaan Pelan tersebut, semua tindakan yang diambil bagi tujuan pemulihan ekonomi adalah berpandukan perakuan yang dikemukakan oleh Pelan tersebut. Kerajaan sentiasa memastikan bahawa bantuan kepada syarikat hanya diberi berpandukan tiga kriteria utama iaitu kepentingan negara, kepentingan strategik dan mengambil kira ekuiti di bawah Dasar Ekonomi Baru dan Dasar Pembangunan Negara.

Kerajaan tidak akan membantu syarikat-syarikat yang mengalami kerugian disebabkan penyalahgunaan pengurusan atau prestasi yang lemah tetapi kerajaan akan membantu syarikat-syarikat penting yang menghadapi masalah disebabkan oleh krisis ekonomi. Jika tidak dibantu mereka akan mengalami kegagalan yang menyebabkan ramai pekerja yang hilang saraan hidup mereka. Syarikat-syarikat tersebut juga mempunyai rantaian dengan pembangunan sektor-sektor lain. Walaupun demikian, kerajaan akan

memastikan pihak pengurusan mengambil langkah-langkah untuk mengubah cara pengurusan bagi mencapai keberkesanan syarikat berkenaan. Rakyat juga akan mengambil tindakan terhadap pihak pengurusan atasan yang tidak bertanggungjawab.

Tuan Yang di-Pertua, suntikan modal kepada bank-bank adalah perlu disebabkan jumlah hutang-hutang tidak dibayar, NPL yang tinggi iaitu 6.1% pada akhir tahun 1997 dan 9.7% menjelang akhir tahun 1998. Berdasarkan pengelasan semula NPL dalam tempoh masa 6 bulan disebabkan oleh krisis ekonomi akibat dari spekulasi mata wang, menjelang akhir tahun 1998 jumlah NPL dianggarkan sebanyak RM61.5 bilion. Suntikan modal diberi bagi memastikan agar bank dapat meneruskan aktiviti dan meningkatkan keupayaan memberi pinjaman baru kepada perniagaan dan industri tanpa menjejaskan kecairan dalam sistem perbankan

Perlulah difahami bahawa krisis kewangan dalam bank-bank tempatan adalah berpunca daripada spekulasi mata wang yang menyebabkan aliran keluar modal dan peningkatan kadar faedah. Ini pula menyebabkan peningkatan pinjaman tidak dibayar. Kerajaan dengan itu telah menubuhkan Danaharta, Danamodal dan Jawatankuasa Penyusunan Semula Hutang Korporat bagi membantu mengatasi masalah bank dan NPL. Ketiga-tiga institusi sedang giat berusaha menyelaraskan kegiatan mengatasi masalah-masalah ini

Alhamdulillah, dengan langkah-langkah tertentu kerajaan terutamanya berikutan dari penurunan kadar faedah dan usaha meningkatkan kecairan telah dapat mengurangkan beban kepada peminjam di samping mengurangkan berlakunya pinjaman tidak dibayar dan seterusnya kebangkrapan. Ini juga menyebabkan aktiviti-aktiviti ekonomi lain turut dapat dipulihkan serentak.

Yang Berhormat dari Jelutong juga menggesa supaya-jawatan Timbalan Perdana Menteri diisi segera bagi mengambil alih tempat Perdana Menteri jika keadaan memerlukan. Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan akan mengisi jawatan Timbalan Perdana Menteri apabila sampai masanya nanti. Sekiranya apa-apa terjadi kepada Perdana Menteri, parti pemerintah Barisan Nasional berupaya untuk mencari penggantinya.

Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kuala Pilah dan Machang menggesa kerajaan supaya segera menyediakan laporan hasil siasatan terhadap kecederaan mata bekas Timbalan Perdana Menteri untuk mengembalikan keyakinan rakyat kepada kerajaan. Untuk makluman Yang Berhormat, Jabatan Peguam Negara akan meneliti hasil siasatan nanti mengenai aduan kekerasan ke atas bekas Timbalan Perdana Menteri setelah siasatan pihak polis dijalankan dengan lengkap dan sempurna. Sebarang keputusan untuk mengambil tindakan mahkamah terhadap sesiapa yang didapati terlibat akan diputuskan berpandukan keterangan yang ditampikan oleh hasil siasatan itu.

Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kuala Pilah, Machang dan Balik Pulau minta Peguam Negara mendakwa mereka yang terlibat dalam perhimpunan haram anjuran gerakan Reformasi. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat sekiranya siasatan polis membuktikan terdapat bukti-bukti prima facie, Peguam Negara tidak akan teragak-agak untuk mendakwa siapa yang mengelola dan mengambil bahagian dalam perhimpunan haram. Dalam hubungan ini, Peguam Negara telah baru-baru ini telah memberi persetujuan supaya mereka yang terlibat dalam perhimpunan haram mengenai dengan apa yang dikatakan gerakan Reformasi dituduh di mahkamah.

Yang Berhormat dari Kubang Kerian juga membangkitkan isu mengenai majoriti rakyat tidak mempunyai kepercayaan atau keyakinan lagi terhadap sistem kehakiman di negara ini. Ini jelas dengan tunjuk perasaan - yang ini saya pun sudah jawab. Yang

Berhormat Kubang Kerian juga membangkitkan dasar penswastaaan yang telah membebaskan kerajaan. Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan sememangnya mengkaji dasar penswastaaan dari semasa ke semasa dengan tujuan untuk memperkemas dan memperkukuhkan lagi dasar tersebut, Kerajaan berpendapat dasar penswastaaan adalah satu dasar yang baik yang perlu diteruskan pelaksanaannya. Ini bertujuan untuk antara lainnya bagi memastikan kegiatan ekonomi dilaksanakan dengan cekap dan berasaskan kuasa pasaran.

Yang Berhormat dari Serdang telah menggesa kerajaan untuk mengkaji semula setengah projek RMK7 yang telah ditangguh atas sebab-sebab kegawatan ekonomi kerana projek-projek tersebut adalah penting untuk rakyat. Untuk makluman Yang Berhormat, selaras dengan dasar kerajaan mengurangkan perbelanjaan bagi tahun 1998 beberapa projek tertentu telah ditangguhkan pelaksanaannya. Walau bagaimanapun, bagi tujuan menjana pertumbuhan ekonomi kerajaan telah mengumumkan tambahan peruntukan pembangunan bagi tahun 1998 berjumlah RM7.3 bilion bagi melaksanakan projek-projek di bawah sektor pendidikan, perumahan, infrastruktur dan utiliti, pertanian dan kesihatan.

Dengan pertambahan peruntukan tersebut kerajaan memastikan semua projek termasuk projek-projek ditangguhkan pelaksanaannya sebelum ini dilaksanakan dengan segera dan tidak terhalang atau dilewatkan oleh karenah birokrasi. Peruntukan tambahan sebanyak RM7.3 bilion seperti yang diumumkan kerajaan, diagih-agihkan berasaskan kategori iaitu pertanian - RM300 juta, perumahan - RM200 juta, pendidikan - RM1 bilion, infrastruktur dan utiliti - RM1.5 bilion, pembangunan industri - RM200 juta, pembangunan desa - RM200 juta, kesihatan - RM300 juta, pembasmian kemiskinan - RM 300 juta, Cyberview - RM654 juta dan Danaharta - RM2.25 bilion.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Marang mendakwa bahawa tindakan-tindakan oleh badan kehakiman, Jabatan Peguam Negara dan Badan Pencegah Rasuah dipengaruhi oleh pihak atasan memandangkan ianya terletak secara langsung di bawah Jabatan Perdana Menteri. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bahawa badan kehakiman Jabatan Peguam Negara dan Badan Pencegah Rasuah diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri hanya bagi kemudahan susunan organisasi sahaja. Suka saya tegaskan dalam Dewan yang mulia ini bahawa kedudukan itu tidak menjejaskan kebebasan badan kehakiman Jabatan Peguam Negara dan Badan Pencegah Rasuah untuk menjalankan tanggungjawab mereka mengikut undang-undang. Badan Pencegah Rasuah adalah bebas untuk memulakan atau menghentikan apa-apa pendakwaan dan badan kehakiman bebas untuk mengadili kes-kes yang dipertuduh atau didakwa di hadapannya.

Dari segi pentadbiran seharian pun badan kehakiman, Jabatan Peguam Negara dan Badan Pencegah Rasuah berfungsi dan diuruskan secara berasingan daripada Jabatan Perdana Menteri. Yang Berhormat dari Marang juga meminta kerajaan supaya menyemak semula Akta Rahsia Rasmi 1972 kerana dikatakan mengongkong pegawai-pegawai kerajaan untuk menyatakan maklumat- maklumat sebenarnya dalam kes-kes penyelewengan. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, penggubalan Akta Rahsia Rasmi 1972 adalah bertujuan untuk melindungi maklumat-maklumat kerajaan yang bersifat sebagai sulit atau rahsia daripada jatuh ke tangan orang yang tidak bertanggungjawab dan seterusnya boleh membahayakan keselamatan negara.

Mengenai dakwaan bahawa akta ini mengongkong pegawai-pegawai memberikan maklumat yang sebenarnya yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat di dalam isu penyelewengan, kerajaan berpendapat rangkaian undang-undang yang sedia ada adalah mencukupi bagi menangani perkara berkenaan. Berdasarkan alasan di atas, kerajaan berpendapat belum lagi ada keperluan bagi menyemak semua Akta Rahsia Rasmi 1972 pada masa ini.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Marang juga membangkitkan perkara mengenai penolakan kerajaan untuk melaksanakan hukuman hudud yang dikatakan untuk menjaga kepentingan kaum-kaum di negara ini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan sebenarnya tidak sekali-kali menolak hukum hudud seperti yang didakwa oleh Yang Berhormat kerana ianya adalah sebahagian dari hukum Islam. Bagaimanapun, buat masa ini kerajaan belum lagi dapat melaksanakan hukum hudud memandangkan pelaksanaannya memerlukan satu kajian dan penelitian yang dalam serta menyeluruh dengan mengambil kira semua perkara dan aspek yang bersangkutan terutamanya dari segi hendak memastikan supaya pelaksanaan hukum tersebut benar-benar dapat menepati keadilan mengikut kehendak syarak Islam itu sendiri. Mengenai keperluan mengambil kira kedudukan Malaysia yang terdiri daripada masyarakat majmuk, ia adalah bertujuan untuk memastikan pelaksanaan hukum ini tidak disalahfahamkan oleh orang-orang yang bukan Islam.

Ahli Yang Berhormat dari Cheras mempersoalkan pemberian tender penswataan secara tidak beretika kepada Ahli Lembaga Penasihat Dewan Bandaraya Kuala Lumpur yang masih bertugas bagi melaksanakan pembinaan projek perumahan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bahawa setakat ini urusan pemberian tender Dewan Bandaraya Kuala Lumpur adalah mengikut prosedur dan mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan. Manakala bagi projek-projek penswataan pula kelulusannya dan perlantikan pemaju adalah dibuat oleh Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri. Oleh yang demikian dakwaan Yang Berhormat itu tidak berasas.

Ahli Yang Berhormat dari Cheras, Wangsa Maju, Machang, Pasir Puteh dan Jelevu telah membangkitkan perkara mengenai mengapa kerajaan tidak memberi bonus kepada kakitangan awam. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat pada dasarnya bayaran imbuhan tahunan bonus kepada anggota perkhidmatan awam adalah dibuat tertakluk kepada keadaan ekonomi negara dan kedudukan kewangan negara. Pembayaran hanya akan dibuat apabila kedudukan kewangan kerajaan mengizinkan. Memandangkan keadaan ekonomi negara pada masa ini, pembayaran bonus adalah tidak selaras dengan dasar pemberiannya.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Bandau, Tumpat dan Tuaran telah membangkitkan beberapa perkara yang menyentuh bidang tugas Suruhanjaya Pilihan Raya. Ahli Yang Berhormat dari Bandau telah membangkitkan kemasukan 'pemilih hantu' ke dalam buku daftar pemilih, ketidakcekapan pegawai-pegawai SPR menjalankan tugasnya, sikap negatif pegawai-pegawai SPR terhadap bantahan, tempoh bantahan yang tidak mengikut undang-undang, penyelewengan yang dilakukan oleh pegawai-pegawai SPR dan seumpamanya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Bandau bahawa SPR menyedari sepenuhnya betapa perlu kebersihan daftar pemilih dikekalkan kerana daftar pemilih ini merupakan dokumen yang penting ketika pilihan raya. SPR memang sentiasa memastikan tidak ada sebarang kegiatan yang dilakukan untuk mencatatkan daftar pemilih itu termasuk daftar pemilih negeri Sabah. Walau bagaimanapun orang ramai juga perlu memainkan peranan untuk tujuan tersebut. Sebagaimana Yang Berhormat maklum sebelum daftar pemilih itu disahkan, rang daftar pemilih itu akan dipamerkan untuk semakan orang ramai. Peluang ini patut digunakan sepenuhnya oleh orang ramai untuk menyemak dan memastikan nama mereka tersenarai dalam bahagian pilihan raya yang sepatutnya dan seterusnya tidak ada sebarang percubaan untuk memindahkan pemilih-pemilih oleh mana-mana pihak. Keprihatinan orang ramai menyemak rang daftar pemilih ini juga perlu untuk membanteras apa yang didakwa oleh Yang Berhormat gejala 'pemilih hantu' dalam daftar pemilih. Undang-undang telah menetapkan bahawa orang ramai boleh membuat bantahan apabila didapati ada orang-orang yang tidak layak yang cuba mendaftar sebagai pemilih di sesuatu bahagian pilihan raya. Dalam masa yang sama pegawai-pegawai yang dilantik

oleh SPR untuk menguruskan urusan pendaftaran pemilih akan berusaha sedaya upaya menyemak borang-borang pendaftaran untuk mengelak kegiatan-kegiatan yang tidak sihat ini dari terus berlaku.

Mengenai dengan pengguguran nama-nama pemilih yang telah meninggal dunia di daftar pemilih, ini merupakan tindakan SPR yang berterusan. SPR sentiasa menyemak senarai orang-orang yang telah meninggal dunia dengan Jabatan Pendaftaran Negara dan seterusnya mengeluarkan nama itu dari daftar pemilih. Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah pemilih yang telah disahkan meninggal dunia dan nama mereka telah dipotong dari daftar pemilih negeri Sabah sejak tahun 1991 hingga 1997 adalah seramai 13,499 orang.

Mengenai dengan kepincangan yang didakwa oleh Yang Berhormat telah berlaku ketika SPR menjalankan urusan pendaftaran khususnya negeri Sabah seperti pegawai-pegawai tidak bertugas di pusat pendaftaran, borang pendaftaran yang tidak mencukupi di pusat-pusat pendaftaran dan lain-lain, SPR sangat sukar untuk menjawab soalan tersebut. Walau bagaimanapun SPR memandang berat akan perkara itu dan ia sepatutnya tidak berlaku. Urusan pendaftaran pemilih merupakan aktiviti tahunan SPR dijalankan dalam satu tempoh masa yang singkat iaitu kira-kira 30 hari. Urusan ini juga melibatkan jumlah kakitangan yang besar dan mereka merupakan kakitangan sambilan.

Untuk makluman Yang Berhormat ketika urusan pendaftaran tahun 1998 khusus untuk negeri Sabah, sejumlah 459 orang telah terlibat dan mereka terdiri dari Pegawai Pendaftaran dan Penolong Pegawai Pendaftaran. Sementara itu sebanyak 424 pusat pendaftaran telah dibuka di seluruh pelosok negeri Sabah termasuk di kawasan pedalaman. Dalam keadaan begini SPR sangat memerlukan maklum balas dari orang ramai termasuk Ahli-ahli Yang Berhormat jika terdapat kejadian dalam mana ada di antara pusat-pusat pendaftaran yang tidak dibuka mengikut jadual atau ada Penolong-penolong Pegawai Pendaftaran yang mengatakan mereka kehabisan borang pendaftaran, perkara itu hendaklah dilaporkan dengan serta merta kepada Pegawai Pendaftaran di kawasan pendaftaran yang berkenaan atau kepada pegawai pilihanraya negeri yang akan mengambil tindakan segera menyiasat dakwaan tersebut. Ini saya rasa lebih berfaedah dari menunggu dan membangkit perkara tersebut di dalam Dewan yang mulia ini.

Mengenai dengan dakwaan Yang Berhormat bahawa pegawai-pegawai SPR memberi tanggapan yang negatif terhadap pembantah-pembantah, ini tidak benar sama sekali. Semua pegawai pendaftaran termasuk di negeri Sabah telah diingatkan supaya melayan semua bantahan kepada rang daftar pemilih dengan serius. Untuk meningkatkan lagi kefahaman pegawai-pegawai pendaftaran dalam menguruskan tuntutan dan bantahan daftar pemilih SPR telah mengaturkan sesi kursus dan taklimat untuk membolehkan mereka menjalankan tugas mengikut peruntukan undang-undang. Dalam masa yang sama jika pembantah-pembantah tidak berpuas hati dengan keputusan Pegawai Pendaftaran terhadap bantahan-bantahan, ruang adalah terbuka bagi mereka mengemukakan rayuan kepada pegawai penyemak.

Mengenai dengan bantahan kepada rang daftar pemilih di Bandau dan Kudat, saya difahamkan bahawa bantahan-bantahan itu telah didengar oleh pegawai pendaftaran melalui siasatan awam. Saya percaya siasatan awam itu telah diadakan dengan seadil-adilnya dan pegawai pendaftaran telah mengambil kira keterangan dan bukti-bukti yang ada sebelum membuat keputusan. Berkaitan dengan kesilapan yang berlaku mengenai dengan tempoh waktu notis bagi tujuan siasatan awam di Bandau saya juga difahamkan perkara itu telah diperbetulkan oleh pegawai pendaftaran. Dalam ucapan, Ahli Yang Berhormat telah mencadangkan supaya setiap permohonan pendaftaran sebagai pemilih di Sabah hendaklah mendapat pengesahan ketika mesyuarat tempatan terlebih dahulu. Cadangan ini tidak begitu sesuai kerana ianya bukan sahaja tidak sejajar dengan undang-undang yang berkuat kuasa tetapi juga akan menimbulkan kesusahan kepada orang ramai yang

genuine yang mendaftar sebagai pemilih. Keadaan akan menjadi lebih gawat jika ketua-ketua masyarakat itu bermain politik.

Ahli Yang Berhormat dari Bandau juga telah mengemukakan beberapa cadangan untuk memperbaiki lagi proses pendaftaran pemilih. SPR mengalu-alukan cadangan dan saranan tersebut. Jika cadangan itu sesuai dan tidak melanggar peruntukan undang-undang, SPR sudah pasti akan melaksanakannya. Saya juga difahamkan cadangan itu telah dikemukakan lebih awal kepada SPR melalui memorandum dari Parti Bersatu Sabah (PBS).

Ahli Yang Berhormat dari Tumpat pula meminta supaya Sistem Undi Pos dimansuh dan para anggota tentera disarankan mengundi secara biasa. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bahawa undi pos bukan sahaja terdapat di Malaysia tetapi juga diamalkan di beberapa buah negara yang lain terutama negara-negara Komanwel. Ianya merupakan satu keistimewaan yang diberi kepada warganegara yang tidak dapat mengundi secara biasa. Di Malaysia pengundian secara pos ini dikawal oleh Peraturan-peraturan Pilihan Raya (Mengundi Melalui Pos) (Malaysia Barat) 1959 dan Peraturan-peraturan Pilihan Raya (Mengundi Melalui Pos) (Sabah dan Sarawak) 1998.

Keistimewaan mengundi melalui pos ini diadakan bagi tujuan untuk membolehkan warganegara yang disebabkan oleh bentuk tugas yang dijalankan tidak dapat hadir di tempat mengundi untuk mengundi sebagaimana pemilih yang lain. Sebagaimana yang kita maklum, anggota-anggota tentera adalah merupakan benteng di barisan hadapan untuk mempertahankan keselamatan negara. Tugas-tugas keselamatan ini memerlukan mereka berada di tempat tertentu pada setiap masa dan ini tidak memungkinkan mereka untuk mengundi secara biasa.

Jika sistem undi pos ini dihapuskan, peluang anggota tentera untuk mengundi akan dinafikan dan ini merupakan sesuatu yang tidak adil kerana mengundi itu adalah hak asasi warganegara. SPR memang ada mendengar komen-komen yang negatif mengenai dengan pengundian secara pos, tapi setakat ini komen-komen itu tidak disertai dengan bukti-bukti yang konkrit bagi membolehkan SPR membuat siasatan.

Sementara itu Ahli Yang Berhormat dari Tuaran menggesa kerajaan agar mengemaskinikan buku daftar pemilih supaya tiada nama rakyat asing yang tersenarai di dalamnya. Isu ini telah dijawab berulang-kali di Dewan yang mulia ini. Perlembagaan dengan jelas telah menggariskan bahawa hanya warganegara Malaysia sahaja yang layak didaftarkan sebagai pemilih. Untuk menentukan bahawa seseorang itu warganegara, Penolong Pegawai Pendaftaran akan menyemak kad pengenalan orang-orang berkenaan sebelum borang-borang pendaftaran itu diterima. Sebagai langkah kawalan seterusnya, borang-borang pendaftaran ini akan disemak dengan Jabatan Pendaftaran Negara. Jika rekod permohonan itu ada di jabatan tersebut, barulah permohonan untuk mendaftar sebagai pemilih diproseskan. Oleh itu persoalan bahawa SPR perlu mengemaskinikan daftar pemilih dengan mengeluarkan nama bukan warga negara dari daftar tersebut tidak berbangkit.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Ledang membangkitkan isu ketelusan dalam pentadbiran kerajaan kerana dikatakan terlalu banyak kerenah birokrasi yang berlaku. Untuk makluman Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini bahawa kerajaan sedar pentingnya ketelusan dalam pentadbiran kerajaan. Usaha meningkatkan ketelusan ini sentiasa diberikan penekanan melalui pelbagai program pembaharuan pentadbiran. Contoh yang nyata ialah pelaksanaan Piagam Perlembagaan di mana agensi kerajaan diperlukan mempamerkan standard kualiti perkhidmatan yang diberikan kepada rakyat. Di kaunter-kaunter kerajaan juga pelbagai panduan dan carta aliran kerja dipamerkan yang antara lain menjelaskan proses suatu permohonan dan masa bagi setiap proses. Pelanggan pula diberi sepenuh peluang untuk mengemukakan aduan sekiranya berlaku kelambatan sama ada

secara bersemuka dengan pegawai-pegawai, melalui peti-peti cadangan atau melalui Biro Pengaduan Awam.

Di samping itu telah menjadi amalan yang menyeluruh sekarang bahawa agensi kerajaan menerbitkan pelbagai laporan, risalah dan pengetahuan mengenai aktiviti mereka termasuk peraturan prosedur bagi memudahkan pelanggan berurusan. Dengan pelaksanaan kerajaan elektronik dalam beberapa tahun terdekat ini, ketelusan diharap dapat terus dipertingkatkan. Salah satu kemudahan ialah capaian kepada pelbagai maklumat kerajaan secara on-line 24 jam sehari.

Untuk makluman Yang Berhormat, mengikut 'The World Competitiveness report 1997' yang diterbitkan oleh The Institute For Management iaitu sebuah badan bebas yang beribu pejabat di Geneva. Dari 46 buah negara yang dinilai, Malaysia adalah di tangga ke-8 dari segi ketelusan dan di tangga ke-7 dari segi birokrasi. Kedudukan ini lebih baik daripada beberapa buah negara maju di dunia seperti Amerika Syarikat dan Australia. Ini menunjukkan pentadbiran di Malaysia bukan sahaja telus tapi birokrasinya adalah di tahap yang baik dan tidak sangat menjejaskan perkembangan perniagaan.

Penekanan tentang pentingnya ketelusan dan kecekapan pentadbiran tersirat dalam pelbagai pekeliling, surat pekeliling dan surat arahan yang telah dikeluarkan. Tujuan surat pekeliling ...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Kita ada 2 minit.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Okey. Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja jawapan saya kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menanya pada JPM. Insya-Allah, yang mana yang tidak sempat saya sebutkan di sini, akan saya berikan jawabannya secara bertulis. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui,

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya kemukakan masalah bahawa Usul di atas nama Yang Berhormat Menteri Kewangan di dalam Aturan Urusan Mesyuarat ini diedarkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih RM18,053,037,700 dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 1999, bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 1999 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 23 Tahun 1998 adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan

jumlah-jumlah yang bersetentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut hendaklah disahkan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Kita akan masuk Jawatankuasa esok. Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan sekarang sehingga jam 10.00 pagi esok.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 5.50 petang.*